

Jilid IV  
Bil. 14

Hari Jumaat  
16hb Mac, 1990



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL KEEMPAT**  
*Fourth Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 2769]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN**  
**MESYUARAT 18:**

**Skandal Kehilangan Sijil Saham BSKL—Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)**  
[Ruangan 2855]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Levi Kenderaan Barang-barang (Pindaan) [Ruangan 2862]**

**Rang Undang-undang Zon Bebas [Ruangan 2888]**

**Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas)**  
**(Pindaan) [Ruangan 2935]**

**USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat**  
**dan Penangguhan [Ruangan 2909]**

**Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985—Kuatkuasa**  
**Tempoh [Ruangan 2896]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG KEEMPAT

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,  
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar  
Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P.  
(Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P.,  
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDIEN AL-HAJ  
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P.,  
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR  
HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K.  
S.S.S.A. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG  
KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,  
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.  
(Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATUK LEE KIM SAI, D.S.S.A.,  
P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI  
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.  
(Pekan).

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., S.S.S.A., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUALI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K, (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar,  
TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, S.M.S., P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).

- Yang Berhormat TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah)
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tengah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungei Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* Tiu Siang Seng (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).



## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

**Jumaat, 16hb Mac, 1990**


---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang  
Berhormat Tuan Haji Mohamed Sam bin  
Haji Sailan.

*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Haji  
Mohamed Sam bin Haji Sailan tidak  
hadir)*

**PEJABAT JPJ JOHOR BAHRU—  
BANGUNAN BARU**

**2. Tuan Law Lai Heng** minta Menteri  
Pengangkutan menyatakan:

- (a) memandangkan Jabatan Pengangkutan Jalan di Johor Bahru adalah sesak dan sempit, bilakah Kerajaan akan mendirikan sebuah pejabat JPJ baru di tapak baru yang lebih luas; dan
- (b) jumlah kos yang terlibat.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi:

- (a) Kerajaan ada merancang untuk membina bangunan pejabat baru

bagi Jabatan Pengangkutan Jalan di Johor Bahru. Bagi tujuan ini tanah untuk tapak pejabat baru ini telah diambil balik oleh JPJ dengan bayaran pampasan sebanyak \$1.650 juta, terletak di Lot 436, Mukim Teberau, daerah Johor Bahru. Luas tapak ini ialah 12.14 hektar. Pada masa ini pelan telahpun siap disediakan oleh Jabatan Kerjaraya dan kini projek ini berada di peringkat penyediaan dokumen tender. Tender dijangka akan dikeluarkan oleh Jabatan Kerjaraya pada bulan April 1990 ini. Tempoh pembinaan bangunan ini dijangka memakan masa selama 30 bulan.

- (b) Kos pembinaan pejabat ini dianggarkan kira-kira \$10.2 juta.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak adakah rancangan pihak Kementerian yang berkenaan supaya semua jabatan-jabatan Pengangkutan Jalan di seluruh negara agar disediakan tempat yang khas, tidak sebagaimana yang ada sekarang ini di mana jabatan-jabatan ini terletak di tempat-tempat yang sempit yang menyusahkan lagi keadaan di kawasan itu dan adakah diadakan juga tempat-tempat untuk pemeriksaan dan sebagainya di kawasan yang berkenaan?

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, jawabnya ada, tetapi pelaksanaannya berperingkat-peringkat

### MUTU SUKAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

3. Tuan P. Patto minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan mengapa selain daripada acara badminton, Malaysia tidak dapat memasuki peringkat akhir mahupun separuh akhir dan mengapa peserta-peserta kita yang pernah mencatatkan prestasi yang baik di Malaysia dalam Sukan SEA bagi diri mereka tidak dapat mengulangi itupun dan bolehkah satu siasatan rapi dijalankan untuk menentukan sebab-sebab Malaysia begitu mundur dalam bidang sukan peringkat antarabangsa, selain daripada Sukan SEA di Kuala Lumpur.

**Menteri Belia dan Sukan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, perlu ditegaskan bahawa keupayaan Malaysia dalam bidang sukan setakat ini ialah tempat kedua di rantau Asia Tenggara kecuali dalam acara badminton, di mana Malaysia merupakan negara yang kedua di dunia. Tempat kedua bagi Malaysia dalam sukan rantau Asia Tenggara adalah terbaik yang pernah tercapai dalam sejarah sukan negara. Oleh itu, berdasarkan pencapaian dalam Sukan SEA XV di Kuala Lumpur, mutu sukan negara pada keseluruhannya telah meningkat ke tahap yang boleh kita banggakan.

Untuk mencapai kejayaan di peringkat yang lebih tinggi, Malaysia memerlukan sekumpulan ahli-ahli sukan negara yang benar-benar berpotensi dan berkaliber tinggi. Ini adalah kerana persaingan di peringkat dunia dan Olimpik adalah sangat sengit dan hebat.

Di antara faktor-faktor yang perlu ada bagi negara kita mencapai kejayaan di peringkat dunia dan Olimpik ialah:

- (a) Perubahan sikap di kalangan masyarakat secara menyeluruh untuk melihat sukan sebagai satu kerjaya yang boleh menjamin masa hadapan yang lebih baik dan bukan merupakan penglibatan secara sambilan. Pilihan di antara mencapai kelulusan akademik

yang baik dan mencari pekerjaan yang boleh menjamin masa hadapan, selalunya mendahului penglibatan sepenuhnya seseorang dalam bidang sukan.

- (b) Perkembangan sukan di peringkat antarabangsa ke arah profesionalisme yang tinggi menuntut kita untuk berlatih sepanjang masa dengan penuh dedikasi dan komitmen secara total. Kesempatan untuk ahli-ahli sukan amaturnya yang bersemangat amat terbatas jika terpaksa berdepan dengan kumpulan ahli-ahli sukan bertaraf profesional.
- (c) Kita belum lagi mempunyai kepakaran dari segi ahli sains sukan, bilangan jurulatih yang berkaliber dan pentadbir-pentadbir sukan yang berpengetahuan dan komited untuk kemajuan sukan ke peringkat dunia dan Olimpik.
- (d) Kekurangan kemudahan-kemudahan sukan secara menyeluruh sehingga ke akar umbi memerlukan pelaburan kewangan yang besar.

Berdasarkan kepada faktor-faktor tersebut, Kerajaan mempunyai rancangan jangka panjang untuk terus mempertingkatkan mutu sukan negara kita. Ada tanda-tanda yang menggalakkan bahawa usaha-usaha Kerajaan akan mencapai kejayaan pada jangka waktu yang tertentu.

Pengwujudan Institut Sukan Negara di Bukit Jalil yang dijangka siap Fasa Pertamanya dalam masa dua tahun akan datang, sudah tentu akan memberi kesan yang amat besar kepada hasrat Malaysia menjadi negara juara dalam bidang sukan. Namun demikian, kejayaan dalam bidang sukan adalah sangat kompleks dan tidak hanya terletak kepada usaha Kerajaan sahaja tanpa penglibatan

persatuan-persatuan sukan yang ber-wibawa dan tanpa penglibatan rakyat yang berdisiplin dan komited kepada bidang sukan, hasrat ini nescaya tidak akan tercapai.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang menyanjung tinggi akan usaha pihak Kerajaan ke arah mempertingkatkan prestasi sukan di kalangan rakyat kita di negara kita ini. Dan kita percaya bahawa ini akan dapat dicapai andaikata kita berusaha betul-betul. Soalan saya ialah apakah setakat ini selain daripada pihak Kerajaan berjaya mempertingkatkan prestasi sukan di kalangan rakyat kita? Kerajaan telah berjaya memperalatkan sukan ataupun bidang sukan untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia dan juga semangat perpaduan antara wilayah, Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia di negara kita ini.

Yang keduanya, adakah semangat "ngap sayot" yang timbul di zaman bolasepak begitu menonjol di negara kita ini telah dapat kita kurangkan, iaitu apa yang saya hendak maksudkan ialah semangat "ngap sayot" itu sedikit banyak merenggangkan hubungan antara Sarawak dan Semenanjung dan setakat manakah Kerajaan telah berjaya untuk mengurangkan semangat ini supaya integrasi nasional itu akan dapat dicapai menerusi sukan dan aktiviti sukan seperti bolasepak?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Kerajaan dalam menggunakan sukan sebagai alat perpaduan telah menunjukkan kesan yang amat kita banggakan lebih-lebih lagi di dalam peristiwa-peristiwa yang dapat kita lihat pada masa Sukan XV yang lalu. Kerajaan juga sedar bahawa sukan boleh digunakan sebagai alat ke arah perpaduan dan integrasi nasional. Untuk mencapai tujuan ini, maka

Sarawak dipilih sebagai tuanrumah untuk Sukan Malaysia yang Ketiga pada bulan Julai yang akan datang ini. Pihak Kerajaan menjangkakan bahawa dengan negeri Sarawak sebagai tuanrumah termasya Sukan Malaysia ini dapat dijadikan sebagai satu usaha ke arah memupuk perpaduan nasional yang lebih gentar lagi dan sama ada "ngap sayot" merupakan satu semangat kenegerian yang bercanggah dengan perpaduan nasional, ini adalah terpulung kepada pemimpin-pemimpin tempatan sendiri. Saya berpendapat bahawa semangat kenegerian itu baik tetapi ada batasnya, jangan sampai semangat itu terlalu meluap-luap sehingga kita menegenipikan kepentingan yang lebih besar lagi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri bahawa beliau tadi memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa masalah kewangan merupakan satu masalah di mana prestasi sukan negara kita menghadapi masalah. Saya hendak bertanya sama ada Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan cadangan saya bahawa untuk menggalakkan penglibatan swasta dalam bidang sukan ini, Kerajaan akan mewajibkan bahawa syarikat-syarikat memperuntukkan 0.1% daripada keuntungan tahunan untuk sukan sebagai satu usaha untuk mempertingkatkan prestasi sukan kita. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada cadangan untuk mengenakan bayaran secara wajib oleh syarikat-syarikat swasta itu untuk kemajuan sukan. Kita akan menggunakan pengaruh kita untuk menggalakkan syarikat-syarikat swasta memberi sumbangan yang lebih besar. Malah pada masa sekarang ini ada juga syarikat-syarikat yang telah memberi sumbangan yang lebih besar daripada jumlah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

## RAMPASAN BARANG SELUDUP

4. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kewangan menyatakan daripada kesemua rampasan barang seludup yang bernilai \$25 juta pada tahun 1989:

- (1) sebutkan pusat-pusat penye-  
ludupan yang paling giat  
dijalankan;
- (2) sejauh mana penglibatan pe-  
gawai-pegawai kastam yang  
didapati terlibat dan dikenakan  
tindakan;
- (3) mengikut perbandingan bagai-  
manakah seriusnya kegiatan  
penyeludupan ini pada tahun  
1986, 1987, 1988 dan 1989; dan
- (4) jika keadaan ini bertambah serius  
apakah langkah menyekatnya.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sebenarnya telah merampas dan melucuthak barang-barang bernilai \$12.75 juta dalam tahun 1989 dan bukannya \$25 juta seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat yang berkenaan. Adalah sukar untuk mem-  
pastikan pusat-pusat penyeludupan yang paling giat dijalankan. Walau bagaimanapun, kawasan-kawasan utama penyeludupan adalah seperti berikut:

- (i) Selatan Semenanjung;
- (ii) Pantai Barat Selatan Seme-  
nanjung;
- (iii) Pantai Barat Tengah Seme-  
nanjung;
- (iv) Pantai Barat Utara Seme-  
nanjung;
- (v) Sempadan Malaysia-Thai;
- (vi) Pantai-pantai sekitar Tawau,  
Semporna, Sandakan, Kuala  
Penyu dan Sipitang di Sabah; dan  
juga

- (vii) Pantai-pantai yang berhampiran dengan sungai-sungai besar seperti Sungai Sarawak, Sungai Limbang dan Sungai Rajang di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan pegawai-pegawai kastam yang didapati terlibat dengan kes-kes penyelewengan serta rasuah dan dikenakan tindakan dalam tahun 1989 adalah berjumlah 12 orang. Seorang telah didakwa di mahkamah oleh Badan Pencegah Rasuah dan 11 orang lagi diambil tindakan tatatertib oleh Jabatan Kastam.

Secara perbandingan kegiatan penyeludupan adalah bertambah dari tahun ke setahun. Ini dapat dilihat dari kejayaan Jabatan Kastam dalam mencegah penyeludupan di seluruh negara bagi tahun-tahun 1986 hingga tahun 1989 seperti berikut:

	1986	1987	1988	1989
(a) Bilangan kes di- perolehi	7,027	9,127	8,519	8,584
(b) Bilangan orang didakwa	605	668	647	56
(c) Bilangan orang dikonpoun	4,018	5,308	4,889	5,091
(d) Nilai barang-barang rampasan dan dilucuthak	\$12,783,815.17	\$16,678,158.17	\$16,754,279.34	\$12,753,716.13

Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Kastam untuk menyekat dan mencegah penyeludupan adalah seperti berikut:

- (a) menambah logistik pencegah, khususnya bot-bot, lanci dan kereta di tempat-tempat yang strategik di seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak;
- (b) mempertingkatkan tugas-tugas pencegahan biasa seperti rondaan laut dan darat dan mengadakan operasi-operasi khas di seluruh negara;
- (c) mempertingkatkan sistem pe-  
risikan Jabatan Kastam dalam  
menghadapi cara-cara penye-  
ludupan yang semakin sofis-  
tikated;

- (d) mengadakan kempen-kempen pencegah penyeludupan di seluruh negara untuk menyedarkan pihak-pihak awam tentang bahaya ancaman penyeludupan kepada negara;
- (e) mempertingkatkan hubungan kerjasama dua-hala dengan negara-negara Thailand dan Indonesia melalui mesyuarat yang bertujuan untuk bertukar maklumat dan risikan berkaitan dengan penyeludupan serta mendapatkan kerjasama dalam bidang penyiasatan; dan
- (f) mengkaji peraturan-peraturan import atau eksport dari semasa ke semasa untuk menyekat ruang-ruang atau 'loopholes', dengan izin, yang boleh berlaku penyelewengan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dengar hanya penyeludupan di atas barangan atau benda bernilai sahaja. Bolehkah saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sama ada terdapat gerakan atau kegiatan penyeludupan manusia atau bayi-bayi. Kalau ada, di mana tempatnya yang dipastikan oleh Kementerian dan apakah langkah-langkah akan diambil terhadapnya.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya penyeludupan mengenai bayi ataupun orang-orang daripada negara-negara jiran, ini sebenarnya bukanlah tanggungjawab Jabatan Kastam. Ini adalah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa kadangkadangkang penyelewengan di kalangan pegawai-pegawai Kastam ini memang berlaku tetapi walaupun berlaku, mereka dapat dikesan. Soalan saya ialah andaikata semua, kerana kawasan tempat

pegawai Kastam bertugas ini terpencil - andaikata semua menyeleweng di satu kawasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak boleh bertanya dalam Soal Jawab macam itu. Ada satu peraturan tidak boleh kita mengagak-agakkan dan bertanya di atas apa yang kita agak—menggunakan perkataan andaikata itu ialah . . . .

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Oh! Macam mana kalau kita menggunakan 'sekiranya'.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh Yang Berhormat [*Ketawa*] pertanyaan macam itu tidak boleh pakai. Dalam Soal Jawab ini cubalah baca dan tengok cara-cara hendak bertanya pertanyaan-pertanyaan. [*Ketawa*]

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah apakah langkah-langkah yang berkesan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk menentukan supaya pegawai-pegawai yang didapati melakukan penyelewengan ini dapat dikesan dengan berkesannya, lebih-lebih lagi kalau sekiranya semua di kawasan itu terlibat dan tidak ada orang lain yang menyelidiki akan tingkah-laku mereka itu.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seperti apa yang saya katakan tadi tindakan-tindakan yang berkesan telah diambil oleh Kerajaan dari masa ke semasa. Seperti apa yang saya katakan tadi, sepanjang masa ini telah ada 12 orang pegawai yang telah dikenakan tindakan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan saya tidak dapat menyebutkan di sini dengan secara terperinci langkah-langkah yang berkesan sekali untuk mengenalpasti pegawai-pegawai yang menjalankan aktiviti-aktiviti penyelewengan. Sebenarnya, Kerajaan telah berpuas hati dengan pegawai-pegawai yang bertugas sebagai pegawai Kastam di tempat-tempat di seluruh negara. Pegawai-pegawai yang melibatkan diri dalam

aktiviti ini telah diberi amaran yang serius dan beberapa orang telah dikenakan tindakan yang serius.

### **JENAYAH PERDAGANGAN KOPERAT**

**5. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimanakah seriusnya keadaan jenayah perdagangan dan korporat dalam negara dengan memberi butir-butir bilangan kes yang belum selesai sehingga akhir tahun lalu. Apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat ini untuk memperkuatkan Bahagian Jenayah Perdagangan dalam aspek pengambilan lebih ramai kakitangan polis yang terlatih dan layak untuk mengatasi bilangan jenayah perdagangan korporat yang kian bertambah.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, keadaan jenayah perdagangan koperat dianggap serius dengan bilangan kes yang dilaporkan berjumlah sebanyak 42,475 kes sejak tahun 1980 hingga 1989. Dari jumlah ini sebanyak 7,903 kes telahpun selesai penyiasatannya sementara bakinya masih dalam tindakan.

Menyedari hakikat ini, pihak Polis Diraja Malaysia telah menambah bilangan anggotanya menjadikan 117 orang keseluruhannya yang mana terdiri dari 85 orang pegawai, 23 anggota pangkat rendah dan 9 orang kakitangan awam. Pegawai-pegawai yang dipilih menganggotai Cawangan ini terdiri daripada mereka yang berkelulusan berbagai jurusan seperti perdagangan, perundangan, perakaunan dan perniagaan. Mereka ini terus dihantar menghadiri kursus dan latihan-latihan di dalam dan luar negeri.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu tentang bilangan kakitangan yang ada sekarang di dalam bahagian

jenayah perdagangan, Polis Diraja Malaysia dan adakah Polis Diraja Malaysia ini mengadakan rancangan untuk membesarkan cawangan-cawangan jenayah perdagangan di seluruh negara bagi menghadapi kes-kes yang tadi menurut Yang Berhormat Timbalan Menteri terdapat 42,000 kes yang telah dilaporkan.

Yang kedua, ialah saya ingin mendapat tahu sejauh mana pihak polis dapat benar-benar berjaya untuk bertindak terhadap penjenayah-penjenayah korporat memandangkan ini bahawa ada banyak kes-kes yang telah dilaporkan dan nampaknya ada ramai yang belum diberkas atau ditangkap oleh pihak polis.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah mengatakan bahawa setakat soalan ini disediakan, keseluruhan anggota ada 117 orang. Tetapi saya telah mendapat maklumat terakhir bahawa Bahagian Jenayah Perdagangan Polis Diraja Malaysia ialah 232 orang. Dari jumlah tersebut seramai 167 orang adalah terdiri dari kalangan pegawai dan daripada 167 pegawai tersebut seramai 23 mempunyai ijazah dan 37 mempunyai diploma dalam berbagai bidang dan bilangan ini tentulah akan kita tambah dari masa ke semasa mengikut keadaan-keadaan dan kehendak-kehendak semasa. Dengan keadaan yang sedemikian oleh kerana peratusan kes-kes yang dapat diselesaikan tidaklah begitu besar, tentu sekalilah ada ura-ura untuk bahagian ini diperkembangkan di kawasan-kawasan lain.

Soalan (b), kes jenayah perdagangan ini adalah merupakan perkara baru di dalam fenomena negara kita. Dengan itu tentu sekalilah pihak Polis Diraja Malaysia terpaksa menyiapkan diri dengan pegawai-pegawai yang benar-benar mahir dalam kes-kes tersebut agar apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat itu dapat kita selesaikan secepat mungkin. Dengan sebab itu pihak Polis Diraja Malaysia telah pun

menghantar pegawai-pegawai bahagian ini untuk berkursus di luar negeri dan juga di dalam negeri agar mereka benar-benar dapat menyelesaikan masalah-masalah yang telah pun dibangkitkan.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan begitu serius nampaknya perkara yang berlaku di dalam jenayah perdagangan dan korporat ini, saya ingin bertanya dalam bahagian manakah yang kerap berlaku ataupun yang banyak berlaku sama ada dalam segi korporat ataupun perdagangan.

Yang kedua, daripada jumlah 232 pegawai yang ada dan daripadanya 167 sahaja pegawai termasuk 23 yang berijazah, saya ingin tahu daripada jumlah itu berapakah sebenarnya dapat memenuhi keperluan negara dalam usaha Kerajaan untuk membanteras perbuatan jenayah korporat dan perdagangan. Berapa peratus keperluan sebenar, ertinya kalau kita hendak seribu, berapa peratus? Sekiranya peratus terlalu kecil masanya telah tiba bagi pihak Kerajaan, saya rasa, patutlah menambah dengan segera supaya dapat menyakinkan masyarakat dalam masalah korporat dan perdagangan ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, yang mana banyak, saya minta maaf oleh kerana ianya akan mengambil masa yang begitu panjang untuk kita menganalisa 42,000 kes itu yang mana satu korporat, mana satu perdagangan biasa. Jadi, saya ingat saya minta maaf kepada Yang Berhormat dari Tasek Chenderuh. Bagaimanapun, saya memberi jaminan bahawa saya akan minta pegawai saya untuk menulis jawapan kepada Yang Berhormat sendiri.

Perkara yang kedua, masih lagi tidak cukup dan kita akan cuba untuk menambah pegawai yang cukup.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan mengenai peratusan itu belum dijawab.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Adalah sukar untuk kita mengukur kebolehan kerja itu mengikut bilangan seseorang. Kadang-kadang satu orang itu boleh buat kerja bagi tiga orang. Jadi, terpulang kepada prestasi seseorang itu dan untuk mengukurnya bukanlah jumlah bilangan orang, tetapi adakah boleh mereka menjalankan kerja itu dengan baik untuk menyelesaikan masalah ini.

#### TERMINAL KONTENA DI DARATAN—PEMBINAAN

6. **Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa buahkah terminal kontena di daratan (inland container terminal) yang dirancang untuk dibina oleh Lembaga-lembaga Pelabuhan di dalam Rancangan Malaysia Keenam, apakah bentuk operasinya.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Keenam, hanya Lembaga Pelabuhan Johor yang mempunyai rancangan membina terminal kontena di daratan. Kawasan yang dikenalpasti ialah Kempas dan Mengkibol. Depo ini dicadangkan beroperasi sama seperti Inland Container Terminal, dengan izin, di Ipoh yang sekarang ini dikendalikan oleh Lembaga Pelabuhan Kelang dan Keretapi Tanah Melayu, iaitu ianya lebih merupakan sebuah pelabuhan kering atau dry port, dengan izin. Ini bermakna terminal-terminal yang sedemikian akan berfungsi dan menyediakan kemudahan-kemudahan sama dengan kemudahan-kemudahan yang terdapat di sebuah pelabuhan biasa di mana semua cargo clearance, dengan izin, dapat diuruskan di terminal berkenaan termasuk pembayaran duti kastam.

Apabila sesuatu kargo atau kontena diterima di terminal sedemikian, ia dianggap sebagai telah dieksport dan mana-mana pengeksporth atau



pengimport tidak perlu lagi membuat urusan atau melantik agen-agen untuk menguruskan kargo mereka di pelabuhan-pelabuhan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Zainal Abidin bin Johari.

*[Soalan No. 7 Y.B. Dato' Zainal Abidin bin Johari tidak hadir]*

### CUKAI YANG DIPEROLEHI

8. **Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah cukai-cukai atau hasil yang diperolehi semasa lima tahun ini dari berikut masing-masing:

- (a) Loteri Kebajikan Masyarakat;
- (b) Loteri-loteri Big Sweep;
- (c) Empat Nombor Ekor (Magnum);
- (d) Sports Toto;
- (e) Agensi Nombor Ramalan (Pan Malaysian Pools).

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 5 tahun yang lepas iaitu daripada tahun 1985 sehingga tahun 1989....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjangkah jawapannya? Nampaknya hendak jadi panjang itu kerana butir-butir daripada 1985 hingga 1989 diperlukan.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Bukan, pendek sahaja. Hasil cukai yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti tersebut ialah:

- (a) Loteri Kebajikan Masyarakat berjumlah \$85,322,312.00.
- (b) Empat Nombor Ekor berjumlah \$818,263,666.22
- (c) Sports TOTO berjumlah \$77,925,580.15.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Loteri Big Sweep anjuran Pan Malaysia Sweeps Sdn. Bhd. dan Agensi Nombor Ramalan (Tiga Nombor Ekor -3D) anjuran Pan Malaysia Pools Sdn. Bhd. hanya dimulakan pada tahun 1989 sahaja. Jumlah hasil cukai tahun 1989 daripada loteri Big Sweep ialah \$13,925,000.00, manakala bagi Agensi Nombor Ramalan ialah \$4,841,818.70.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:**  
*[Bangun]*

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:**  
*[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kuala Nerus. Dia bangun dia duduk balik.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ingin saya mendapat tahu daripada Timbalan Menteri Kewangan. Pertama sekali mengenai Loteri Kebajikan Masyarakat ini, wang daripada hasil judi itu, ke mana dibelanjakan? Sejak dahulu lagi sehingga hari ini ada orang-orang susah ataupun miskin dalam negara ini untuk mendapat bantuan daripada Kebajikan Masyarakat. Dahulu-dahulunya daripada wang loteri inilah mereka diberi bantuan. Tetapi sekarang ini adakah daripada wang loteri ini lagikah bantuan kebajikan masyarakat diberi kepada orang-orang miskin ini atau daripada wang selain daripada wang loteri ini? Ini satu.

Yang kedua, jumlah daripada pendapatan wang daripada hasil-hasil loteri ini, ke mana dibelanjakan? Dicampuraduk kepada semua daripada jumlah pendapatan hasil-hasil negarakah ataupun wang ini memang diasingkan dan dibelanjakan secara berasingan? Itulah yang saya hendak minta penjelasan sedikit.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, kedua-dua soalan tambahan itu adalah serupa sedikit. Bagi soalan tambahan mengenai

ke manakah disalurkan hasil-hasil cukai daripada syarikat-syarikat yang menjalankan loteri-loteri ini, jawapan saya ialah sebahagian pendapatan atau hasil itu disalurkan kepada Consolidated Fund dan sebahagian itu disalurkan kepada Majlis Sukan Negara. Bagi menjawab soalan mengenai bolehkah orang-orang yang miskin meminta bantuan daripada hasil-hasil ini, ini bukanlah di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan, tetapi adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kebajikan Masyarakat.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kriteria-kriteria ataupun syarat-syarat yang dikenakan dalam pertimbangan Kementerian beliau untuk mengeluarkan lesen untuk mengusahakan syarikat perjudian yang seperti ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa berlainan langsung itu. Yang ini dia minta berapa banyak . . . .

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Masih ada lagi satu soalan, Tuan Yang di-Pertua. Itu soalan pertama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang kedua?

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Yang kedua ialah bersabit dengan pendapatan yang begitu banyak. Adakah pihak Kerajaan, selepas menimbang sebab pendapatan daripada syarikat-syarikat perjudian ini adalah begitu besar dan mengorbankan prinsip kepercayaan agama iaitu di mana segala agama tidak membenarkan perjudian, sebab pendapatan yang begitu besar, tidakkah Kerajaan menimbangkan memansuhkan semua lesen-lesen untuk menjalankan syarikat perjudian?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ini adalah soalan yang lama. Kita telahpun beberapa kali berbahas di dalam Dewan ini, iaitu sama ada betul atau tidak bagi Kerajaan menjalankan aktiviti untuk memberi

lesen kepada syarikat-syarikat bagi menjalankan perniagaan perjudian ini. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin menjawab soalan ini dengan panjang lebar, tetapi saya ingin mengingatkan Ahli Yang Berhormat bahawa negara kita ini adalah negara yang demokratik dan bebas dan rakyat yang ingin berjudi bolehlah pergi ke tempat-tempat yang berlesen supaya negara pun dapat memungut hasil untuk disalurkan sebahagiannya kepada Majlis Sukan Negara supaya aktiviti-aktiviti sukan di negara kita ini pun dapat peruntukan juga.

## MARXISME—KESAN DI UNIVERSITI

**9. Tuan Haji Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauhmana kesan kefahaman Marxisme di kalangan para sarjana serta tenaga pengajar di pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini. Apakah tindakan balas Kerajaan bagi mengelakkan pengaruh tersebut berleluasa. Berapa ramai yang sudah diambil tindakan oleh Kementerian.

**Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sedar bahawa ada sarjana yang sama ada secara terang atau mirip pada fahaman Marxisme yang masih mengajar di pusat-pusat pengajian tinggi, tetapi oleh kerana perkembangan mutakhir ini menampakkan satu ketewasan ideologi Marx secara parah, maka penjelmaan secara terang di kalangan para sarjana untuk mendukung aliran fahaman Marx ini tentu juga menurun.

Kementerian hanya mengikuti perkembangan ini dan melihat sejauh mana pengaruh mereka di kalangan mahasiswa dan didapati mahasiswa di Malaysia kini sukar mendukung aliran fahaman tersebut. Oleh yang demikian, kita hanya terus mengawasi. Kerajaan belum mengambil tindakan dan belum mencadangkan apa-apa bentuk tindakan terhadap mereka.

**Tuan Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita seringkali kedengaran dakwaan bahawa ramai intelektual atau cendekiawan kita yang berfahaman Marxisme ini biasanya bertopengkan sosialisme. Adakah dakwaan seperti ini benar dan bagaimana pula Kerajaan dapat membezakan Marxist daripada Sosialist kerana perbezaan yang terdapat antara keduanya memang tidak begitu ketara.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, topeng-topeng sosialisme pun dia tak berani pakai lagi sekarang. Kalau 20-30 tahun dahulu memang popular, tetapi sekarang ini nampaknya topeng ini sudah cuba dipadamkan. Ini seperti mana kita lihat dalam perkembangan Partai Sosialis Rakyat Malaya dahulunya, Malaya pun sudah ditukar, sosialis pun sudah hilang. Jadi, saya kira aliran sosialis yang berteraskan kepada faham Marx juga tidak terpakai, yang ada sedikit-sedikit yang mempertahankan aliran sosialis bentuk itu hanyalah DAP. (*Ketawa*)

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa konsep Marxisme ialah penekanan kepada dialektika materialisme. Apabila disebut dialektika materialisme ini mungkin dia boleh muncul dalam beberapa konsep yang lain. Kita tidak menekankan dari segi nama dan pembawaan seperti ini mungkin dibawa oleh beberapa orang kakitangan universiti di negara kita. Jadi, apakah sudah dibuat pengkajian dan penyelidikan secara penghalusan terhadap pemikiran yang dibawa oleh golongan ini berdasarkan kepada dialektika materialisme.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, aliran atau fahaman dan pendekatan historis Marx dan juga dialectical materialisme, dengan izin, tidak dapat dipertahankan lagi dan walaupun pendukung-pendukung mereka masih ada, tetapi saya tidak menaruh keyakinan

bahawa mereka akan dipandang serius dan didukung oleh mahasiswa, pelajar-pelajar bahkan rakyat sendiri pun.

Ini berdasarkan kepada rekod, pertamanya perkembangan dunia, keduanya perkembangan di negara kita sendiri. Soal pekerja, petani, nelayan yang miskin mendapat pembelaan yang cukup dan oleh kerana kelompok ini telah mendapat pembelaan, kecenderungan pihak sosialis, Marxist ataupun parti-parti Pembangkang untuk cuba meracuni pemikiran mereka tentu akan gagal.

#### KEMENTERIAN HAL EHWAL WANITA—PENUBUHAN

10. **Tuan Hu Sepang** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau menimbang untuk menubuhkan satu Kementerian Untuk Hal Ehwal Wanita seperti yang dicadangkan oleh berbagai pertubuhan wanita dan pressure group, jika tidak, sebutkan mengapa dan jika ya, bila ianya akan diwujudkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk mewujudkan sebuah Kementerian Hal Ehwal Wanita kerana akan menimbulkan pertindihan fungsi dan tanggungjawab dengan Kementerian-kementerian atau agensi-agensi yang sedia ada.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan telah menaikkan taraf Urusetia Hal Ehwal Wanita (HAWA) kepada Bahagian mulai 1hb Januari, 1990 bagi membolehkan HAWA sebagai agensi Kerajaan dapat melaksanakan tugasnya dengan lebih efektif dan berkesan sebagai penyelaras mengesan dan mengawas kepada usaha-usaha pembangunan yang dijalankan oleh lain-lain agensi sama ada Kerajaan atau bukan Kerajaan ke arah kemajuan wanita.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sepatutnya dijawab oleh ahli wanita (*Ketawa*) dan nampaknya Kerajaan Barisan Nasional tidak memandang berat terhadap hal ehwal wanita. Jadi, tak hairanlah . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak tanya apa?

**Tuan Hu Sepang:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Fasal apa tak dijawab oleh Menteri wanita?

**Tuan Hu Sepang:** Ya. Jadi, jika pada masa depan Kerajaan bercadang menubuhkan Kementerian Hal Wanita ini, adakah Kerajaan bercadang Menteri itu dilantik dari kaum wanita. Ini soalan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, benda itu dijawab tidak mengadakan Kementerian itu.

**Tuan Hu Sepang:** Ya, buat masa kini tidak, tetapi di masa depan . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam Peraturan Mesyuarat kita tidak boleh bertanya begitu, tidak boleh ditanya jika pada masa hadapan Kerajaan hendak buat begini, apa hendak jadi tidak boleh. Pertanyaan-pertanyaan kita hendaklah tetap dan tidak boleh bertanyakan fikiran apa yang hendak buat pada masa depan. Cuba tengok Peraturan Mesyuarat 23.

**Tuan Hu Sepang:** Jadi, kalau macam ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak tanya soalan tambahan juga . . . tak payahlah—sudahlah (*Ketawa*)

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah bentuk kenaikan taraf HAWA dan adakah ianya dirancang untuk dijalankan di seluruh negara secara serentak dan apakah program-program yang sedang dijalankan oleh pihak KEMAS pada masa ini akan dimasukkan di dalam program di bawah kenaikan taraf ini?

**Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional tidak menafikan peranan wanita di dalam pembangunan negara dan oleh yang demikian, kenaikan taraf Unit HAWA kepada sebuah Bahagian jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional memang memandang bahawa peranan kaum lelaki dan wanita adalah sama dan oleh yang demikian terdapat beberapa program seperti adanya rangkaian Pegawai Penyelaras yang berbentuk seperti KEMAS di peringkat Kementerian, Negeri dan Daerah dan pegawai-pegawai ini adalah ditugaskan untuk mengenalpasti masalah-masalah dan isu-isu wanita yang terdapat di dalam negara ini.

#### IKLAN RTM/TV3—RUNGUTAN ORANGRAMAI

11. **Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Penerangan menyatakan tidakkah ada rancangan bagi mengelakkan rungutan-rungutan dari orang ramai berhubung dengan siaran-siaran sama ada RTM ataupun TV3 yang begitu banyak menyiarkan iklan-iklan di dalam rancangan-raancangan yang kadangkala amat membosankan penonton-penonton. Boleh dikatakan masa yang diuntukkan untuk tiap-tiap rancangan ini dipenuhi dengan iklan-iklan dan begitu juga iklan melalui Warta Berita sama ada RTM ataupun TV3 yang mana sering mengganggu berita-berita yang hendak didengar oleh rakyat diganggu oleh iklan-iklan kadangkala belum lagi habis ayat yang hendak dibaca oleh pembaca berita iklan telah disiarkan dengan lebih awal.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey):** Tuan Yang di-Pertua, iklan merupakan sumber hasil yang utama bagi RTM. Hasil daripada iklan-iklan tersebut dapat menam-

pung sebahagian besar perbelanjaan Kerajaan, khasnya yang bersabit dengan perkhidmatan penyiaran dan dapat mencapai matlamatnya menjadi "self sufficiency" dari segi kewangan.

Dalam menyiarkan iklan-iklan RTM menggunakan garis-garis panduan seperti berikut bagi mengelakkan selingan iklan-iklan yang berlebihan. Garis-garis panduan yang dimaksudkan ialah:

- (i) bagi rancangan-ancangan yang mengambil masa lebih dari satu jam, selingan iklan tidak melebihi tiga kali diadakan iaitu pada awal, pertengahan dan akhir rancangan, dengan jumlah masa tidak melebihi 10 minit.
- (ii) bagi rancangan-ancangan yang memakan masa 30 minit selingan iklan tidak melebihi dua kali iaitu pada awal dan akhir rancangan dengan jumlah masa tidak melebihi 5 minit.

Tetapi bagi rancangan-ancangan Berita Nasional (TV1/TV2) dan juga Berita Perdana (TV3) pada pukul 8.00 malam, satu garis panduan khas atau khusus sudahpun dikeluarkan iaitu masa iklan dihadkan setakat 4 minit sahaja dan itu pun terbatas kepada dua kali "commercial break", dengan izin. "Commercial break" pertama ialah selepas 15 minit pertama siaran dan "commercial break" yang kedua adalah sebelum Sudut Sukan dalam Berita tersebut.

Garis panduan tersebut tidak menetapkan jumlah iklan dalam sesuatu selingan tetapi mengawasinya daripada segi jumlah masa yang digunakan bagi menyiarkan iklan-iklan melalui satu-satu rancangan. Terima kasih.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari pada jawapan Yang Berhormat tadi, saya ambil contoh, bagi siaran untuk satu jam, 3 kali 10 minit; saya rasa 10 minit bagi

60 minit adalah satu jangka masa yang panjang. Tetapi semalam; saya jarang menonton TV, tetapi semalam malam Jumaat saya sempat menonton dan saya tengok untuk siaran satu jam hampir 5 kali iklan ditayangkan. Adakah mereka ini di saat-saat malam tidak mengikut peraturan ataupun mengikut peraturan di peringkat awal sahaja.

Yang keduanya, mengapakah 3 kali 10 minit ini maksud saya kenapakah masa untuk iklan itu terlampau panjang. Dalam masa 60 minit dibenarkan 10 minit iklan. Adakah RTM memikirkan ini terlampau panjang? Bagi kami sebagai penonton adalah terlampau panjang.

**Tuan Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, 10 minit dalam satu jam ataupun lebih satu jam itulah garis panduan yang menetapkan waktu-waktu iklan yang disiarkan. Dalam satu-satu "commercial break" itu tidak semestinya satu iklan sahaja ditunjukkan, kadangkala sampai empat lima dalam satu "commercial break". Sama ada iklan daripada filem bergerak ataupun tidak, dia tidak menentukannya, yang penting dia tidak melebihi 10 minit dalam masa tiga kali dalam setiap Berita ataupun setiap rancangan itu diadakan.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada pihak Kerajaan apakah garis panduan yang digunakan untuk mendapatkan iklan-iklan disiarkan dalam rancangan RTM. Sebab baru-baru ini saya memerhatikan ada satu iklan mempromosikan sejenis minuman "pati ayam" dan di akhir iklan ini ada seorang perempuan menyeru seorang lelaki dengan perkataan seperti ini "...cepatlah bang!" (*Ketawa*) Dan lelaki itu ketawa. Jadi, saya menganggap iklan ini tidak bermoral ada implikasi seks dan akan merosakkan fikiran pemuda-pemudi negara kita ini. Jadi, saya ingin hendak tahulah apakah garis

panduan itu, adakah Kementerian memberi langkah-langkah mencegah iklan-iklan yang mempunyai implikasi seks tidak ditayangkan oleh RTM. Terima kasih.

**Tuan Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada bawa garis panduan itu di Dewan yang mulia ini pada hari ini. Pendek kata bolehlah saya katakan di sini bahawa sebahagian daripada garis panduan yang diperlukan bagi satu-satu komersial ialah perkara-perkara yang tidak bertentangan dengan seni atau budaya negara kita. Jadi, kalau ada seperti Yang Berhormat dari Rasah tadi menyebut berkenaan dengan satu iklan—saya pun kurang tahu apa nama iklan itu—yang menyebutkan "...cepatlah bang!" (*Ketawa*) itu mungkin daripada tafsiran Ahli Yang Berhormat dari Rasah yang menganggap adanya unsur-unsur seks. Tetapi daripada garis panduan yang kita dapati, yang kita terima dia tidak membuat pengertian yang sedemikian. Maka itu sebabnya ia diterima.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Speaker, saya boleh memberi sedikit makluman, latar belakang kepada Timbalan Menteri.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, bolehlah.

**Tuan Hu Sepang:** Perempuan membuat suruhan itu di tepi pintu..... (*Ketawa*) itu yang menjadi dahsyat! (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Pintu bilik, Yang Berhormat?

**Tuan Hu Sepang:** Ya, bilik pintu (*Ketawa*).....Pintu bilik. (*Ketawa*)

**Tuan Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, pada tafsiran kami bahawa jika seseorang isteri membawa suaminya tidur ia tidaklah merupakan satu unsur yang buruk kerana seseorang isteri membawa suami tidur, mungkin time dia cukup, sudah jauh malam tidurlah. (*Ketawa*)

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah cukup dua soalan, Yang Berhormat.

#### AIR MINUM DIBEKALKAN DI LADANG-LADANG

12. Dr. V. David minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) telah menerbitkan suatu laporan baru-baru ini, dan laporan tersebut memberitahu rakyat bahawa 60% daripada air untuk minuman yang dibekalkan kepada pekerja-pekerja ladang tidak ditapis, dan dicemarkan dengan bakteria, kuman dan lain-lain;
- (b) adakah Menteri sedar bahawa lebih kurang 98% daripada ladang-ladang negara ini tidak mempunyai kemudahan perubatan yang sesuai, dan 90% daripadanya tidak melantik doktor atau jururawat secara penuh masa; dan
- (c) bagaimanakah caranya Menteri ingin memperbaiki dan meningkatkan taraf rawatan kesihatan di luar bandar dalam keadaan seperti ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kesihatan sedar mengenai laporan yang diterbitkan oleh Persatuan Perubatan Malaysia dan adalah benar bahawa di kebanyakan ladang-ladang, air minum yang dibekalkan kepada pekerja-pekerja bermutu rendah dan dicemari oleh bakteria. Kementerian Kesihatan

telah lama mengawasi keadaan ini terutama di ladang-ladang dan dari pertengahan tahun 1988, aktiviti pengawasan khasnya untuk mutu air minum telahpun dipertingkatkan dan diperhebatkan lagi. Syor-syor untuk meningkatkan mutu air minum telahpun dikemukakan kepada pihak pengurusan untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Bersampingan dengan aktiviti pengawasan mutu air minum, Kementerian Kesihatan menggalakkan pengurusan ladang membuat sambungan paip kepada sistem bekalan air JKR, jika boleh. Satu langkah yang telahpun diambil ataupun dimulai di negeri Melaka ialah penubuhan Jawatankuasa Kecil untuk membincangkan masalah bekalan dan mutu airminum dan langkah-langkah untuk mengatasinya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam satu kajian yang telah dijalankan di dalam tahun 1989 kita telahpun mengkaji sebanyak 238 estet dan didapati bahawa 22 daripada estet tersebut menggunakan air daripada unsur JKR ataupun Jabatan Bekalan Air tempatan. Daripada situ estet-estet sendiri telahpun mengadakan sistem airnya sendiri sebanyak 216 dan daripada sebanyak itu 19 daripada mereka iaitu sistem yang dikeluarkan oleh estet-estet masing-masing, 19 daripada mereka telahpun diberi "full treatment", dengan izin. 95 daripadanya iaitu 44% diberi "partial treatment" dan 102 atau 47% "No treatment" dengan izin.

Walau bagaimanapun, kita telah pun mengeluarkan garis-garis panduan untuk memperbaiki keadaan tersebut.

(b) Kerajaan memang sedar bahawa kebanyakan daripada ladang-ladang di negara ini tidak mempunyai kemudahan perubatan yang sesuai, dan tidak juga melantik doktor ataupun jururawat secara sepenuh masa atau "full time", dengan izin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyediaan-penyediaan kemudahan-kemudahan perubatan di ladang-ladang adalah tanggungjawab pihak pengurusan ladang itu sendiri. Di bawah undang-undang yang sedia ada, pihak pengurusan tidak dikehendaki melantik doktor atau jururawat secara sepenuh masa.

(c) Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan pada masa ini adalah juga meliputi perkhidmatan di estet-estet. Penduduk-penduduk estet ini sedang menggunakan perkhidmatan yang diberikan di Klinik-klinik Bidan, Klinik Desa dan juga Pusat-pusat Kesihatan yang berhampiran dengan estet-estet.

Di bawah Rump Labour Code, dengan izin, estet-estet perlu menyediakan perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada pekerja-pekerjanya. Kakitangan Kementerian Kesihatan sentiasa melawat, menyelia dan menyediakan laporan mengenai keadaan kesihatan di estet-estet ini. Penyeliaan ini akan dipertingkatkan lagi dengan memberi keutamaan kepada aspek-aspek pencegahan dan promosi kesihatan. Selain daripada itu kemudahan kesihatan luar bandar yang baru akan dibina dari semasa ke semasa mengikut keperluan

m a s y a r a k a t tempatan. Kemudahan-kemudahan baru akan juga dinikmati oleh penduduk-penduduk estet. Pada masa ini perkhidmatan kesihatan luar bandar di Semenanjung Malaysia mempunyai 149 Pusat Kesihatan, 248 Pusat Kesihatan Kecil, 1,645 Klinik Bidan dan Klinik Desa dan 57 Klinik Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak yang boleh digunakan oleh semua kalangan penduduk termasuk estet.

**Dr. V. David:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai cuaca yang baik dan air yang cukup. 32 tahun kita sudah mencapai kemerdekaan tetapi sampai sekarang kita tidak mendapat air yang bersih. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan estet-estet supply airnya sendiri. Adakah satu undang-undang standard minima, dan adakah majikan ladang mengikut standard minima ini?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya terangkan tadi dalam satu kajian di mana estet-estet supply airnya sendiri iaitu sebanyak 216 hanya 19 daripadanya iaitu lebih dari 8% yang memberi full treatment mengikut apa yang kita berikan kepada mereka, itu mengikut ukuran Kementerian, yang 95 memberi partial treatment dan yang lain itu belum lagi. Walau bagaimanapun, kita telahpun menasihatkan mereka supaya mereka mempertingkatkan lagi taraf supply air ini supaya mereka ini bebas daripada bakteria yang disebutkan tadi.

Daripada kenyataan yang disebutkan oleh Yang Berhormat, selama 32 tahun kita merdeka memang kita akui bahawa banyak lagi yang perlu dibuat tetapi setakat yang kita buat, kita rasa bahawa sebahagian besar daripada negara sudahpun mempunyai dan menikmati keperluan air bersih apatah lagi di kawasan-kawasan luar bandar.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri beliau mengakui bahawa dalam satu kajian yang dijalankan oleh pihak Kementeriannya, 47% daripada estet-estet yang dikaji didapati membekalkan air tanpa treatment (no treatment) dan 44% partial treatment dan hanya 19% sahaja estet yang membekalkan air yang setaraf dengan standard yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Ingin saya mendapat tahu, selepas nasihat yang diberi oleh Kementerian beliau, apakah tindakan oleh tuan-punya-tuan-punya ladang kepada nasihat itu dan apakah tindakan follow-up? Adakah mereka mematuhi atau mereka seperti dahulu juga, sebab ini bukan perkara baru, sudah 32 tahun punya perkara iaitu sejak merdeka dan sebelum merdeka pun begitu juga, lagi teruk. Yang saya hendak bertanya ialah apakah follow-up action ataupun adakah satu survey atau satu kajian dibuat hanya untuk memberitahu kepada rakyat bahawa Kementerian Kesihatan memang tahu ada perkara begini berlaku dan kami sudah membuat kajian dan kami sedang mengkaji untuk merancang macam mana hendak mengatasi perkara ini. Janganlah datang dengan jawapan-jawapan yang begitu, berilah satu jawapan yang tepat. Selepas didapati mereka buat begini dan diberi nasihat, adakah mereka patuhi atau tidak?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat pun berbelit-belit. (*Katawa*) You are not direct to the point also, dengan izin.

**Tuan P. Patto:** Sebab otak di kepala Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat....

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan dengan tahun 1988 sebanyak 7 sahaja yang memberi full treatment,



tahun 1989—19 memberi full treatment, tahun 1988—36 memberi partial treatment; tahun 1989—95 memberi full treatment. Ini menunjukkan ada kesan nasihat kita itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 7 dan 13 hingga 60 adalah diberi di bawah ini).*

### MARA—PINJAMAN KEPADA BELIA

**1. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada MARA bercadang untuk memanjangkan kemudahan pinjaman dan bantuan kepada para belia yang ingin mendapatkan kemahiran melalau latihan di dalam perniagaan-perniagaan tertentu di tempat-tempat tertentu di tempat-tempat tinggal masing-masing. Kiranya tidak bukannya cara ini merupakan satu alternatif dan pendedahan hutang kepada MARA yang lebih murah dan pendekatan perniagaan yang lebih berkesan. Adakah Kerajaan untuk menimbangkannya.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd Ghazali):** Mara hanya memberikan kemudahan pinjaman kepada belia yang menceburi dalam bidang perniagaan tetapi tidak menyediakan pinjaman untuk belia yang ingin mendapatkan kemahiran. Di sebaliknya, MARA mengadakan kemudahan mendapatkan kemahiran sama ada secara latihan dalam Institut (IKM dan GIAT MARA) dan latihan luar Institut iaitu Skim Latihan Sambil Kerja. Oleh itu, belia yang ingin mendapat latihan perniagaan setempat bolehah mengikut malalui Skim Sambil Kerja ini dengan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak MARA.

### KEDA—PROGRAM PEMBANGUNAN

**7. Dato' Zainol Abidin bin Johari** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan kemajuan perjalanan Perbadanan Pembangunan Kedah (KEDA) di Negeri Kedah. Berapa ramaiakah rakyat yang menikmati kemudahan dari KEDA dari berbagai bidang sejak penubuhannya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir):** Sejak penubuhan KEDA, lebih daripada 10 jenis Program Pembangunan yang telah, dan sedang dilaksanakan di sepanjang tempoh RME dan RML. Melalui Program-Program ini, ianya telah dapat memberi manfaat sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada beribu-ribu penduduk negeri Kedah Darul Aman. Jumlah mereka yang secara langsung mendapat manfaat tersebut ialah seramai 15,064 orang, manakala yang tidak secara langsung pula ialah seramai 337,516 orang.

### SKIM KAYA CEPAT

**13. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap syarikat-syarikat pengambil deposit daripada orang-orang awam melalui skim kaya cepat yang berleluasa sekarang ini walaupun Kerajaan telah menangkap beberapa pemimpin-pemimpin mereka baru-baru ini. Apakah Kerajaan bercadang untuk membuat kenyataan rasmi secara terbuka dan pubisiti besar-besaran untuk mengelakkan orang ramai daripada melabur di syarikat-syarikat tersebut dan apakah tindakan Kerajaan terhadap pemimpin-pemimpin yang ditangkap baru-baru ini.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Pengambilan deposit tanpa lesen yang sah adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 25(1) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989. Dengan

demikian, mereka yang didapati terlibat bersalah akan diambil tindakan sewajarnya selaras dengan peruntukan undang-undang yang ada.

### **JABATAN PENGANGKUTAN JALAN—HAPUSKAN RASUAH**

**14. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) Langkah-langkah yang berkesan untuk menghapuskan segala kejadian rasuah dilakukan di Jabatan Pengangkutan Jalan Raya.
- (b) Langkah-langkah positif terhadap penyelewengan di J.P.J.
- (c) Langkah-langkah berkesan untuk mempertingkatkan kecekapan di J.P.J.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:**

(a) Seperti Yang Berhormat sedia maklum, langkah utama pencegahan perbuatan rasuah adalah diliputi di bawah Akta Badan Pencegah Rasuah 1982, yang dikuatkuasakan oleh Badan Pencegah Rasuah. Walau bagaimanapun, Jabatan Pengangkutan Jalan memang peka, dan sentiasa mengambil langkah-langkah tegas bagi membanteras kegiatan rasuah. Di antara langkah-langkah utama yang telah dan akan terus dilakukan ialah:

- (i) Sentiasa bekerjasama dengan Badan Pencegah Rasuah seperti memaklumkan pegawai-pegawai yang disyaki terlibat dengan rasuah untuk siasatan lanjut;
- (ii) Badan Pencegah Rasuah membuat intipan dan menyertai sama operasi penguatkuasaan yang dijalankan oleh JPJ;

(iii) Mengadakan majlis dailog secara "regular" dengan Badan Pencegah Rasuah di dalam usaha Jabatan membanteras rasuah;

(iv) Meminta Badan Pencegah Rasuah memberi ceramah kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Pengangkutan Jalan mengenai kegiatan mencegah rasuah;

(v) Meminta kerjasama orang ramai supaya menyampaikan bukti-bukti yang boleh menolong penyiasatan dan pendakwaan kes rasuah secara spesifik, tidak membuat tuduhan-tuduhan rambang sahaja;

(b) Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa mengambil langkah-langkah positif bagi membanteras penyelewengan. Antaranya menegakan tindakan tatatertib ke atas mana-mana pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan penyelewengan, iaitu berdasarkan kepada peruntukan di bawah Perintah Am Pegawai-pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Bab 'D' 1980. Mereka yang disyaki melakukan penyelewengan akan dilaporkan kepada pihak Polis dan Badan Pencegah Rasuah untuk siasatan dan dakwaan. Prosedur-prosedur penyemakan oleh pegawai atasan secara 'routine' juga diperkenalkan di bidang tugas tertentu. Seterusnya, Unit Audit Dalam Jabatan telah diwujudkan di Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan bagi menjalankan kerja-kerja pengawasan dan Audit ke atas Pejabat-pejabat tersebut.

(c) Bagi mempertingkatkan lagi kecekapan dan mutu perkhidmatan di Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian Pengangkutan juga telah dan akan melaksanakan beberapa langkah yang berkesan, iaitu:

- (i) Program sedang dijalankan untuk membina bangunan-bangunan pejabat baru menggantikan pejabat negeri dan cawangan yang buruk dan sesak;
- (ii) Merancang untuk memasang komputer di semua Pejabat Negeri dan Cawangan;
- (iii) Merancang permodenan pemeriksaan kenderaan;
- (iv) Mempertingkatkan perkhidmatan kaunter dengan pembekalan peralatan baru yang mencukupi serta pemberian latihan kepada kakitangan disemua peringkat dan pengawalan melalui mengejut;
- (v) Mengemaskinikan sistem dan prosedur urusan-urusan pejabat dari semasa ke semasa, melalui Arahan-arahan Jabatan.

#### CUKAI PENDAPATAN—ASAS KUTIPAN

15. Tuan Nasaruddin bin Alang Saidin minta Menteri Kewangan menyatakan apakah usaha-usaha dan tindakan pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri bagi mempercepatkan dan mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatannya dan meluaskan asas kutipan cukai pendapatan. Sehingga akhir tahun 1989 berapakah jumlah taksiran Cukai Pendapatan yang masih belum dijelaskan.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Hasil Dalam Negeri sentiasa mengawasi perkembangan program taksiran yang telah ditetapkan bagi sesuatu tahun taksiran. Bagi Cawangan penaksiran yang tidak dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan, maka ketua cawangan hendaklah menyampaikan laporan dengan memberi sebab-sebab mengapa prestasi taksiran kurang memuaskan. Masalah yang biasa dihadapi oleh cawangan yang tidak dapat mencapai matlamat ialah kurang pegawai yang berpengalaman. Pegawai-pegawai baru perlu diberi latihan yang mencukupi sebelum mereka boleh menjalankan tugas taksiran. Bahagian latihan di Jabatan Hasil Dalam Negeri mempunyai program latihan bagi pegawai-pegawai baru. Pegawai yang berpengalaman juga diberi kursus lanjutan.

Untuk meringankan lagi beban kerja penaksiran bagi kes-kes penggajian, satu sistem komputer dinamakan Sistem Taksiran yang dibantu oleh komputer (STABAK) telah dilaksanakan bagi pembayar cukai yang menerima pendapatan dari punca penggajian sahaja. Dengan ini, Notis Taksiran dapat dikeluarkan secara automatik mengikut maklumat yang dimasukkan ke dalam komputer tanpa menggunakan kertas kerja.

Dalam usaha meluaskan asas cukai, Jabatan Hasil Dalam Negeri mengambil tindakan untuk mendaftar lebih banyak lagi pembayar cukai melalui maklumat yang diterima dari pelbagai sumber. Unit Bergerak dipertugaskan untuk melawat tempat-tempat perniagaan bagi mendapatkan maklumat yang lebih lanjut dan mengesan orang perseorangan atau syarikat yang berpotensi. Disamping itu, pasukan Audit Luar juga melawat pembayar cukai yang sudah mempunyai fail untuk mendapatkan maklumat lanjut. Pusat-pusat Penyiasatan di seluruh negara juga membuat pemeriksaan yang rapi ke atas mereka yang disyaki tidak melaporkan pendapatan yang sebenar atau mengelakkan cukai.

Jumlah taksiran cukai pendapatan yang masih belum dijelaskan sehingga akhir tahun 1989 tidak dapat diperolehi. Ini adalah kerana penghitungan angka ini memerlukan masa yang panjang. Bagaimanapun, untuk makluman, tunggakan cukai pada 31 Disember 1988 bagi seluruh negara adalah sebanyak kira-kira \$1,959.5 juta iaitu merangkumi kes-kes guaman sibil dan tindakan selepas hukuman, kebangkrapan (menunggu dividen), syarikat di bawah pembubaran, kes-kes di bawah tindakan pungutan, taksiran yang dibuat dalam bulan Oktober, November dan Disember 1988 dan tunggakan yang disenaraikan untuk dihapuskan.

### HUKUMAN PENJARA

**16. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan jumlah orang yang menjalani hukuman di dalam penjara di seluruh negara pada 1hb Januari, 1990. Adakah penjara-penjara didalam negara mencukupi untuk orang-orang tahanan yang menjalani hukuman.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Jumlah orang yang menjalani hukuman di dalam penjara di seluruh negara pada 1hb. Januari, 1990 ialah seramai 19,705 orang. Penjara-penjara di dalam negara adalah dianggap mencukupi untuk orang-orang yang menjalani hukuman.

### INDUSTRI KECIL—PROJEK PEMBANGUNAN

**17. Tuan Maidom P. Pansai** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapakah peruntukan untuk projek pembangunan industri kecil, industri kampung, penaikan taraf jalanraya dan program rakyat termiskin yang telah diberikan kepada Jabatan Pembangunan Negeri Sabah. Adakah peruntukan itu telah habis dibelanjakan dan kalau tidak, mengapa.

**Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd Ghazali:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah \$108.8 juta telah diperuntukkan bagi projek pembangunan infrastruktur luar bandar bagi Negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kelima (RML). Pecahan peruntukan berkenaan di bawah RML adalah seperti berikut:

(a) Jalan Luar Bandar	\$31.08 juta
(b) Program Jalan Kampung	\$22.56 juta
(c) Bekalan Elektrik Luar Bandar	\$45.56 juta
(d) Bekalan Air Luar Bandar	\$ 9.6 juta

Bagi Program Membangun Rakyat Termiskin pula sebanyak \$9,174,360.00 telah diperuntukkan bagi Negeri Sabah di bawah RML. Pecahannya adalah seperti berikut:

(a) Program Pemulihan Rumah	\$8,679,660
(b) Program Amalan Makanan dan Pemakanan (AMP)	\$ 494,700
(c) Program Perusahaan Luar Bandar	\$ 600,000

Semenjak tahun 1986 sehingga hujung tahun 1989, perbelanjaan sebenar yang telah dibuat bagi Program Luar Bandar ialah sebanyak \$28.36 juta. Manakala bagi Program Jalan Kampung pula sebanyak \$14.56 juta. Baki peruntukan bagi program-program ini telah dibawa ke tahun 1990. Bagi program Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Bekalan Air Luar Bandar semua peruntukan telah dibelanjakan dalam tempoh tersebut.

Di bawah Program Membantu Golongan Termiskin pula, Program Pemulihan Rumah telah tidak dilaksanakan pada tahun 1989 dan akan dilaksanakan pada tahun ini setelah daftar golongan termiskin bagi negeri berkenaan dikemaskinikan. Bagi program AMP ianya hanya bermula dalam tahun 1990. Begitu juga dengan peruntukan perusahaan luar bandar di bawah program ini hanya sebanyak \$150,000 sahaja telah dibelanjakan dalam tahun 1989. Peruntukan ini tidak habis dibelanjakan oleh kerana program

ini hanya bermula pada pertengahan tahun 1989 dan urusan mengenalpasti projek dan mereka yang layak diberi bantuan adalah mengambil masa. Walau bagaimanapun baki peruntukan bagi program ini juga telah dibawa ketahun 1990.

### **PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU DI SARAWAK**

**18. Tuan Bujang bin Haji Ulis** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kawasan di Sarawak di mana IADP (Integrated Agricultural Development Programme) iaitu perancangan Pertanian Bersepadu akan dilaksanakan;
- (b) mengapakah Kerajaan memilih kawasan-kawasan tersebut;
- (c) apakah Kerajaan yakin bahawa IADP akan menjamin kesejahteraan rakyat. Mengapa;
- (d) berapakah perbelanjaan bagi kawasan IADP Samarahan dan Kalaka-Saribas.

**Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid):**

- (a) Setakat ini dua buah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) telah dilaksanakan di Negeri Sarawak iaitu:
  - (i) IADP Sungai Samarahan
  - (ii) IADP Kalaka-Saribas

Jumlah keluasan kawasan projek yang terlibat adalah 247,170 hektar iaitu IADP hektar iaitu IADP Sungai Samarahan seluas 86,170 hektar dan IADP Kalaka-Saribas pula adalah 161,000 hektar.

- (b) Pemilihan suatu kawasan untuk Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu adalah berasaskan

kepada kawasan-kawasan sedia ada yang mundur tetapi mempunyai potensi untuk dimajukan.

Kedua-dua IADP di Sarawak mempunyai kemiskinan yang tinggi dikalangan petani-petani akibat ketiadaan kemudahan infrastruktur terutamanya perparitan yang menyebabkan kawasan rendah sering mengalami banjir dan kemasukan air masin. Walau bagaimanapun, kawasan-kawasan berkenaan mempunyai potensi besar untuk pembangunan pertanian jika beberapa halangan fizikal dan sosial dapat diatasi.

- (c) Kementerian Pertanian memang yakin akan dapat meningkatkan kesejahteraan petani melalui IADP. Objektif utama IADP dilaksanakan adalah untuk:
  - (i) Untuk membangunkan kawasan-kawasan pertanian yang mundur tetapi berpotensi untuk dimajukan;
  - (ii) Meningkatkan tahap pengeluaran pertanian;
  - (iii) Mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan keluarga tani; dan
  - (iv) Meningkatkan taraf hidup petani. IADP telah dan akan terus memainkan peranan penting untuk memperbaiki keadaan sosio-ekonomi petani-petani dengan meningkatkan pendapatan mereka melebihi paras kemiskinan. Selain dari itu, IADP juga berusaha untuk mengurangkan kadar perpindahan keluar penduduk-penduduk tempatan ke bandar-bandar berdekatan dengan menyediakan peluang-

peluang pekerjaan. Di samping itu program pembangunan infrastruktur secara langsung atau tidak langsung akan membantu meningkatkan

kesejahteraan petani di kawasan berkenaan.

(d) Kos projek dan perbelanjaan bagi kedua-dua projek adalah seperti berikut.

	<i>Kos Projek</i>	<i>Peruntukan (1986-1989)</i>	<i>Perbelanjaan (1986-1989)</i>	<i>Peratus &amp; Perbelanjaan</i>
Sungai Samarahan	\$646 juta	38,172,000	27,399,304.71	71.78%
Kalaka-Saribas	\$180.36 juta	34,409,800	19,535,403.65	56.77%

*Nota:* \*a Berdasarkan kadar pertukaran US\$1.00=M\$2.70.

Peratus perbelanjaan sejak permulaan projek sehingga Disember 1989 adalah 71.7% bagi Sungai Samarahan 56.77% bagi Kalaka Saribas. Bagi tahun 1990 Sungai Samarahan telah diperuntukkan sebanyak \$24.950 juta dan Kalaka-Saribas pula sebanyak \$17.864 juta.

adalah merupakan satu seruan untuk mewujudkan kesedaran dan penglibatan yang penuh bagi semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan tugas memenangi kemiskinan. Seruan jihad adalah selari dengan program-program membasmi kemiskinan didalam Dasar Ekonomi Baru.

## JIHAD MEMBASMI KEMISKINAN

**19. Tuan Chew Kam Hoy** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) setakat manakah Program Jihad Membasmi Kemiskinan yang dilancarkan itu berkesan membasmi kemiskinan dikalangan keluarga petani miskin berbanding dengan program pembasmian kemiskinan yang diadakan oleh Kerajaan semenjak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan dua puluh tahun dahulu.
- (b) apakah kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian dalam menentukan hampir 650,000 keluarga petani miskin menikmati faedah Program Jihad membasmi kemiskinan itu.

Bagi menjawab soalan (b)

Penentuan bilangan isirumah yang miskin di negara ini dibuat berdasarkan kepada Paras Pendapatan Kemiskinan (Poverty Line Income) yang telah ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Pada masa ini garis pendapatan kemiskinan adalah sebanyak \$350 sebulan. Kriteria yang digunakan adalah sama seperti yang ditetapkan oleh EPU iaitu berdasarkan Paras Pendapatan Kemiskinan.

## RACUN PEROSAK

**Datuk Seri Sanusi bin Junid:**

Bagi menjawab soalan (a)

Jihad Membasmi Kemiskinan yang dilancarkan pada 1 Februari, 1990 bukanlah satu program khusus yang dirancang oleh Kementerian Pertanian untuk membasmi kemiskinan. Ia

**20. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Pertanian menyatakan samada racun serangga parathion, 2,4,5-T, Paraquat, DDT, Aldrin, Dieldrin, Endin, Chlordane, form (Galecron), Dibromochloropane (DBCP), Camphechlor (Tofaphere) dan Pentachloropehnol (PCP) masih diedarkan kepada petani atau rakyat biasa memandangkan kempen badan Pesticide Action Network (PAN) International yang mengarahkan kita tidak menggunakan racun serangga yang dipanggil "the dirty dozen" oleh

sebab racun ini adalah bahaya kepada tubuh manusia. Jika ya, apakah langkah-langkah segera yang diambil oleh Kerajaan supaya penggunaan racun ini dihentikan dengan serta merta.

**Datuk Seri Sanusi bin Junid:** Mengenai racun perosak Parathion, Endrin, Chlordimeform (Galecron) Dibromochloropane (DBCP) dimaklumkan bahawa racun perosak tersebut tidak berdaftar di bawah Akta Racun Makhluk Perosak, 1974. Dengan lain-lain perkataan, racun-racun perosak ini tidak boleh diimport, dikilang, dijual dan seterusnya digunakan di negara ini.

Mengenai racun perosak 2,4,5-T pula, Lembaga Racun Makhluk Perosak telah mengambil langkah untuk tidak akan memperbaharui pendaftarannya di masa akan datang. Dengan tindakan tersebut, Syarikat-syarikat Racun Perosak yang mendaftarkan racun perosak tersebut pada masa ini tidak lagi dibenarkan mengimport dan mengilangnya di masa-masa akan datang.

Oleh yang demikian semua permohonan untuk mendaftarkan racun perosak ini tidak akan dipertimbangkan lagi.

Mengenai racun perosak paraquat ianya merupakan racun yang berdaftar dengan Lembaga Racun Makhluk Perosak. Walaupun racun perosak ini boleh digunakan, Lembaga Racun Makhluk Perosak telah menetapkan beberapa langkah kawalan untuk mengurangkan kesan bahaya kepada para pengguna semasa penggunaannya. Diantaranya ialah:

- (i) Menetapkan cara-cara serta syarat penggunaan yang betul pada label.
- (ii) Mengawal penjualannya di bawah Kaedah-kaedah Racun Makhluk Perosak (Penjualan dan Penyimpanan untuk jualan) 1988. Diantaranya ialah penjual dikehendaki merekod butir-butir pembeli seperti nama, kuantiti, alamat, tujuan penggunaan dan sebagainya.

Mengenai racun perosak DDT, dimaklumkan bahawa di negara ini racun perosak tersebut hanya digunakan oleh kakitangan dari Kementerian Kesihatan sahaja untuk tujuan kawalan nyamuk pembawa penyakit malaria. Dengan lain-lain perkataan racun perosak tidak boleh digunakan oleh petani-petani atau pun orang biasa. Sayugian dimaklumkan bahawa racun perosak DDT merupakan racun perosak yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk tujuan kawalan serangga pembawa penyakit seperti yang dinyatakan.

Mengenai racun perosak Aldrin dan Dieldrin, Lembaga Racun Makhluk Perosak membenarkan racun-racun perosak tersebut digunakan untuk tujuan pengawalan anai-anai di tapak-tapak bangunan, di kabel-kabel bawah tanah, di sektor perhutanan dan anai-anai yang menyerang akar pokok getah. Keluaran-keluaran tersebut tidak boleh digunakan ke atas sayur-sayuran, buah-buahan atau lain-lain tanaman makanan. Lembaga juga sedang mengkaji semula penggunaan racun perosak ini.

Mengenai racun perosak pentachlorophenol (PCP), Lembaga hanya membenarkan penggunaan ke atas kayu balak untuk kawalan kulat. Racun perosak tersebut tidak boleh digunakan ke atas tanaman-tanaman lain.

## KADAR JENAYAH

**21. Tuan Haji Mohamed bin Haji Yaacob** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kadar jenayah di negara kita pada tahun 1989 dan tahun 1988. Dan berapakah jenayah berlaku mulai 1 Januari hingga 15 Februari 1990 ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Dalam tahun 1988 sebanyak 78,479 kes telah dilaporkan berbanding sebanyak 65,466 kes dalam tahun 1989. Ini telah mencatatkan penurunan sebanyak 13,013 kes atau 16.5% dari segi kadar jenayah indeks.

Sementara bagi tempoh antara 1 Januari hingga 15 Februari 1990 pula sebanyak 7,683 kes jenayah indeks telah dilaporkan terdiri daripada 1,058 kes jenayah kekerasan dan 6,625 kes jenayah harta benda.

### **PARTI KOMUNIS MALAYA— PERLETAKAN SENJATA**

**22. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa pengharaman ke atas rapat umum masih dikenakan sedangkan Parti Komunis Malaya telahpun menamatkan perjuangan bersenjata dan sebenarnya, alasan inilah digunakan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Hanif Omar, ketika mengumumkan pengharaman ke atas rapat umum dalam pilihanraya umum 1978 iaitu disebabkan Parti Komunis Malaya sedang menyambut ulangtahun ke 30nya maka perlulah rapat umum diharamkan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Jawapan kepada soalan yang menyentuh perkara yang sama telahpun diberikan semasa menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh pada hari Khamis, 1hb Mac, 1990 lalu.

### **UCAPAN Y.B. ENCIK ADENAN SATEM MENGENAI KAUM IBAN**

**23. Tuan Jawah Anak Gerang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada siasatan telah siap dibuat ke atas laporan dari Parti Bangsa Dayak Sarawak (PBDS) mengenai laporan polis No.10134/88 Kuching bertarikh 27-12-1988 mengenai ucapan Yang Berhormat Enchik Adenan Satem, Menteri Tanah Negeri Sarawak dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 28-11-1988 yang menyentuh perasaan marah dan sensitif bagi kaum Iban di Sarawak.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Yang Berhormat, soalan yang serupa telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 27-2-1990 yang lalu dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan lagi.

### **JALAN RAYA UTAMA SARAWAK**

**24. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) jadual mengetarkan jalanraya utama Sarawak di dalam tempoh rancangan Malaysia Keenam.
- (b) kemajuan yang telah dicapai dalam mengetarkan jalanraya tersebut dari Batu Lintang ke Betong, dan dari Stampang ke Tatau; dan
- (c) bilakah akan jambatan Batu Kawa mula dibina sebagai sebahagian jalan raya tersebut.

**Timbalan Menteri Kerja Raya  
(Tuan Luhut Wan):**

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalanraya utama di negeri Sarawak akan ditarkan sebelum akhir tempoh rancangan Malaysia Keenam. Sekiranya penerangan berjalan lancar, projek pembinaan dan mengetar jalanraya utama tersebut dijangka dapat disiapkan dalam tahun 1993.
- (b) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan jalan dari Batu Lintang ke Betong adalah dibahagikan kepada dua pakej, iaitu:
  - (i) pakej dari Batu Lintang ke Lubuk Antu, kemajuannya ialah 20%.
  - (ii) dari Lubuk Antu ke Betong, kemajuannya ialah 3%.



Jalanraya dari Stapang ke Tawau dibahagi kepada empat pakej dan kemajuan fizikalnya ialah:

- (i) dari Tatau ke Sg. Arip 42%
  - (ii) dari Sg. Arip ke Batang Balingian 43%
  - (iii) dari Batang Balingian ke Ulu Batang Mukah 6%
  - (iv) dari Ulu Batang Mukah ke Stapang 25%
- (c) Tawaran untuk pembinaan jambatan Batu Kawa akan dipanggil pada awal bulan April 1990. Oleh itu jika tiada apa-apa masalah, permulaan pembinaannya dijangka dapat dilaksanakan pada akhir tahun 1990.

#### LESEN KENDERAAN PEKERJA

**25. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan Kerajaan bercadang hendak mengeluarkan lesen bas pekerja ladang sama seperti lesen bas kilang untuk mengatasi masalah pengangkutan yang ada sekarang di ladang-ladang. Jika tidak, apakah sebabnya.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha)** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan telah mengeluarkan lesen kenderaan pekerja sejak tahun 1988. Lesen kenderaan pekerja adalah digunakan secara eksklusif oleh mana-mana syarikat untuk membawa pekerja-pekerjanya dari tempat dan ke tempat kerja mereka tanpa tambang. Lembaga Pelesenan bagi lesen kenderaan pekerja sekiranya terdapat permohonan yang sedemikian.

#### PEMBERONTAKAN DI AZERBAIJAN

**26. Tuan Ong Tee Keat** minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Kerajaan terhadap:

- (a) kerahan tentera Soviet Union untuk mengawal pemberontakan di Azerbaijan;
- (b) polisi perestroika dan glasnost yang kini diamalkan oleh Kerajaan Soviet Union di bawah pimpinan Mikhail Gorbachev; dan
- (c) setakat manakah ASEAN amnya dan Malaysia khususnya dapat bermanfaat daripada amalan polisi yang tersebut.

**Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Sekarang ini Soviet Union sedang menghadapi masalah yang rumit di dalam proses reformasinya. Presiden Gorbachev telah memperkenalkan sistem kerajaan yang lebih liberal dan demokratik di Soviet Union. Pada masa yang sama, beliau juga melaksanakan reformasi ekonomi Soviet Union yang mana pada masa sekarang berada di dalam keadaan yang runcing.

Perubahan yang demikian sudah tentu membawa berbagai cabaran dan masalah. Presiden Gorbachev memerlukan sokongan semua pihak untuk memastikan reformasinya ini berjaya.

Malaysia menyambut baik perubahan-perubahan yang dibuat oleh Presiden Gorbachev. Walaupun reformasi ini menghadapi masalah tetapi saya percaya perubahan-perubahan ini akan memberi satu suasana yang sesuai ke arah kestabilan dan pembangunan di Soviet Union.

Dasar-dasar yang dipopularkan oleh Presiden Gorbachev sudah memberi kesan positif terhadap perkembangan yang berlaku di Eropah Timur. Perubahan-perubahan di Eropah Timur telah mengurangkan ketegangan di peringkat antarabangsa dan serantau. Walaupun Malaysia sebuah negara kecil, kita juga akan cuba membantu Soviet

Union setakat mana yang terdaya untuk membolehkan Soviet Union bercantum di dalam sistem ekonomi dan perdagangan antarabangsa. Di dalam hubungan duahala, kita juga akan mencari jalan untuk meningkat serta menggalak kerjasama yang lebih erat.

Beberapa projek usahasama antara Malaysia dengan Soviet Union telah ditubuhkan di Malaysia. Projek usahasama ini antara lain termasuklah membuat sarung tangan getah dan barang-barang dibuat dari getah. Syarikat perniagaan (Trading Company) Malaysia-Soviet Union sudah pun beroperasi di mana syarikat ini telah mengeksport minyak kelapa sawit ke Soviet Union. Projek ketiga ialah hospital mata di Langkawi dimana ianya di peringkat perancangan. Semua projek-projek ini akan meningkatkan lagi hubungan duahala.

Mengenai pertelingkahan kaum di Azerbaijan yang mendapat perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya memberi keterangan secara ringkas. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Republik Azerbaijan adalah salah satu daripada republik Soviet Union di Asia Tengah. Kerajaan merasa kesal terhadap pergaduhan di antara Azeris dan Armenian yang berpunca perebutan wilayah Nagarno-Karabakh. Kerajaan Soviet Union telah memberitahu bahawa mereka terpaksa menambahkan tenteranya ke sana untuk mententeramkan keadaan serta mengelak lebih nyawa yang terkorban. Walau bagaimanapun, kita berharap pertelingkahan kaum ini dapat diselesai secara aman dan penyelesaian ini dapat diterima oleh semua pihak yang berkenaan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sentiasa menyokong prinsip bebas beragama dan cara mengamal hidup masing-masing minoriti kaum Islam baik di Soviet Union atau di Eropah Timur. Sokongan kita ini adalah selaras dengan prinsip Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Di dalam

hubungan kita dengan Republik Uzbekistan, iaitu salah sebuah lagi republik Soviet Union, di Asia Tengah, kita mengadakan hubungan yang khas dengan republik tersebut untuk meningkatkan kerjasama Islam dengan mendapat galakan dari Kerajaan Soviet. YAB Perdana Menteri sendiri telah beberapa kali menerima kunjungan pemimpin-pemimpin dari Uzbekistan selepas beliau melawat republik tersebut pada tahun 1987. Untuk meningkatkan kerjasama dengan Uzbekistan, kita telah menghantar naskah-naskah mengenai Islam dan merancang pertukaran antara Malaysia dengan republik tersebut.

Pada tahun ini kita juga telah menjemput wakil Uzbekistan sebagai pemerhati di Pertandingan Musabaqah. Kerjasama yang demikian akan dipertingkatkan lagi ke republik-republik Soviet Union di Asia Tengah dan kaum minoriti Islam yang lain pada satu masa yang sesuai.

#### SKIM INSURANS KESIHATAN KEBANGSAAN

27. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Kesihatan menyatakan sama adakah laporan Skim Insurans Kesihatan Kebangsaan disiap-sediakan. Bilakah laporan ini akan diumumkan dan diedarkan kepada pihak Persatuan Doktor-doktor Perubatan Malaysia, syarikat-syarikat Insurans dan orang ramai. Adakah rancangan Kementerian mengalu-alukan pendapat-pendapat orang ramai supaya Skim Insurans Kesihatan Kebangsaan ini akan disambut baik oleh semua pihak yang berkenaan apabila Skim ini dilaksanakan.

Tuan Mohamad Farid bin Ariffin: Kerajaan tidak membuat laporan mengenai Skim Insurans Kesihatan Kebangsaan. Sebaliknya, Kerajaan ada menjalankan satu kajian kemungkinan mengenai Tabung Keselamatan Kesihatan Negara (TKKN) dalam tempoh

Rancangan Malaysia Kelima (RML). Kajian ini mempunyai 3 fasa dan Laporan bagi fasa I dan II telah pun siap. Dalam kajian fasa III, semua pihak yang berkenaan boleh mengemukakan pendapat mereka.

### PEMBAYAR CUKAI BUKAN ISLAM

**28. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa penganut-penganut agama bukan Islam yang membuat sumbangan yang diperlukan di bawah agama masing-masing tidak diberikan layanan yang sama, seperti potongan cukai (tax rebate) yang dinikmati oleh penganut Islam, yang membayar zakat, fitrah atau bercadang memberikan tax rebate kepada penganut-penganut agama Islam yang membayar "zakat" kepada agama masing-masing. Kalau tidak mengapa.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tidak ada diskriminasi dalam layanan yang diberikan kepada pembayar cukai di negara ini. Zakat diwajibkan ke atas setiap orang Islam yang memiliki harta yang cukup nisbah dan haulnya. Seseorang Muslim yang gagal membayar zakat yang diwajibkan ke atasnya dianggap telah melakukan dosa besar. Oleh yang demikian, orang-orang Islam di negara ini adalah diwajibkan membayar zakat dan juga cukai pendapatan. Kerajaan telah mengumumkan di dalam Belanjawan 1978 supaya zakat, fitrah dan lain-lain bayaran yang diwajibkan oleh agama Islam diberikan potongan kredit dari cukai pendapatan dan tidak lagi sebagai potongan dari jumlah pendapatan. Pendapatan penganut agama lain yang memberi sumbangan kepada kegiatan agama tidak diberi pengecualian cukai sumbangan ini tidak wajib. Oleh kerana sumbangan ini tidak wajib, soal diskriminasi tidak timbul.

### ORANG TAHANAN DI PENJARA

**29. Tuan Madatang Morejal** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan penjara di seluruh negara dan bilangan orang tahanan di semua penjara tersebut bagi tahun 1988 dan 1989.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Bilangan penjara diseluruh negara sebanyak 24 buah dan bilangan orang tahanan di semua penjara tersebut bagi tahun 1988 ialah 21,016 orang dan bagi tahun 1989 ialah 19,705 orang.

### PENGARAH IDEOLOGI KOMUNIS

**30. Dato' Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah jaminan Kerajaan untuk memastikan ideologi komunis tidak akan meresap ke dalam masyarakat di negara ini setelah pihak Parti Komunis Malaya bersetuju meletak senjata baru-baru ini. Dan apakah jaminan Kerajaan bahawa para anggota komunis yang telah meletak senjata dan dibekalkan senjata secara halal yang tinggal di perkampungan mereka di negara Thailand itu tidak akan menyusup masuk secara sulit ke negara ini di masa akan datang. Dan berapakah kos untuk menyediakan perkampungan itu. Dan siapakah yang membiayainya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Termeterainya perjanjian penamatan perjuangan bersenjata PKM tidaklah bererti Kerajaan tidak lagi memberi perhatian terhadap ancaman keselamatan yang berpunca dari pengaruh ideologi komunis. Oleh kerana itulah, Kerajaan tidak pernah mengiktiraf dan akan tetap mengharamkan Parti Komunis Malaya (PKM) daripada bergerak bebas dalam negara ini untuk menyekat dan memastikan pengaruh komunis tidak meresap ke dalam masyarakat negara ini. Pasukan-pasukan Keselamatan negara

akan terus ditempatkan di kawasan-kawasan sempadan antarabangsa bersama Malaysia-Thai bagi mengawasi keadaan dan mencegah penyusupan oleh bekas anggota-anggota PKM. Kawalan dari segi undang-undang juga terus diadakan melalui akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) dan lain-lain undang-undang yang berkaitan bagi menjamin dan memelihara keselamatan negara keseluruhannya.

Kerajaan akan terus mengamalkan sikap berwaspada dan berhati-hati terhadap pengaruh komunis di samping memanfaatkan sepenuhnya penamatan perjuangan bersenjata PKM untuk menyalur lebih banyak aktiviti-aktiviti pembangunan sosio-ekonomi, terutamanya di kawasan-kawasan yang selama ini mendapat ancaman terus dari kegiatan komunis.

Bekas anggota-anggota PKM yang ditempatkan di empat Perkampungan Aman di Wilayah Yala dan Narathiwat di Selatan Thailand tidak dibekalkan dengan senjata. Oleh kerana Perkampungan-perkampungan Aman itu terletak dalam wilayah Thai pihak berkuasa Thai adalah bertanggung jawab terhadapnya.

### PROJEK KECIL DI BUKIT MERTAJAM

31. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah Ahli Parlimen Bukit Mertajam akan diberitahu maklumat semua projek kecil yang dilaksanakan di kawasannya pada tahun 1989 oleh Pejabat Kemajuan Negeri Pulau Pinang memandangkan dalam jawapan oleh Timbalan Menteri di Jabatan

Perdana Menteri kepadanya (Ahli Parlimen Bukit Mertajam) pada 25-10-1989 maklumat lengkap mengenai projek-projek ini akan dimaklumkan pada bulan Januari 1990 dan sekarang sudah sampai bulan Februari 1990 (ketika soalan ini dikemukakan); dan

- (b) jumlah peruntukan dan bilangan projek kecil bagi kawasan Parlimen Bukit Mertajam mengikut pecahan setiap tahun mulai 1986 hingga 1989.

**Dato' Dr Siti Zaharah Haji Sulaiman:**

- (a) Maklumat-maklumat mengenai projek-projek kecil di kawasan Parlimen Bukit Mertajam telah pun lama disiapkan oleh Pejabat Daerah Seberang Prai Tengah dan Pejabat Kemajuan Negeri Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, senarai projek-projek ini yang lengkap telah disemak di kedua-dua pejabat berkenaan.

- (b) Terdapat kira-kira 230 buah projek kecil yang telahpun di laksanakan oleh Kerajaan bagi kepentingan dan keperluan penduduk setempat. Ini adalah melibatkan projek-projek infrastruktur kecil dan ekonomi di samping projek-projek kemudahan sosial yang berjumlah \$873,541,54. Pecahan projek-projek tersebut mengikut tahun sejak tahun 1986 adalah seperti berikut:

Tahun	Bil. Projek	Peruntukan
1986	55	\$198,431.76
1987	71	\$184,922.87
1988	39	\$182,000.00
1989	65	\$306,186.91
<b>JUMLAH</b>	<b>230</b>	<b>\$873,541.54</b>

## TAHANAN AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

32. **Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dari 1-1-89 hingga 31-1-1990; tempat-tempat di mana mereka ditahan; sebab-sebab mereka tidak didakwa dalam sebuah mahkamah undang-undang dan bilangan daripada mereka yang dibebaskan sehingga kini dan nyatakan sama ada pembebasan mereka adalah dengan syarat atau tidak; jua nyatakan sama ada antara orang-orang tahanan itu terdiri daripada warganegara asing, jika ya, nyatakan negara asal mereka.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Sejumlah 58 orang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960 dari 1 Januari 1989 hingga 31 Januari 1990 yang juga termasuk warganegara asing dari India dan Pakistan. Mereka ditahan di Tempat Tahanan Perlindungan Kamunting, Taiping dan di Tempat Tahanan Polis, Mukim Batu, Kuala Lumpur. Penahanan mereka di bawah Seksyen 8 (1), Bab II Kuasa-Kuasa Untuk Tahanan Pencegahan di bawah AKDN tidak menetapkan syarat bahawa mereka perlu didakwa di Mahkamah. Seramai 6 orang telah dibebaskan dengan bersyarat.

## PELAN INDUK MELURUSKAN SUNGAI-SUNGAI

33. **Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Pertanian menyatakan sudahkah ada pelan induk yang disediakan bagi membesarkan dan meluruskan sungai-sungai yang sentiasa melimpah air sehingga menjadi banjir di kawasan-kawasan yang rendah di seluruh negara.

**Datuk Seri Sanusi bin Junid:** Masalah banjir dialami di beberapa kawasan di negara ini dan langkah-langkah kawalan banjir termasuk pembesaran sungai, pembinaan benteng sungai, pembinaan ampungan kawalan banjir dan lain-lain sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Kerajaan mempunyai dan sedang melaksanakan satu program kawalan banjir yang komprehensif dan teratur. Di bawah program ini, kawasan-kawasan yang mengalami banjir dikenalpasti dan kajian kemungkinan dijalankan dahulu di ikuti dengan rekabentuk. Kajian-kajian ini meliputi kajian tebatan banjir limbangan sungai dan kajian tebatan banjir bandar. Hasil kajian-kajian ini adalah projek-projek tebatan banjir dimana langkah-langkah kawalan banjir yang dikemukakan di bawah kajian dilaksanakan.

Sehingga kini Kerajaan telah menjalankan sebanyak 15 buah kajian limbangan sungai bagi menebatkan banjir. Kerajaan juga telah menjalankan 17 buah kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Bandar. 15 Projek Tebatan Banjir sedang dijalankan dan sehingga kini telah membelanjakan \$277,755,192.00 bagi pelaksanaan langkah-langkah kawalan banjir di bawah projek-projek ini.

Selain dari projek-projek bagi kawasan yang tertentu seperti di atas, Kerajaan juga memberi peruntukan kepada negeri-negeri untuk mengawal kejadian banjir di sekitar kawasan desa negeri. Peruntukan disediakan di bawah Rancangan Mencegah Banjir dan sehingga kini sebanyak \$38,183,522.00 telah dibelanjakan.

Dengan pelaksanaan kajian-kajian dan kemudiannya projek-projek mencegah banjir dan saluran yang sedang dihadapi di negara kita akan dapat dikurangkan.

### KAMPUNG BARU— PERUNTUKAN

**34. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sejauhmanakah pelaksanaan peruntukan M\$7 juta kepada setiap Kampung Baru bagi 48 buah Kg. Baru yang terpilih;
- (b) jumlah nilai dan nama projek yang sedang dan akan dijalankan di setiap Kg. Baru tersebut;
- (c) adakah projek tersebut akan di-swastakan.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Lee Kim Sai):** Adalah dimaklumkan bahawa keadaan ekonomi negara tidak membolehkan peruntukan khas bagi maksud ini pada tahun 1986-1988, maka projek perintis bagi pembangunan khas 48 buah Kampung Baru yang terpilih terpaksa ditangguhkan pelaksanaannya buat sementara waktu. Penelitian yang terperinci mengenai keperluan peruntukan khas bagi projek perintis tersebut adalah dalam perhatian dan pertimbangan pihak berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya pada tahun ini telah diperuntukkan sebanyak \$5 juta untuk pelaksanaan projek-projek kecil yang berbentuk infrastruktur kemudahan asas untuk kesemua Kampung-kampung Baru termasuklah 48 buah kampung ini.

Di samping itu agensi-agensi pelaksanaan di peringkat Persekutuan dan Kerajaan Negeri juga diperuntukan satu jumlah yang munasabah untuk tujuan yang sama sebagai usaha sokongan ke atas pembangunan Kampung-kampung Baru.

Mengenai projek di-swastakan adalah terlalu awal buat masa ini untuk mencadangkan supaya projek perintis tersebut di-swastakan. Walau bagaimanapun, Kerajaan memang akan mengkaji kemungkinan untuk men-swastakan projek ini jika keadaan mengizinkan.

### KAD PENGENALAN— PENGAMBILAN

**35. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau bersedia untuk mengarahkan pihak Jabatan Pendaftaran Negara memberikan senarai pemohon-pemohon yang masih belum mengambil kad-kad pengenalan mereka kepada Ahli-ahli Parlimen di tiap-tiap daerah jika mereka memerlukannya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya bersedia memenuhi permintaan Ahli-ahli Yang Berhormat sekiranya mereka membuat permohonan kepada Pegawai Pendaftaran di daerah berkenaan.

### SABAH FOREST INDUSTRIES DAN SABAH GAS INDUSTRIES— PENSWASTAAN

**36. Tuan Joe Ojhi Supiring** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah sebab-sebabnya beliau ingin sangat supaya dua (2) buah Syarikat Milik Kerajaan iaitu SGI dan SFI di-swastakan dengan kadar yang segera seperti yang terbentang dalam kenyataan-kenyataan beliau akhir-akhir ini.

7-3-90.

**13. Tuan Madatang Morejal** minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab permintaan Kerajaan Persekutuan untuk men-swastakan Sabah Gas Industries dan Sabah Forest Industries memandangkan keuntungan yang cemerlang yang dicapai oleh kedua-dua syarikat tersebut. Adakah permintaan tersebut bertujuan untuk memotong punca-punca pendapatan Kerajaan Negeri dan apakah hasrat perbuatan tersebut yang sebenarnya.

9-3-90.

**30. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa Kerajaan Persekutuan mahukan Kerajaan Negeri Sabah men-swastakan SGI dan

SFI; apakah terdapat sebab-sebab kukuh untuk berbuat demikian, dan nyatakan terma-terma dan syarat-syarat bagi penswastaaan tersebut.

13-3-90

**13. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauhmanakah rancangan pengswastaaan SFI (Sabah Forest Industries Sdn. Bhd.) dan SGI (Sabah Gas Industries) yang dicadangkan baru-baru ini.

16-3-90

**56. Tuan S.S.Subramaniam** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah sebabnya beliau sedang berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk men-swastakan Sabah Gas Industries walaupun Kerajaan Negeri Sabah tidak begitu berminat di atas perkara ini. Apakah kelebihan Kerajaan Negeri dan Pusat kita, boleh memperolehi dari pihak swasta SGI ini dapat diswastakan. Bukankah kelebihan tersebut juga dapat diperolehi jika pihak Kerajaan Pusat dan Negeri tidak terlibat dalam pentadbiran SGI dengan begitu mendalam.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Oleh kerana soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah sama dengan pertanyaan-pertanyaan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bandau, Sandakan, Semporna dan Hulu Selangor yang dijadual dijawab masing-masingnya pada 7,9,13 dan 16 Mac, 1990, maka saya memohon untuk menjawab kelima-lima pertanyaan tersebut serentak pada hari ini.

Kerajaan membuat keputusan untuk men-swastakan Sabah Forest Sdn Bhd (SFI) dan Sabah Gas Industries (SGI), sama seperti projek atau perkhidmatan lain yang telah diswastakan, kerana ianya memenuhi objektif-objektif utama dasar penswastaaan negara seperti berikut:

- (i) Untuk mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan.
- (ii) Untuk menggalakkan pertandingan, meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran.
- (iii) Untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara.
- (iv) Untuk mengurangkan saiz dan penglibatan sektor awam dalam ekonomi.
- (v) Untuk memperbanyakkan peluang-peluang bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di samping menyediakan jaminan ke atas pinjaman-pinjaman komersial, Kerajaan juga terpaksa memberikan pinjaman secara langsung bagi membantu keperluan kewangan kedua-dua agensi ini. Sehingga 31hb Disember 1989, Kerajaan Persekutuan menjamin pinjaman SGI sebanyak \$715 juta dan memberikan pinjaman sebanyak \$411 juta. Pada tarikh yang sama, Kerajaan Negeri Sabah menjamin pinjaman SFI sebanyak \$776 juta serta memberikan pinjaman sejumlah \$124 juta dan Kerajaan Persekutuan pula memberikan pinjaman sebanyak \$268 juta. Setakat ini, prestasi kewangan kedua-dua agensi ini tidaklah memuaskan. Berdasarkan kepada laporan kewangan tahunan berakhir 31hb Disember 1989 (yang belum diaudit), jumlah kerugian terkumpul SGI dan SFI adalah masing-masingnya sebanyak \$974 juta dan \$332 juta. Fakta-fakta inilah yang merupakan faktor pendorong utama kenapa Kerajaan Persekutuan memutuskan supaya kedua-dua agensi ini diswastakan.

Buat masa ini cadangan penswastaaan SFI dan SGI ini masih lagi dalam pertimbangan. Oleh itu, Kerajaan belum lagi menetapkan terma-terma dan pihak-pihak swasta yang akan terlibat dalam program penswastaaan kedua-dua projek ini.

**KEMALANGAN KAPALTERBANG  
NURI—PAMPASAN KEPADA  
WARIS**

**37. Tuan Haji Mohd Zihin bin Haji Mohd Hassan** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah pampasan-pampasan dan gantirugiyang diberi kepada waris-waris anggota angkatan tentera yang menerima kemalangan-kemalangan kapalterbang Nuri sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Haji Mustapha):** Faedah kematian yang diberi kepada waris-waris anggota angkatan tentera yang terlibat dalam kemalangan Nuri adalah dalam bentuk pencen dan ganjaran seperti berikut:

- (a) Pencen Terbitan dan Pencen Tanggungan.
- (b) Ganjaran Terbitan.

Setakat ini hanya 2 kemalangan helikopter Nuri telah berlaku di mana 19 anggota angkatan tentera telah terkorban. Jumlah kematian yang terlibat ialah:

- (a) Pencen Terbitan dan Pencen Tanggungan—\$55,450.00.
- (b) Ganjaran Terbitan—\$383,400.00.

**TAN SRI BASHER ISMAIL—  
PENGANUGERAHAN IJAZAH  
DOKTOR KEHORMAT**

**38. Tuan Haji Nik Abdullah Arshad** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sila nyatakan kriteria yang ditimbang oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menganugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Tan Sri Basher Ismail yang memimpin Bank Bumiputra sekarang ; dan
- (b) oleh kerana pada ketika anugerah itu disampaikan terdapat laporan yang menyebut bahawa saham

Bank Bumiputra jatuh sehingga 10 sen, maka tindakan memberi ijazah itu menjejaskan nama baik universiti kerana kejatuhan saham bank itu mencerminkan kelemahan pentadbiran bank itu sendiri.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Universiti Kebangsaan Malaysia tidak pernah menganugerahkan Ijazah Doktor Kehormat kepada Y. Bhg. Tan Sri Basher Ismail. Universiti yang telah menganugerahkan ijazah tersebut kepada beliau ialah Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat kepada Y. Bhg. Tan Sri Basher Ismail adalah berasaskan kepada kriteria berikut:

- (i) Sumbangan-sumbangan penting beliau di dalam bidang pengurusan.
- (ii) Pengiktirafan di peringkat antarabangsa ke atas kebolehan pengurusan beliau.
- (iii) Kemajuan kerjaya yang cemerlang.
- (iv) Pengiktirafan Kerajaan terhadap kebolehannya dibuktikan dengan perlantikan beliau sebagai pengerusi beberapa agensi Kerajaan.
- (v) Sumbangan beliau terhadap pentadbiran universiti.

(b) Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa kejatuhan harga saham Bank Bumiputra yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak ada kena mengena dengan penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat kepada Tan Sri Basher Ismail. Kejatuhan harga saham Bank Bumiputra yang disebutkan itu terlalu kecil dan



turun naik harga saham seperti itu tidak mencerminkan kelemahan pentadbiran sesebuah bank.

### **SEKOLAH MENENGAH YU HUA KAJANG—BANTUAN MODAL**

**39. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kementeriannya menerima sebarang permohonan pemulihan Sekolah Menengah Swasta Yu Hua, Kajang, Selangor. Jika ya, sila sebutkan butir-butir dan keputusannya; dan
- (b) adakah Ahli Parlimen Hulu Langat berbincang dengan beliau berkenaan dengan perkara ini, jika ya, apakah pendapat Ahli Parlimen itu.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah menerima permohonan bantuan modal daripada pihak Lembaga Pengurus Sekolah Menengah Yu Hua, Kajang, Selangor pada 23-3-1988. Butiran projek yang dipohon adalah untuk pembinaan bilik darjah, makmal sains, pusat sumber, kantin, membaiki tandas, pagar, pendawaian semula dan gantian perabot. Berdasarkan permohonan tersebut dan memandang peruntukan yang ada adalah terhad, Kementerian Pendidikan telah meluluskan bantuan sebanyak \$8,000 untuk projek membina kantin dan pendawaian semula sekolah berkenaan.
- (b) Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Hulu Langat telah menulis surat kepada Kementerian Pendidikan pada 7.3.1989, memaklumkan mengenai cadangan baru pihak sekolah tersebut untuk melaksanakan projek pembinaan

sekolah baru yang menelan belanja \$1.7 juta. Beliau seterusnya mengharapkan Kementerian Pendidikan memberi bantuan berjumlah \$200,000 bagi menjayakan projek tersebut.

Memandangkan bantuan telah diluluskan pada tahun 1989 berdasarkan permohonan awal pihak sekolah, Kementerian akan menimbangkan permohonan berdasarkan peruntukan yang ada pada tahun 1990.

### **PENAN—MENYELESAIKAN MASALAH**

**40. Tuan Haji Abdul Rahman Bakar** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah tindakan Kerajaan di dalam menyelesaikan masalah puak "Penan" di Sarawak;
- (b) apakah pihak Kerajaan telah mengenalpasti kemungkinan ada "dalang" di sebalik ketidak puas hati di kalangan kaum itu; dan apakah tindakan Kerajaan; dan
- (c) apakah keistimewaan-keistimewaan lain yang diberikan oleh Kerajaan kepada kaum ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud):**

- (a) Beberapa rancangan pembangunan dan perkhidmatan kemasyarakatan telah dilaksanakan bagi menyelesaikan masalah orang Penan. Antaranya ialah pembinaan pusat perkhidmatan yang mana tiap-tiap pusat berkenaan didirikan sebuah bangunan sekolah, klinik dan pejabat pertanian. Di samping itu belia dan beliawanis Penan adalah juga terlibat dalam beberapa latihan dalam bidang pendidikan, pertanian dan pembangunan masyarakat.
- (b) Kerajaan memang telah mengenalpasti pihak-pihak yang

mengapi-apikan rasa tidak puas hati kaum Penan mengenai aktiviti-aktiviti pembalakan di Sarawak. Dalam hal ini kefahaman kaum Penan mengenai dasar-dasar dan projek-projek pembangunan Kerajaan dan seterusnya faedah-faedah yang kaum Penan boleh dapati daripada projek-projek berkenaan diadakan melalui siri dialog pegawai-pegawai Kerajaan dan masyarakat Penan.

- (c) Selain daripada peruntukan khas sebanyak \$1 juta setahun untuk membiayai projek-projek kecil luar bandar untuk masyarakat Penan, Kerajaan juga membekalkan murid-murid Penan dengan buku teks, pakaian seragam dan alat-alat persekolahan percuma untuk menggalakkan mereka belajar di sekolah-sekolah yang telah disediakan. Di samping itu Kerajaan telah bersetuju untuk memberi wang saku kepada murid-murid Penan yang menuntut di tingkatan menengah sebagai dorongan kepada mereka untuk melanjutkan persekolahan ke peringkat yang lebih tinggi. (Pihak Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Pendidikan sedang berusaha untuk membantu murid-murid Penan yang berpotensi supaya boleh melanjutkan pelajaran mereka diinstitusi-institusi pengajian tinggi di dalam negeri.)

#### PERUNTUKAN AHLI PARLIMEN

**41. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada terdapat Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional diperuntukkan Perbelanjaan Pembangunan Tahunan (Yearly Development Expenditure) sejak Oktober 1986 hingga sekarang sebanyak dua ratus ribu ringgit

(MYR200,000.00). Jika benar, berapa ramai dan daripada kawasan-kawasan mana; dan

- (b) sama ada terdapat ahli-ahli daripada pihak Pembangkang telah diberikan peruntukan sedemikian, jika tidak, mengapa.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor):** Tidak ada peruntukan khas bagi Ahli Dewan Rakyat. Ahli Dewan Rakyat hanya mengemukakan cadangan projek-projek kecil kepada Pegawai Kemajuan Negeri untuk kelulusan. Peruntukan ini adalah untuk melaksanakan projek kecil yang mendesak dan sangat diperlukan oleh rakyat.

Semua Ahli Dewan Rakyat boleh mengemukakan cadangan projek-projek berkenaan kepada Pegawai Kemajuan Negeri untuk kelulusan. Walau bagaimanapun, kelulusan projek-projek ini bergantung kepada kriteria yang telah ditetapkan selaras dengan perancangan Kerajaan Negeri dan keperluan rakyat setempat.

#### DASAR KERAJAAN YANG DIRANCANGKAN DAN SEMARAK

**42. Tuan Bujang bin Haji Ulis** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kejayaan dasar-dasar BCA, Pandang ke Timur, Penerapan Nilai-nilai Islam, Pimpinan Melalui Teladan dll;
- (b) mengapakah program SEMARAK tidak sehebat dahulu dan adakah program lain yang dirancangkan untuk mengagutnya; dan
- (c) setakat manakah Integrasi Nasional sudah mencapai matlamatnya kini.

**Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Dasar-dasar Bersih, Cekap dan Amanah, Pandang Ke Timur, Penerapan Nilai-nilai Islam, Kepimpinan

Melalui Teladan dan lain-lain adalah beberapa dasar yang diperkenalkan dengan tujuan menanam serta memupuk nilai-nilai dan semangat kerja yang positif. Pada dasarnya, rakyat telah menerima dengan baik nilai-nilai yang diketengahkan. Rakyat juga sedar bahawa jika nilai-nilai ini dapat dihayati dan diamalkan, ianya sudah pasti akan mendatangkan kebaikan dan faedah kepada semua. Sebagai contoh, sejak dasar-dasar ini dilaksanakan, negara kita telah kian meningkat maju. Ekonomi negara telah bertambah baik. Kita juga telah menempah kejayaan dalam berbagai bidang, misalnya kita telah berjaya mengelolakan sukan SEA, Mesyuarat CHOGM dan melibatkan diri dengan berkesan dalam isu-isu antarabangsa.

Untuk soalan kedua, SEMARAK diprogramkan mengikut keadaan dan pelaksanaannya dijalankan secara berperingkat iaitu peringkat Kebangsaan, Negeri dan kawasan Parlimen. Peringkat Kebangsaan dan Negeri (kecuali Pahang dan Sabah) telah dilaksanakan. Sambutan rakyat terhadapnya adalah diluar jangkaan. Kini SEMARAK telah masuk ke peringkat kawasan Parlimen dan program ini bertemakan 'Setia Sekata, Sehati Sejiwa'. Pelancaran dilakukan oleh Ketua-ketua Kerajaan Negeri atau Menteri-menteri Pusat. Dalam program ini, kegiatan-kegiatan seperti gotong royong dan ceramah berkelompok diadakan. Sambutan dan keberkesanan ditahap ini sungguh membanggakan. Sehingga ini tiada program lain dicadangkan untuk menggantikan Program SEMARAK.

Bagi soalan seterusnya, kejayaan yang tertentu telah pun dicapai dalam Integrasi Nasional semenjak Malaysia ditubuhkan dengan wujudnya satu sistem politik, ekonomi dan sosial yang seragam bagi seluruh negara dan lahirnya semangat kekitaan dan persaudaraan yang lebih mantap di kalangan rakyat Malaysia dari berbagai negeri.

Usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk mempercepatkan proses integrasi termasuklah mewujudkan sistem pendidikan yang sama, undang-undang dan perkhidmatan awam yang seragam, perhubungan udara serta telekomunikasi yang semakin baik, rangkaian radio dan televisyen kebangsaan dan rancangan lawatan pemimpin-pemimpin masyarakat. Usaha-usaha untuk memperkukuhkan proses integrasi akan terus diambil dan ianya memakan waktu yang agak lama.

#### **PEGAWAI KASTAM DI TAMBAK JOHOR—PENYALAHGUNAAN KUASA**

**43. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Menteri Kewangan menyatakan tindakan yang diambil di Tambak Kastam Johor untuk mengatasi penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang berlaku baru-baru ini. Adakah cara yang dilakukan ini merupakan satu kebijaksanaan terutamanya dari segi kekesanannya dan dari segi moral pegawai-pegawai kastam yang lain yang menjalankan tugasnya dengan jujur dan ikhlas. Apakah rancangan bersama yang telah atau sedang dirancangkan dengan pihak Kastam untuk mengembalikan kecermerlangan perkhidmatan di dalam jabatan ini.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tindakan yang diambil di Tambak Johor untuk mengatasi penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang berlaku baru-baru ini adalah seperti berikut:

- (i) Menghendaki pegawai-pegawai kastam yang bertugas mengikrarkan wang yang melebihi \$15.00 di dalam miliknya semasa awalan bertugas;
- (ii) Memasang alat perakam kamera video (CCTV) dan juga sistem mikropon di Tempat Pemeriksaan Kastam Tambak dan

kompleks kargo kastam, Tanjung Puteri;

- (iii) Menggerak aktif Jawatankuasa Anti Rasuah Jabatan peringkat Negeri Johor di mana mereka akan merisik mana-mana pegawai yang disyaki terlibat dengan rasuah dan penyalahgunaan kuasa dan mengambil tindakan sewajarnya;
- (iv) Mengadakan dialog dengan Persatuan Agen Penghantar dan Persatuan tuanpunya lori-lori dan meminta kerjasama mereka supaya jangan melibatkan diri dengan kegiatan rasuah.

Kerajaan adalah memandang berat ke atas penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang berlaku di Jabatan Kastam. Segala usaha telah diambil bagi memastikan kegiatan tersebut tidak berlaku lagi di Jabatan ini. Walau bagaimanapun apa yang penting dan diharapkan ialah kerjasama dari orang ramai termasuklah Ahi-ahli Yang Berhormat, untuk tampil ke hadapan memberi maklumat berhubung dengan penyalahgunaan kuasa dan juga penyelewengan di kalangan kakitangan/pegawai kastam dan tidaklah hanya melaung-laungkan sahaja tanpa mengambil langkah-langkah yang perlu bagi membantu agensi-agensi/jabatan yang bertanggungjawab membanteras kegiatan tersebut.

Setakat ini langkah-langkah yang diambil seperti di atas telah menunjukkan bahawa ianya berkesan dan tidak menjejaskan moral pegawai-pegawai kastam yang lain yang menjalankan tugasnya dengan jujur dan ikhlas. Di samping itu, untuk meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan di dalam jabatan ini, rancangan-rancangan yang telah diatur bersama, di antaranya adalah dengan mengadakan kursus-kursus dalam tugas serta memberi kesedaran tentang nilai-nilai murni dan juga pemberian anugerah khidmat cemerlang sebagai insentif kepada pegawai-pegawai jabatan.

## IMPORT KERTAS

**44. Tuan S.S. Subramaniam** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah beliau sedar negara kita masih mengimport sebahagian besar kertas-kertas yang digunakan di negara kita. Adakah usaha-usaha yang sedang diambil oleh pihak Kerajaan kita untuk mengurangkan pengimportan tersebut. Apabila negara-negara lain seperti India yang tidak mempunyai barang mentah seperti yang ada dalam negara kita, boleh mengurangkan pengimportan mereka, sebab apakah negara kita tidak boleh mengurangkan pengimportan kita. Apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kerajaan kita untuk mengatasi masalah tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Dato Dr K.S. Nijhar):** Saya sedar bahawa Malaysia masih mengimport sebahagian besar daripada keperluan kertasnya. Pada tahun 1988 jumlah import berbagai jenis kertas bernilai \$889.9 juta, manakala bagi sebelas bulan pertama tahun 1989 jumlah importnya ialah \$950.3 juta. Walau bagaimanapun, pengimportan ini adalah perlu bagi menampung permintaan pelbagai jenis kertas dalam negara yang disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi negara khususnya di bidang perindustrian, dan perkembangan di bidang pendidikan. Penggunaan peralatan moden seperti mesin fotostat, telex, fax, komputer di pejabat-pejabat kerajaan dan syarikat-syarikat swasta juga telah menyebabkan pertambahan permintaan terhadap jenis-jenis kertas yang bermutu tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini terdapat 15 buah kilang kertas di Malaysia. Daripada jumlah ini hanya syarikat Sabah Forest Industries (yang mengeluarkan kertas cetak dan kertas tulis) dan Scot Paper Industries Sdn. Bhd. (yang mengeluarkan kertas tisu bermutu tinggi) menggunakan pulpa sebagai bahan mentah. Syarikat-syarikat alin menggunakan kertas buangan (waste paper)

sebagai bahan mentah untuk mengeluarkan pelbagai jenis kertas yang mempunyai mutu yang berbeza-beza seperti "joss paper, corrugating medium, kraft liner, wrapping paper dan "household and sanitary paper". Malaysia masih tidak mempunyai kilang-kilang kertas yang mampu mengeluarkan kertas yang bermutu seperti kertas 'newsprint', 'computer form' dan kertas fotostat, oleh itu kertas-kertas ini masih diimport dari luar negeri.

Untuk mengurangkan pengimportan kertas, kerajaan menggalakkan penubuhan kilang-kilang kertas terutamanya yang mengeluarkan kertas bermutu tinggi. Dalam hubungan ini semua keluaran-keluaran kertas telah diwartakan sebagai keluaran yang digalakkan di bawah Akta Pengalakan Pelaburan 1986 (Pindaan) dan oleh itu layak dipertimbangkan untuk Galakan Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan. Walaupun demikian tidak banyak kilang-kilang kertas yang ditubuhkan pada masa ini kerana projek-projek ini memerlukan perbelanjaan yang besar (capital intensive) dan kepakaran teknologi yang tinggi. Projek berasaskan kertas juga mempunyai tempoh pulangan balik modal (pay-back period) yang lama. Faktor-faktor ini menyebabkan tidak ramai pihak pelabur menceburi bidang ini. Walau bagaimanapun, kerajaan akan berusaha untuk pelabur-pelabur tempatan dan asing untuk mengadakan projek usahasama di dalam industri kertas.

### KADI INDIA MUSLIM

**45. Tuan M.G. Pandithan** minta Perdana Menteri menyatakan kadi-kadi bagi orang-orang India Muslim masih belum dilantik di Selangor dan Wilayah Persekutuan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Pada masa ini dan di tahun-tahun yang lalu, kadi-kadi bagi orang-

orang India Muslim tidak pernah memohon untuk menjadi Kadi di Wilayah Persekutuan.

Sekiranya orang-orang India Muslim ini mempunyai kelayakan sebagai Kadi maka ia boleh memohon untuk menjadi sebagai seorang kadi. Sepertimana yang diperuntukan di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor) 1982, sebagaimana yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan 1974 iaitu Seksyen 43(1), Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Perutusan Agong boleh melantik siapa-siapa yang layak menjadi Kadi Besar bagi Wilayah Persekutuan ini dan demikian juga melantik siapa-siapa menjadi Kadi bagi kariah-kariah yang ditentukan dan juga boleh menarik lantikan itu dan lantikan yang demikian hendaklah diisytiharkan di dalam *Warta* Kerajaan.

### INDUSTRI PERABOT

**46. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Perdagangan menyatakan sama ada benar bahawa industri perabot masih merupakan sektor yang kurang berkembang dalam industri kayu-kayuan di negeri ini, mengapakah demikian. Memandangkan Industrial Master Plan (IMP) telah menubuhkan satu pasukan khas dalam industri kayu-kayuan, apakah rancangan-rancangan yang diperkenalkan untuk meningkatkan industri ini.

**Dato Dr K. S. Nijhar:**

1. Adalah tidak benar untuk menyatakan industri perabot adalah satu sektor yang kurang berkembang di antara industri-industri berasaskan kayu. Sebaliknya industri perabot telah meningkat dengan bertambahnya bilangan syarikat yang diluluskan Lesen Pengilang dan juga pertambahan dalam nilai pelaburan. Hakikat ini dapat dilihat misalnya dalam tahun 1987 terdapat 2 buah syarikat yang diluluskan lesen pengilang dengan jumlah pelaburan sebanyak \$2.35 juta. Angka-angka ini telah meningkat kepada 27 buah syarikat dengan jumlah

pelaburan sebanyak \$93.76 juta dan 35 buah syarikat dengan jumlah pelaburan sebanyak \$176.86 juta masing-masing bagi tahun 1988 dan 1989.

Dari segi eksport pula, ia juga telah menunjukkan peningkatan yang pesat. Dalam tahun-tahun 1987, 1988 dan 1989 misalnya, ia telah melebihi matlamat (target) Pelan Induk Perindustrian. Dalam tahun 1987 jumlah eksport ialah sebanyak \$56.5 juta berbanding dengan matlamat Pelan Induk Perindustrian sebanyak \$42.1 juta, iaitu lebihan sebanyak 34.2%. Dalam tahun 1988 pula ialah \$93.9 juta berbanding dengan matlamat Pelan Induk Perindustrian sebanyak \$46.0 juta, iaitu lebihan sebanyak 104.1% dan dalam tahun 1989 sehingga bulan September, jumlah eksport ialah sebanyak \$136.3 juta berbanding dengan \$50.0 juta matlamat Pelan Induk Perindustrian, iaitu lebihan sebanyak 172.6%.

Sungguhpun demikian, usaha-usaha sedang dibuat bagi mempertingkatkan lagi prestasi sektor perabot ini dari segi peningkatan keluaran, mutu dan sebagainya bagi tujuan mencapai matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar perabot terpenting di dunia, sebagaimana yang di "gariskan" dalam perakuan P.I.P. Di antara langkah-langkah yang telah dan sedang dibuat ialah:

- 2.1 mengadakan kompleks perabot seperti di Olak Lempik, Selangor, untuk menempatkan pengusahapengusaha perabot serta memberi bantuan-bantuan yang diperlukan bagi mempertingkatkan lagi daya pengeluaran mereka;
- 2.2 Mengurangkan beberapa lesen dan bayaran yang dikenakan bagi aktiviti-aktiviti perkilangan berasaskan kayu termasuk perabot. Lesen-lesen dan bayaran yang pada dasarnya telah dipersetujui untuk dihapuskan ialah:
  - 2.2.1 Lesen Kilang (Mill Licence) bagi syarikat-syarikat yang terlibat dengan secondary and

tertiary processing dan telah diluluskan Lesen Pengilang oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian atau yang diluluskan galakan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, kecuali bagi papan lapis dan veneer;

- 2.2.2 Machinery fees bagi kilang-kilang yang mengeluarkan keluaran-keluaran Secondary dan tertiary kecuali bagi papan lapis dan veneer; dan
- 2.2.3 Sijil-sijil yang dikeluarkan oleh MTIB serta bayaran-bayaran yang berkaitan kecuali Sijil Pendaftaran Eksport dan Sijil Pendaftaran Pengged.

Penetapan tarikh kuatkuasa keputusan-keputusan ini akan dibuat selepas undang-undang berkenaan yang sedang berkuatkuasa sekarang dipinda.

- 2.3 Mengujudkan Pusat Pengujian Perabot di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM); iaitu hasil kerjasama antara FRIM dengan Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) bagi tujuan pengeluaran Sijil Akuan Mutu (Quality Assurance Certificate) untuk keluaran-keluaran perabot; dan
- 2.4 Memberi galakan-galakan tambahan untuk mempergiatkan pertumbuhan perindustrian berasaskan kayu termasuk perabot, khususnya bagi negeri Sabah dan Sarawak; iaitu sebagaimana yang telah diumumkan oleh Y.B. Menteri Kewangan dalam ucapan belanjawan yang lalu.

3. Selain dari itu, bagi memastikan bekalan bahan mentah untuk meningkat industri perabot mencukupi, Kerajaan telah mengharamkan eksport mentah dan akan mengenakan levi ke atas beberapa jenis kayu gergaji secara berperingkat-peringkat.

4. Dengan adanya langkah-langkah yang telah diambil dan akan diambil seperti yang dinyatakan itu, adalah dijangkakan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara pengeksport perabot terpenting di dunia akan tercapai.

#### KEMALANGAN KAPALTERBANG TUDM—SIASATAN

47. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) bilangan jet pejuang Skyhawk, helikopter Nuri dan kapalterbang Caribou yang dimiliki oleh TUDM pada masa ini,
- (b) sejak memiliki kapalterbang-kapalterbang di atas, berapa banyak yang terlibat dalam kemalangan udara; dan
- (c) apakah siasatan telah dijalankan setakat ini keatas kemalangan-kemalangan tersebut dan adakah pakar asing telah diminta menyiasat dan apakah hasil siasatan.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:

- (a) Maklumat ini tidak dapat diumumkan kerana ia melibatkan rahsia pertahanan.
- (b) Sehingga tahun 1989 sebanyak 257 kemalangan telah berlaku. Kemalangan ini melibatkan semua jenis pesawat TUDM semenjak ianya ditubuhkan.
- (c) Siasatan telah dijalankan terhadap kesemua kemalangan. Dua pakar asing telah pun diminta membuat penyiasatan ke atas pesawat Skyhawk dan sistem penyenggaraan Nuri dalam perkhidmatan TUDM. Penyenggaraan pesawat-pesawat tersebut sedang

dijalankan. Pemeriksaan dibuat untuk menentukan supaya sistem bahan bakar dan haidrolik berada dalam keadaan sempurna.

#### GURU BERIJAZAH DAN TIDAK BERIJAZAH

48. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah Guru berijazah dan tidak berijazah dinegara ini;
- (b) mengikut ratio berapakah ratio antara guru dengan murid di Sekolah Rendah dan Menengah;
- (c) dalam bidang apakah yang terdapat tenaga pengajar paling kurang; dan
- (d) apakah rancangan Kementerian bagi menghadapi Sekolah-sekolah Rendah yang mempunyai jumlah murid yang kecil dan semakin berkurangan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Jumlah guru berijazah di negara ini adalah seramai 25,000 orang dan guru terlatih bukan siswazah adalah seramai 153,666 orang (111,729 di Sekolah Rendah dan 41,937 di Sekolah Menengah).
- (b) Secara keseluruhan nisbah guru dengan murid di Sekolah Rendah adalah seorang guru bagi 21.4 orang murid (1:21.4). Manakala di Sekolah Menengah pula nisbahnya ialah seorang guru bagi 20.2 orang murid (1:20.2). Walau bagaimanapun, perkiraan yang diamalkan ialah nisbah kelas guru iaitu 1 kelas kepada 1.5 guru (1:1.5).
- (c) Bagi Sekolah Menengah kekurangan tenaga pengajar terdapat dalam bidang aliran sastera seperti mata pelajaran Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Perdagangan

dan Pengajian Islam. Manakala di Sekolah Rendah pula kekurangan terdapat dalam bidang Pengajian Agama Islam, Pengajian Cina dan Pengajian Tamil.

(d) Rancangan Kementerian bagi menghadapi sekolah kurang murid ialah:

- (i) Mewujudkan kelas-kelas bercantum di sekolah-sekolah tersebut.
- (ii) Sekiranya kekurangan murid terus berlaku sehingga bilangan muridnya terlalu kecil dan tidak ekonomik dikekalkan sebagai sebuah sekolah, maka Kementerian Pendidikan akan menutup sekolah berkenaan dan murid-murid yang terlibat akan dipindahkan ke sekolah-sekolah yang berhampiran. Walaupun begitu Kementerian Pendidikan akan mengambil langkah untuk memberitahu ibubapa serta berunding dengan mereka mengenai perkara tersebut.

#### TENTERA MALAYSIA DI NAMIBIA

**49. Tuan Haji Mohd Zihin bin Haji Mohd Hassan** minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa lamakah lagi askar-askar kita harus berada di Namibia dan Iraq dan bagaimanakah prestasi mereka setakat ini dan berapa orangkah yang sudah kembali.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Haji Mustapha:** Seramai 862 anggota tentera Malaysia yang masih berada di Namibia sekarang. Mereka dijangka akan pulang ke tanahair pada bulan April ini. Manakala kontinjen Malaysia di Iraq ialah seramai 15 orang pegawai dan mereka akan berada di Iraq

selama satu tahun. Setakat ini seramai 27 anggota tentera yang bertugas di Namibia telah pun kembali ke tanahair.

Prestasi, serta kecemerlangan Kontinjen Tentera Malaysia di Namibia dan Iraq telah mendapat pengiktirafan dan perhatian antarabangsa. Sifat-sifat "impartiality" atau kesaksamaan dan sikap berkecuali yang telah ditunjukkan telah meraih sanjungan serta kehormatan dari Badan Dunia ini. Peranan Angkatan Tentera Malaysia di kedua-dua buah negara telah mengharumkan lagi nama negara kita.

#### SEKOLAH RENDAH— MEMENDEKKAN TEMPOH

**50. Tuan Ong Tee Kiat** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang mengubah tempoh persekolahan peringkat rendah dari 6 tahun kepada 5 tahun. Jika benar, apakah sebab-sebab dan baik-buruknya. Dengan berbuat demikian, tidakkah prestasi akademik sesetengah sekolah yang serba kurang dari segi kemudahan akan dengan kadar yang lebih membimbangkan.

**Tuan Anwar bin Ibarahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk memendekkan tempoh persekolahan rendah daripada enam tahun kepada lima tahun akan hanya dijalankan setelah semua kanak-kanak menerima pendidikan persekolahan sebelum memasuki sekolah rendah. Perbincangan dan kajian mengenainya akan dibuat terlebih dahulu sebelum dilaksanakan. Adalah didapati dalam kajian Korelasi Pendidikan Prasekolah kanak-kanak biasa yang telah mengikuti pendidikan prasekolah antara satu ke dua tahun lebih bersedia untuk mengikuti pendidikan formal di sekolah-sekolah rendah dan mereka boleh menguasai kemahiran-kemahiran asas dalam tempoh lima tahun.



## MAS—KADAR TAMBANG

**51. Tuan Maidom P. Pansai** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bahawa menerusi Akhbar-akhbar tempatan baru-baru ini telah dilaporkan bahawa kadar tambang MAS akan diturunkan sebagai rancangan alternatif untuk meneruskan integrasi nasional sebaik sahaja perkhidmatan Cruise Muhibbah-Ferry Malaysia ditamatkan. Adakah itu benar dan kalau ya, berapa peratuskah yang diturunkan dan bilakah ianya dijangka akan bermula

**Datin Paduka Hajjah binti Ismail:** Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) sedang mengkaji kadar tambangnya samada untuk menurunkan atau menaikkannya. Kajian ini masih dijalankan dan akan mengambil kira semua faktor termasuk unsur kos operasi.

## KEMALANGAN HELIKOPTER NURI

**52. Tuan Chew Kam Hoy** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah hasil penyiasatan yang dijalankan ke atas kedua-dua nahas yang melibatkan helikopter Nuri pada tahun lepas dan;
- (b) memandangkan nahas-nahas tersebut bukan saja mengorbankan nyawa manusia malah merugikan negara dari segi tenaga mahir dan yang terlatih, adakah Kerajaan akan mengetatkan lagi peraturan-peraturan penyelenggaraan ke atas segala kapal terbang dan helikopter angkatan tentera supaya kemalangan sedemikian tidak berulang lagi. Sila nyatakan langkah-langkah itu.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:**

- (a) Hasil siasatan yang dibuat oleh Lembaga Penyiasat (Board of Enquiry) kemalangan Nuri yang

berlaku di Sempadan Perak/Kelantan adalah berpunca dari cuaca buruk.

Manakala punca sebenar nahas yang berlaku di Lundu, Sarawak pihak Lembaga Penyiasat sedang menyiapkan laporan terakhirnya dan sedang diteliti sebelum keputusan muktamad mengenai punca sebenar nahas tersebut dapat diketahui.

- (b) Di antara langkah yang diambil dalam usaha Kerajaan untuk mengelak dari berlakunya kemalangan pesawat TUDM ini iaitu disamping TUDM membuat senggaraan yang ketat mengikut peraturan dan prosidur yang ada, Kerajaan juga telah mendapatkan bantuan dari "manufacturer"nya untuk meneliti serta mengkaji alat-alat pesawat Nuri terhadap tahap keupayaan sistem penyenggaraannya.

## PENTADBIRAN FELDA

**53. Dato' Zainol Abidin bin Johari** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah menyatakan mengapa Perdana Menteri tidak berpuashati dengan pentadbiran FELDA yang merugikan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir):** Perdana Menteri tidak berpuashati dengan pentadbiran FELDA kerana berpendapat ia tidak dapat menandingi pengurusan ladang swasta yang lebih cekap, kos pengeluaran kurang dan berupaya pula mendapat keuntungan dari hasil ladangnya. Selain dari itu, Kerajaan juga menaggung kos pentadbiran FELDA, berbanding ladang swasta yang membiayai sendiri dan dapat pula memberi hasil kepada Kerajaan melalui cukai.

### JETI BARU DI KUKUP BARU, JOHOR

**54. Tuan Law Lai Heng** meminta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilakah serta tempoh masa yang diperlukan untuk sebuah jeti baru dibina di Kukup Baru, Johor; dan
- (b) jumlah peruntukan yang diperlukan

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:**

- (a) Sebuah syarikat Juruperunding telahpun dilantik bagi projek pembinaan dan pembaikan jeti yang meliputi Kukup, Mersing dan Jeti Syahbandar Johor. Kerja-kerja Juruperunding akan selesai pada bulan Julai tahun ini dan tawaran tender akan dipanggil pada bulan yang sama. Untuk membina jeti ini ianya memerlukan masa selamat 1 1/2 tahun.
- (b) Oleh kerana pihak Juruperunding sedang mengadakan kerja-kerja penyiasatan dan rekabentuk pendahuluan, JKR masih belum dapat menentukan kos sebenar projek ini. Kos sebenar hanya dapat ditentukan selepas kerja-kerja Juruperunding selesai.

### LESEN SYARIKAT PERTUKARAN WANG ASING

**55. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah Kementerian Kewangan bercadang untuk memberi lesen kepada syarikat-syarikat yang mengendalikan pertukaran asing untuk membolehkan mereka bergerak dengan cara yang sah dari segi undang-undang.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Kementerian Kewangan tidak bercadang untuk memberi lesen kepada syarikat-syarikat lain selain daripada bank-bank perdagangan dan Bank Islam Malaysia Berhad untuk

berurusniaga dalam pertukaran matawang asing. Ini adalah kerana bank perdagangan dan Bank Islam didapati sesuai dan berkemampuan memberi perkhidmatan yang baik dalam urusan pertukaran matawang asing bagi memenuhi permintaan orang ramai.

Untuk makluman Ahli-ahli Berhormat, syarikat-syarikat yang telah diserbu oleh Bank Negara baru-baru ini kerana disyaki menjalankan urusanniaga pertukaran wang asing tanpa izin, tidak bertujuan memberi perkhidmatan dalam pertukaran wang asing tetapi bertujuan untuk menjalankan kegiatan spekulasi dalam matawang asing bagi mendapatkan keuntungan semata-mata. Oleh kerana kegiatan mereka boleh menjejaskan kedudukan nilai ringgit dan juga berkemungkinan untuk menipu orang ramai, adalah tidak wajar sekiranya syarikat-syarikat seumpama itu dibenarkan beroperasi.

### KEMATIAN PEKERJA LADANG

**56. Dr V. David** minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar di atas suatu laporan yang telah dikurangkan oleh Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) baru-baru ini, yang menunjukkan bahawa sebab asas ke atas akibat kematian pekerja-pekerja ladang ialah keadaan kesihatan dan kemudahan pembuangan najis yang sangat buruk.
- (b) adakah Menteri sedar bahawa walaupun Kanun Buruh dan Akta (Kehendak Minima Perumahan) Pekerja, 1966 memerlukan majikan ladang mengaturkan kemudahan perumahan dan kesihatan minima kepada pekerja-pekerjanya, tetapi lebih daripada 80% ladang-ladang di negara kita tidak memberi sekurang-sekurangnya kemudahan asas seperti perumahan yang selamat dan rawatan kesihatan; dan

(c) bagaimanakah caranya Menteri ingin mengubahsuai dan memenuhi keadaan seperti ini, memandangkan Kerajaan suka membelanja jumlah tabung rakyat yang begitu besar bagi projek-projek mewah sahaja.

**Menteri Buruh (Dato' Lim Ah Lek):** Perkara mengenai kematian pekerja-pekerja ladang akibat kesihatan dan kemudahan pembuangan najis yang sangat buruk adalah tidak benar sama sekali dan hujah tersebut yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Puchong juga tidak dibangkitkan dalam laporan Persatuan Perubatan Malaysia. Kenyataan bahawa lebih daripada 80% ladang-ladang tidak memberi kemudahan asas juga tidak benar.

Walau bagaimanapun, Kementerian Buruh sedar bahawa perumahan pekerja serta kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik, perkhidmatan kesihatan dan perubatan di ladang-ladang perlu diperbaiki supaya pekerja-pekerja dapat menikmati taraf kehidupan yang lebih baik dan sempurna. Sehubungan dengan ini, Akta (Piawai Minima Perumahan) Pekerja 1966 dan Kanun Buruh telah dikaji semula dengan tujuan menggubal satu undang-undang baru bagi memperbaiki pembekalan kemudahan-kemudahan asas di ladang-ladang.

Di samping itu, tindakan juga sedang diambil di bawah Akta Hospital Swasta 1971 untuk mendaftar serta mengawasi hospital-hospital ladang dengan lebih ketat oleh Pegawai-pegawai Kesihatan di peringkat daerah.

#### **DUTI EKSPORT LADA HITAM/ PUTIH**

**57. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang mengecualikan pembayaran cukai eksport sama sekali untuk lada putih dan

lada hitam, sebagai suatu bantuan yang diberi secara langsung kepada pekebun-pekebun kecil yang menanam lada.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan duti eksport atas lada putih dan lada hitam. Walau bagaimanapun Kerajaan sentiasa mengkaji duti tersebut dari masa kesemasa dan pengurangan duti akan diberi jika didapati perlu. Untuk Makluman Yang Berhormat dalam Belanjawan 1986 yang lalu Kerajaan telah meminda struktur duti serta menaikkan harga permulaan untuk pengenaan duti eksport dari \$3,500 kepada \$4,500 setan bagi lada putih dan dari \$3,000 kepada \$4,000 setan bagi lada hitam bagi tujuan mengurangkan beban duti eksport atas petani-petani berkenaan. Misalnya, sebelum pindaan tersebut atas harga lada putih sebanyak \$5,000 setan duti eksport yang dikenakan ialah \$276.20 manakala selepas pindaan duti tersebut adalah hanya \$25 sahaja. Begitu juga dengan lada hitam di mana atas harga yang sama sebelum pindaan tersebut duti eksport itu adalah \$643.25 manakala selepas pindaan duti itu adalah \$50.00 sahaja.

#### **GURU SANDARAN TANPA LATIHAN**

**58. Puan Ling Chooi Sieng** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah bilangan guru sementara yang sedang mengajar di sekolah-sekolah rendah Cina (Jenis Kebangsaan) di seluruh negara. Adakah Kementerian mempunyai apa-apa rancangan untuk memberi latihan khusus kepada mereka.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan guru sandaran tanpa latihan (sementara) di SRJK(C) di seluruh negara pada 31-1-89 ialah seramai 3,235 orang. Kementerian Pendidikan telah memberhentikan Program Kursus Dalam Cuti bagi guru sandaran tidak terlatih (sementara) di Semenanjung Malaysia. Sementara itu program yang sama masih

diteruskan di Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, guru sandaran tidak terlatih (sementara) yang sedang berkhidmat di sekolah dan juga mempunyai kelayakan yang disyaratkan bolehlah memohon untuk memasuki maktab perguruan secara sepenuh masa melalui prosedur yang kini sedang berkuatkuasa. Kementerian Pendidikan terus menerus melatih guru untuk keperluan sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina). Dalam tahun 1989, 500 orang guru pelatih kategori C1 dan 514 orang guru pelatih kategori C2 telah tamat latihan maktab perguruan.

#### **BORANG PENYATA PEMBAYAR CUKAI**

**59. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada denda akan hanya dikenakan kepada mereka yang tidak mengemukakan penyata cukai pendapatan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri selepas mereka menerima surat "A.R. Register" dari Jabatan tersebut memandangkan kebanyakan orang awam kurang pengalaman dan fahaman dengan perkara ini. Jika tidak, kenapa.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Pada awal setiap tahun, Borang Penyata dikeluarkan kepada semua pembayar cukai dan mereka diberi tempoh tiga puluh hari untuk mengemulakan penyata yang lengkap. Denda akan dikenakan bagi mereka yang gagal mengemukakan Borang Penyata dalam tempoh tiga puluh hari. Peringatan ini ada terkandung di dalam Notis di muka surat pertama setiap Borang Penyata. Pengenaan denda ini adalah perlu dan diperuntukkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Bagi pembayar cukai yang tidak mengemulakan Borang Penyata yang telah dikeluarkan dalam satu tempoh yang ditetapkan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri, satu taksiran anggaran termasuk denda akan dikeluarkan.

Bersama-sama Notis Taksiran anggaran ini ialah satu notis meminta pembayar cukai pengemulakan Borang Penyata. Jika mereka masih tidak berbuat demikian, notis akhir melalui surat berdaftar "A.T." (Akuan Terima) akan dikeluarkan kepada pembayar cukai yang ingkar ini. Pembayar cukai diberi tempoh tiga puluh hari dari tarikh surat dikeluarkan untuk mengemulakan penyata yang lengkap. Jika gagal mereka akan didakwa di Mahkamah atau membayar kompaun jika dipersetujui.

#### **BANK BUMIPUTRA— MENGUBAH SISTEM URUSNIAGA**

**60. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengubah sistem urusniaga Bank Bumiputra Malaysia Berhad kepada sistem urusniaga Bank Islam kerana memandangkan Bank ini adalah dipelopori oleh Bumiputra (Kongres Ekonomi Bumiputera) dan sebagai pilihan kepada Bank Islam yang terhad disamping mengelakkan sistem "riba" yang mula tidak disenangi oleh peniaga-peniaga Islam. Kalau tidak mengapa.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang mengubah sistem urusniaga Bank Bumiputra Malaysia Berhad kepada sistem urusniaga Bank Islam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Bumiputra Malaysia Berhad telah diperbadankan bagi menjalankan perniagaan yang biasa dijalankan oleh bank-bank komersial. Bagi peniaga-peniaga Islam yang kurang senang dengan sistem bank yang ada sekarang Kerajaan telah menyediakan kemudahan-kemudahan melalui Bank Islam Malaysia Bhd untuk mereka berurusniaga berasaskan prinsip-prinsip syariah.

**USUL MENANGGUHKAN  
MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN  
MESYUARAT 18**

**SKANDAL KEHILANGAN SIJIL  
SAHAM BSKL**

4.00 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) untuk mengemukakan suatu usul yang berbunyi:

“Bahawa menurut Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 18 (1), Dewan ini membenarkan Ketua Pembangkang Parlimen, Y.B. Lim Kit Siang mencadangkan penangguhan Dewan bagi maksud merundingkan satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu skandal kehilangan sijil saham Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL);

Bahawa ia adalah satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan kerana:

- (1) Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sentiasa berada dalam keadaan kucar-kacir sejak pemisahannya terburu-buru dan salah rancang daripada Bursa Saham Singapura (BSS) pada 1hb Januari tahun ini yang “dilakukan secara tergesa-gesa dalam tempoh dua bulan selepas ianya diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawan 1990 yang dibuat oleh beliau dalam Dewan Rakyat pada 27hb Oktober 1989.

- (2) Pemisahan terburu-buru dan salahrancang BSKL daripada BSS itu telah mencetuskan kucar-kacir di BSKL kerana Kerajaan tidak membuat rancangan awal (forward planning) yang sempurna untuk memastikan BSKL sedia untuk mengendalikan dengan cekap dan secara profesional sebarang pertambahan tiba-tiba dalam volume dagangan harian yang melambung dari 40-47 juta saham sehari pada bulan Disember lalu kepada 100-200 juta saham dalam penghujung bulan Februari lalu yang tidak pernah berlaku.

Sebenarnya, Pengerusi BSKL Encik Nik Din bin Nik Yusof, dalam sidang akhbar-nya pada 14hb Mac, 1990 mengaku akan ketidakcekapan BSKL dan beliau menyatakan bahawa BSKL tidak dapat untuk menentukan had volume dagangan harian (Threshold daily trading volume) yang ia berupaya untuk mengendalikannya.

- (3) Ketidakekapan dan salah pengurusan BSKL serta clearing housenya-Securities Clearing Automated Networks System (SCANS) dan ketiadaan profesionalisme broker-broker telah mengakibatkan suatu keadaan yang kucar-kacir yang berlanjutan dalam pasaran saham yang menyebabkan kerugian besar kepada orang ramai yang melabur sepertimana yang digambar

kan di bawah ini yang berlaku dalam tempoh tersebut tadi.

- (i) Sijil-sijil yang tidak di disampaikan: Encik Nik Din menganggarkan dua hari dahulu iaitu pada hari Rabu bahawa sijil-sijil 49 juta saham yang bernilai dalam lingkungan \$74 juta didapati "hilang". Tiga minggu dahulu \$150 juta saham telah dianggarkan "hilang" dan akbar Asian Wall Street Journal dalam keluarannya pada 1hb Mac, 1990 melaporkan bahawa sebilangan penganalisis-penganalisis menganggarkan nilai sijil "hilang" dalam lingkungan \$200 juta.
- (ii) Penyerahan sijil yang salah: Sebagai contohnya, pelabur-pelabur yang membeli saham-saham API diberi sijil Bedford dan apabila sijil Bedford dipulangkan, mereka diberitahu bahawa SCANS tidak dapat mencari sijil-sijil API.
- (iii) Pengedaran sijil-sijil palsu seperti sijil Promet dan UEM.
- (iv) Kepincangan dagangan di SCANS di mana sijil-sijil bertaburan di koridor apabila volume dagangan meningkat, dengan beg-beg atau

suitcases penuh dengan sijil-sijil dikejar keluar kepada broker-broker cuma untuk melapangkan ruang untuk kumpulan stok yang berikut tanpa mengira kekurangan dokumentasi dan "mismatching" pesanan-pesanan dengan sijil-sijil yang bernombor atau "numb ered certificates", dengan izin. Sehingga hari ini, pelabur-pelabur yang membeli saham-saham pada 4hb Januari 1990, ialah lebih kurang dua setengah bulan lalu, pun belum menerima sijil-sijil saham mereka.

- (v) Laporan oleh Hanafiah, Raslan dan Mohamad, juruaudit bebas yang diupah oleh BSKL untuk bantu mengesan 'sijil saham yang hilang' bernilai beratus juta ringgit, bahawa SCANS hendaklah memikul kebanyakan tanggungjawab atas kehilangan sijil-sijil saham itu kerana kerja-kerja SCANS telah dilemahkan oleh, dengan izin, 'insufficient infrastructure, inability of manning the operations of SCANS; inability of appreciating the full

scope, extent and impact of the current overtrading activities in the market'. Satu mesyuarat khas BSKL pada 17hb Februari lalu telah mengakui bahawa, dengan izin, 'until mid-February SCANS had been unable to clear the mounting backlog of buy-and-sell orders and have been unable to trace the shortfall or excessive delivery of shares sent to the Exchange's 53-member brokers firms. Keadaan kehilangan sijil-sijil saham merosot lagi selepas mesyuarat BSKL ini.

Yang keempat, keperluan mendesak mempertahankan kepentingan pelabur-pelabur tempatan kecil dengan:

- (a) mengadakan suatu siasatan awam yang penuh dalam punca-punca skandal berjuta-juta saham yang hilang ini.
- (b) menubuhkan satu pasukan bertugas khas untuk menjamin bahawa pelabur-pelabur tempatan dan asing diberi bayaran yang gantirugi dan penuh untuk segala kerugian yang dialami dalam skandal ini;
- (c) mengkaji atau menyusun semula BSKL yang dipenuhi oleh lantikan-lantikan Kerajaan yang tidak fasih dalam operasi Bursa Saham dan menjamin perwakilan diberi kepada pelabur-pelabur tempatan kecil untuk menjaga kepentingan mereka; dan

- (d) mengadakan langkah-langkah segera untuk mengatasi masalah kehilangan sijil saham ini dengan serta-merta, termasuk kerjasama untuk masa peralihan antara KLSE dan CLOB International ialah 'over the counter facility', dengan izin, yang didirikan oleh Bursa Saham Singapura untuk berniaga dalam saham-saham Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini saya telah menerima satu Usul daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen kawasan Tanjong di bawah Peraturan Mesyuarat 18 berkenaan dengan Bursa Saham Kuala Lumpur. Teks Usul Yang Berhormat itu adalah sebagaimana yang dibacakannya sebentar tadi.

Saya telah meneliti teks Usul Ahli Yang Berhormat itu dan didapati bahawa walaupun ia menepati kehendak Peraturan Mesyuarat atas dua perkara iaitu:

- (i) ia perkara tertentu; dan
- (ii) ia bagi kepentingan orang ramai,

namun demikian, ia tidak perlu disegerakan sehingga terpaksa menanggungkan Mesyuarat petang ini untuk membincangkannya oleh kerana Kerajaan telahpun mempersetujui segala tindakan KLSE di atas segala langkah untuk membetulkan segala perkara yang tidak baik berlaku. Tindakan yang telah diambil ialah:

- (1) Melantik sebuah syarikat juruaudit iaitu Hanafiah, Raslan dan Mohamad untuk menjalankan tugas-tugas mengesahkan tuntutan sijil yang tidak diterima oleh syarikat broker dan memastikan bahawa masalah ini tidak akan timbul lagi.

- (2) 16 firma juruaudit yang lain daripada Hanafiah, Raslan dan Mohamad telah dilantik untuk mengesahkan rekod-rekod kesemua 46 syarikat broker saham di seluruh Malaysia.
- (3) Menubuhkan satu pasukan petugas mengandungi pegawai-pegawai kanan Bursa Saham Kuala Lumpur dan SCANS iaitu syarikat penjelasan BSKL dan juga pegawai-pegawai kanan juruaudit Hanafiah, Raslan dan Mohamad.

Semenjak 14 Februari 1990, mesyuarat diadakan pada tiap-tiap hari untuk mengawasi dan melaporkan kemajuan tugas-tugas yang tersebut di atas yang telahpun dijalankan.

- (4) Pada 12 Februari 1990 KLSE telah melaksanakan sistem hantaran dan penyelesaian tetap untuk mengatasi dan mengawal proses menjalankan, menyelesaikan dan menghantarkan sijil-sijil. Kesan-kesan yang telah didapati semenjak 19 Februari 1990 hingga hari ini ialah sebanyak 101,000 sijil yang telah dikurangkan daripada tuntuan awal yang berjumlah 150,000 sijil yang dituntut.

Jadi, bermakna sebanyak 49,000 sijil yang masih di dalam penyelesaian.

Oleh itu, saya berpendapat perkara ini tidak perlu disegerakan untuk dibahaskan di dalam Dewan pada hari ini. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini. (*Tepuk*)

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG LEVI KENDERAAN BARANG-BARANG (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.17 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983 dibacakan buat kali kedua sekarang.

Pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah untuk mengatasi beberapa kelemahan yang terdapat dalam Akta ini. Di sini saya memohon memberikan penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

- A(1) Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983, pada masa sekarang pegawai-pegawai kastam yang boleh bertindak di bawah Akta ini hendaklah diwartakan. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai kastam yang bertindak di bawah Akta ini adalah sama dengan pegawai-pegawai kastam yang dilantik di bawah Akta Kastam 1967. Oleh itu adalah didapati tidak praktikal pegawai-pegawai kastam yang dilantik di bawah Akta Kastam dilantik semula di bawah Akta ini.

- A(2) Memandangkan kepada apa yang disebutkan tadi maka Fasal 2 Rang Undang-undang ini adalah untuk memasukkan tarif "pegawai kastam yang



hak” ke dalam Akta ini, bertujuan memberi erti yang sama seperti terdapat dalam Akta Kastam 1967. Fasal 6 pula adalah untuk menggantikan sub-seksyen (2) seksyen 7 yang menghendaki pegawai-pegawai yang dilantik di bawah Akta Levi diwartakan digantikan dengan sub-seksyen (2) yang baru yang membolehkan pegawai kastam yang hak yang dilantik di bawah Akta Kastam 1967 juga menjadi pegawai-pegawai secara automatik di bawah Akta Levi ini.

- A(3) Untuk makluman Dewan yang mulia ini, takrif “pegawai yang hak” di bawah Akta Kastam 1967 ini ialah mana-mana pegawai kastam yang bertindak bagi melaksanakan kewajipan-kewajipan di bawah Akta ini sama ada kewajipan-kewajipan itu di-untukkan kepadanya secara khas, atau secara am, atau secara nyata, atau secara termaklum.

Tuan Yang di-Pertua, bagi perkara (b) mengikut Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983, amaun levi yang dikenakan bukan sahaja perlu diwartakan, akan tetapi hendaklah juga dibentangkan dalam mesyuarat Dewan Rakyat ini.

Fasal 3 adalah bertujuan mengesahkan pungutan levi menurut undang-undang kerana walaupun perintah mengenai amaun levi \$100 itu diwartakan, akan tetapi disebabkan oleh sesuatu kesilapan telah tidak dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini sebagaimana yang dikehendaki.

Perkara (c), pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan dan

Ketua Pengarah Kastam tidak mempunyai kuasa untuk memulangkan levi yang terlebih ataupun tersalah dibayar.

Fasal 4 dan Fasal 5 adalah bertujuan untuk mengadakan seksyen baru untuk memberikan kuasa kepada Menteri Kewangan dan Ketua Pengarah Kastam untuk memulangkan levi yang terlebih atau tersalah dibayar. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kuasa Ketua Pengarah Kastam untuk memulangkan levi tersebut adalah dihadkan kepada tuntutan-tuntutan yang dibuat dalam masa satu tahun sahaja. Selepas sesuatu pembayaran levi itu dibuat, pindaan-pindaan lain merupakan pindaan-pindaan kecil yang dibuat untuk melengkapkan undang-undang ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Ng Cheng Kuai):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Bukit Bintang.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Levi Kenderaan Barang-barang (Pindaan) secara ringkas.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini dibentangkan ialah untuk menghalalkan atau menguatkuasakan levi \$100 ke atas kenderaan-kenderaan barang-barang yang meninggalkan negara ini. Oleh kerana menurut apa yang telah dikatakan oleh Timbalan Menteri, oleh kerana Kerajaan

telah membuat kutipan tidak sah berjumlah ratusan juta ringgit dalam bentuk levi ke atas kenderaan barang-barang yang meninggalkan negara ini sejak 6 tahun yang lalu.

Kerajaan sekarang menyedari bahawa ia tidak mempunyai kuasa untuk menguatkuasa dan mengutip levi \$100 ke atas kenderaan-kenderaan ini yang meninggalkan negara dan hanya baru sekarang Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk memperbetulkannya. Dan dengan ini, maka pihak Kerajaan telah membentangkan satu pindaan kepada Akta Levi Kenderaan Barang-barang untuk memperbetulkan yang salah dan silap dan mengesahkan secara undang-undang akan sesuatu yang haram dan apa yang memeranjatkan ialah meletakkan tarikh kebelakang atau back date untuk kutipan tersebut. Ini kerana Rang Undang-undang Levi Kenderaan Barang-barang yang dibuat terkebelakang kepada 1hb Januari, 1984 yang sepatutnya menjadi tarikh kuatkuasa kutipan levi itu.

Daripada Rang Undang-undang ini adalah sangat jelas bahawa Kerajaan telah membuat kutipan haram sejak 1hb Januari 1984, sehingga sekarang levi \$100 yang dikenakan ke atas kenderaan barang-barang yang meninggalkan negara ini.

Berdasarkan perkiraan purata 1,500 buah lori yang meninggalkan negara ini pada sehari, sebagai contoh lori-lori yang membawa barang-barang yang meninggalkan Johor Bahru misalannya untuk pergi ke Singapura dan katakanlah 1,000 buah lori terpaksa membayar \$100 levi jika dikira akan menjadi sejumlah \$100,000 dan jika dikira untuk 25 hari pada sebulan iaitu selepas telah tolak hari cuti am dan hari Ahad bagi tempoh 6 tahun, kita akan mendapati bahawa sejumlah besar kutipan lebih kurang \$180 juta. Ini hanyalah merupakan satu

angka yang konservatif ataupun sangat kecil, dan amaun yang terlibat boleh jadi lebih daripada apa yang saya sebutkan tadi, iaitu dengan mengambilkira lori-lori yang menyeberangi dari Johor Bahru ke Singapura melebihi dari sekali sehari.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan kami adalah amat tidak wajar dan betul bagi Kerajaan menghalalkan kutipan-kutipan haram dengan kebelakangan tarikh ataupun back date, dengan izin, dengan mengadakan Rang Undang-undang ini dan kami dengan apa jua alasan dan fikiran tidak boleh memberikan sokongan terhadap perkara ini. Jika Kerajaan gagal untuk menghalalkan kutipan levi \$100 pada peringkat awal, maka ini menunjukkan kelalaian pihak Kerajaan dan adalah tidak betul bagi Kerajaan sekarang berbalik semula kepada Dewan Rakyat bagi meminda Seksyen 3, Akta Levi Kenderaan Barang-barang tahun 1983 bagi memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri mengenakan levi itu.

Yang Berhormat Menteri berkenaan jelas telah lalai dalam tugasnya dan beliau patut memikul sepenuh tanggungjawab ini. Di negara-negara lain yang mengamalkan dan menjunjung akauntabiliti awam. Yang Berhormat Menteri berkenaan akan mengambil sepenuh tanggungjawab dan meletakkan jawatan, tetapi bukan di Malaysia kerana Kerajaan ini tidak langsung menghormati akauntabiliti awam.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kutipan haram levi \$100 untuk tempoh selama 6 tahun sehingga sekarang, maka saya menyeru Kerajaan supaya mengembalikannya semula kutipan haram yang melibatkan ratusan juta ringgit kepada pengusaha-pengusaha pengangkutan ataupun Transport Operators, dengan izin, mana-mana Kerajaan yang bertanggungjawab akan berbuat demikian.

Saya juga menyeru Yang Berhormat Menteri supaya mengarahkan kutipan levi dikembalikan semula kepada pengusaha-pengusaha pengangkutan. Ini sekurang-kurangnya beliau harus buat untuk menyelamatkan Kerajaan dari satu keadaan yang sangat memalukan. Ini bukanlah kali yang pertama Kerajaan telah bertindak tidak menurut peraturan berhubung dengan kutipan levi \$100 yang menimbulkan kesusahan kepada pengusaha-pengusaha pengangkutan. Contoh yang lain ialah pemasangan alat amaran ke atas lori-lori dan lori-lori pengangkut. Ramai pengusaha lori dan lori pengangkut dikehendaki pada masa lalu memasang alat amaran ke atas kenderaan-kenderaan mereka, tetapi Kerajaan memutuskan pada akhirnya untuk membekukan pelaksanaannya kerana terdapat pelbagai kelemahan. Sekali lagi mangsa-mangsa ialah pengusaha-pengusaha lori ataupun pengusaha-pengusaha pengangkutan yang telah membelanjakan wang yang besar untuk memasang alat-alat amaran dan kerana kelemahan Kerajaan, mereka menjadi korban menanggung kerugian.

Berdasarkan pandangan-pandangan tadi, saya tidak dapat memberi sokongan saya kepada Rang Undang-undang ini yang pada fikiran saya adalah sangat tidak wajar dan tidak betul dan semestinya dibantah. Sebaliknya saya merasa bahawa masanya telah tiba bagi Kerajaan menghapuskan levi \$100 ke atas kenderaan-kenderaan, barang-barang yang meninggalkan negara kita oleh kerana pengusaha-pengusaha pengangkutan sudahpun dibebankan dengan semua jenis cukai oleh pihak Kerajaan. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kepong.

4.30 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dan saya hendak menambahkan beberapa point yang belum disentuhkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Kami faham bahawa levi kenderaan barang-barang ini dikenakan ke atas lori-lori yang mengangkut barang-barang menyeberangi Johor Bahru ke Republik Singapura. Hasrat Kerajaan mengenakan levi ialah bagi menggalakkan perkembangan Pelabuhan Pasir Gudang di Johor Bahru. Di samping itu, Kerajaan Persekutuan juga telah beroleh terimaan hasil yang lumayan daripada tindakan mengenakan levi.

Tuan Yang di-Pertua, kami sedar bahawa Pelabuhan Pasir Gudang telah berkembang dengan pesat sejak ia dibuka dalam tahun 1977, malah pihak berkuasa pelabuhan ini pernah mengatakan yang Pelabuhan Pasir Gudang adalah sebanding dengan pelabuhan-pelabuhan di Singapura dan Hongkong. Potensi pertumbuhan pelabuhan ini dilaporkan adalah di dalam bidang kontena dengan sumbangan terbesar daripada syarikat perkapalan asing Taiwan, iaitu Syarikat Evergreen dan Pacific International. Pelabuhan ini dijangka akan maju lagi dengan tertubuhnya sebuah kilang membuat kontena yang bernilai di antara \$54 juta hingga \$81 juta oleh Syarikat Evergreen di Pasir Gudang. Tarikan pelabuhan ini ialah kerana ianya terletak di dalam Zon Perdagangan Bebas.

Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, Pelabuhan Singapura masih dianggap sebagai ancaman kepada kemajuan Pelabuhan Pasir Gudang selagi bayaran perkhidmatan yang dikenakan oleh Republik itu lebih murah daripada yang dikenakan di Pasir Gudang. Walaupun

masa depan yang amat cerah diramalkan bagi Pelabuhan Pasir Gudang, kami berharap pihak Kerajaan tidak akan mensia-siakan sahaja usaha, masa serta wang berjuta-juta ringgit yang dilaburkan ke dalam pelabuhan ini menerusi kegagalan bagi memper-tahankan, malah terus memper-tingkatkan lagi standard profesionalisme serta kemahiran mengurus pelabuhan dan industri perkapalan negara.

Tuan Yang di-Pertua, peringatan saya di sini adalah perlu kerana pada hujung tahun lepas, saya pun pernah membuat seruan seperti ini ke atas perpisahan Bursa Saham Kuala Lumpur daripada Bursa Saham Singapura. Waktu itu saya pernah mengatakan kita perlu adakan standard profesionalisme dan juga tempoh untuk perpisahan itu tidak boleh dibuat dengan serta-merta, kalau tidak wayang kepadaman tamat seperti yang berlaku sekarang.

Skrip-skrip sijil saham hilang begitu sahaja, kononnya 49 juta sijil itu hilang. Ini menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional tidak mengendahkan cadangan yang baik ini, tidak seperti yang dilaung-laungkan oleh Yang Berhormat dari Kota Setar. Dua kali sudah saya dengar dia.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Kota Setar.

**Dr Abdul hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat dari Kepong telah membuat satu dakwaan yang salah saya kira. Katanya 49 juta sijil-sijil telah hilang. Mengikut fahaman saya adalah 49,000 ataupun kurang daripada itu. Ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat dari Kepong datang ke sini membuat

ucapan tanpa periksa berkenaan dengan fakta-faktanya. *(Tepuk)*

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, dia salah anggap kerana itulah satu kebiasaannya bagi dia—satu kebiasaan. Nik Din yang bertanggung-jawab untuk Bursa Saham Kuala Lumpur itu menganggar bahawa pada dua hari yang lepas, 49 million share yang berharga kira-kira \$74 million harganya. Jadi saya sebutkan ini mengenai harga bernilai lebih daripada \$49 juta. Ada yang menganggarnya \$74 juta.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, tadi yang dikatakannya sijil saham ataupun skrip yang hilang 49 juta. Yang saya tahu, yang hilang 49,000—itu pun belum lagi disahkan skrip ini. Yang dia kata tadi bahawa skrip yang hilang ataupun sijil saham yang hilang 49 juta, sekarang 74 juta juga. Dia tidak faham sebenarnya berkenaan dengan Bursa Saham Kuala Lumpur dan skrip ini nampaknya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, dia sengaja hendak mengelirukan sekarang walaupun berpuluh-puluh ribu share itu sudah hilang dan berharga mungkin lebih \$74 juta.

**Tuan Lim Guan Eng:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ya, minta penjelasan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Kepong, apa yang dimaknakan oleh Yang Berhormat dari Kota Setar ialah 49,000 lot dan mungkin Yang Berhormat dari Kota Setar terkeliru di situ, 49,000 lot—satu lot ialah 1000, oleh itu 49 juta. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, dia kelirulah, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti ya, saya hendak terangkan apa yang dibacakan oleh Tan Sri Speaker tadi semasa menggulung perbahasan Yang Berhormat dari Tanjong. Dia mengatakan bahawa, saya quote:

“...Jadi bermakna sebanyak 49,000 sijil yang masih di dalam penyelesaian.”

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, itu untuk lot (sijil). Untuk satu lot—satu lot 1000 saham. Share, bukan lot.

**Dato' Abdullah bin Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kok Lanas.

**Dato' Abdullah Ahmad:** Tuan Speaker, saya nampak tidak ada kuorum.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Setiausaha, bilang berapa. 23 Ahli. Sila bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan.*

*(Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sudah ada 34 orang. Sila teruskan, Yang Berhormat dari Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat rakan dari Kelantan itu dia hendak membantu Yang Berhormat dari Kota Star sahaja kerana keliru sedikit dia dengan 49,000 lot dengan 49 juta syer.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, dia bangun lagi.

**Dr Tan Seng Giaw:** ... dan walau bagaimanapun, dengan kehilangan nilai yang besar, berpuluh-puluh juta ringgit ...

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kepong, dia bangun, boleh beri jalan?

**Dr Tan Seng Giaw:** Boleh.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat dari Kepong ini dia tidak faham langsung berkenaan dengan saham-saham ataupun BSKL, skrip ataupun sijil. Untuk pengetahuan beliau, untuk penerangan beliau, saya harap Yang Berhormat dari Kepong itu faham bahawa sesuatu sijil itu kadang-kadang hanya untuk satu lot—1,000 syer ataupun 5 lot—5,000 syer dan kadangkala 10 lot untuk 10,000 syer dan sebagainya, dan tidak semestinya sesuatu syer itu bernilai \$1.00, kadang-kadang \$5.00, kadang-kadang \$10.00. Jadi, Yang Berhormat dari Kepong tadi, saya minta penjelasan, adakah masih tidak faham ataupun ingin difahamkan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, dengan faham yang demikian, susahlah kita. Kalau dengan fahaman dia, memang dia kata—itulah yang saya dengar—bahawa pada bulan Disember yang lalu, sebelum perpisahan, hanya lebih 40 juta syer sehari diperdagangkan, dan kemudian masuk ke bulan Januari dan Februari, meningkat syer perdagangan kepada lebih satu ratus juta ringgit. Saya dengar begitu lantang berkumandang, tetapi dia tidak pernah

sebutkan satu skandal yang begitu besar. Itulah fahaman dia, fahaman yang putar-belit.

**Dato' Loke Yuen Yow:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti, Yang Berhormat dari Kepong.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia minta penjelasan.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya betul-betul terkeliru sekarang sebab apa yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan tidak bersangkutan dengan Rang Undang-undang ini. Saya bentangkan tadi pindaan kepada Rang Undang-undang Levi dan ia tidak ada bersangkutan dengan Bursa Saham. Saya "confused".

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kepong, teruskan.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Jangan buang masa, ini satu kebiasaan dia.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan hal profesionalisma, hal bagaimana kita hendak menguruskan, bukan sahaja untuk mengutip levi. Apakah fasal kita hendak mengutip levi kenderaan ini? Fasal hendak membangunkan Pasir Gudang. Kalau hendak membangunkan Pasir Gudang, kita memerlukan profesionalisme. Itulah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, patut dia menumpu perhatian yang lebih sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Kerana Ahli dari Kota Star ini, dia keliru.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Dr Tan Seng Giaw:** dan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun hendak keliru juga.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat ingin berbahas atas profesionalisme, tunggulah sehingga masa kalau Kerajaan membentangkan Rang Undang-undang mengenai profesionalisme. Ini tidak ada berkaitan. Jangan buang masa. Ini adalah satu kebiasaan Ahli Yang Berhormat itu yang selalu pusing-pusing dan buang masa sahaja.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ini tidak ada profesionalisme, dia bangun ikut kehendak sahaja. Jadi, apa fasal kita hendak adakan Pengerusi di sini, tidak payahlah. Bubarkan Parlimen ini sahaja. Dia tidak begitu faham sekarang, cuma hendak berjenaka sahaja, terumbang-ambing, puntang-panting, pandai berjenaka.

**Tuan Ong Tee Keat:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kepong, point of order.

**Tuan Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, point of order 36 (6), sebab tadi Yang Berhormat dari Kepong menuduh ataupun mendakwa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mempunyai profesionalisme. Itu adalah satu sangkaan jahat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kepong, teruskan ucapan dan hadkannya kepada Rang Undang-undang ini sahaja.

**Dr Tan Seng Giaw:** Ya, saya akan menumpukan ucapan . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kita banyak lagi Rang Undang-undang.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tidak banyak lagi. Jadi mengenai profesionalisma ini, yang Berhormat dari Ampang Jaya pun nampaknya dia kurang sedikit. Dengan kekurangan ini tidak payahlah hendak membangkitkan 36 (6), kerana di dalamnya pun dia kurang faham. Kerana rakan itu, dia bangun. Apabila saya bangun di sini, dia patut minta penjelasan dahulu, tetapi dia tidak minta jalan, terus bangun dan berucap pula. Itulah kekurangannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan hal ini kerana pada tahun lepas saya pernah memberi peringatan, janganlah kita hendak buat perpisahan dengan tergopoh-gapah. Kita hendak menumpukan perhatian dari segi urusan, dari segi rancangan, dari segi profesionalisme yang masih kurang, yang merugikan negara ini. Kalau begitu profesionalisme, mengapa kita hendak mengenakan levi ke atas kenderaan yang pergi ke Singapura untuk menggunakan Pelabuhan Singapura. Ini menunjukkan kita masih kurang. Kalau kurang itu, kita mesti meningkatkan kebolehan kita. Nampaknya Yang Berhormat Menteri Penerangan setuju dengan saya.

**Dato' Loke Yuen Yow:** (*Bangun*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Masih hendak bising lagi, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Saya minta Ahli Yang Berhormat itu jangan buang masa kita. Kalau hendak cakap, lekaslah cakap. Ucapan itu ialah kosong, saya ingat dan kalau saya hendak jawab pun, dua soalan sahaja saya hendak jawab dan sudah habis, fasal isi kandungannya kosong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada yang kosong di sini. Yang kosong ialah sebelah di situ, dengan serkap jarangnya di situ. Dalam kesibukan bersaing dengan Pelabuhan Singapura bagi memperoleh lebih banyak perdagangan perkapalan, Kerajaan juga perlu menumpukan perhatian kepada soal kenapa levi masih perlu dikenakan ke atas kenderaan barang-barang bagi menghalang pengusaha-pengusaha tempatan daripada menggunakan Pelabuhan Singapura untuk mengeksport barang-barang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selagi levi perlu dikenakan khas bagi tujuan itu, maka ia bermakna pengurusan pelabuhan kita mungkin mempunyai masalah pengurusan atau penyediaan perkhidmatan sehingga pengusaha-pengusaha tempatan masih terdorong untuk menggunakan Pelabuhan Singapura

Walaupun ada levi dan lebih-lebih lagi bila tidak ada levi dikenakan, ini bermakna laporan serta perkembangan Pelabuhan Pasir Gudang mungkin tidak sehebat seperti yang diheboh-hebohkan oleh pihak berkuasa pelabuhan. Selagi ada levi seperti ini yang diheboh-hebohkan sebagai pelabuhan yang termoden itu tidak boleh diterima. Kalau begitu hebatnya perkhidmatan dan pengurusan dan profesionalisme Pelabuhan Pasir Gudang, kita tidak payah kenakan levi.

Kerajaan perlu mengesan dan mengenal pasti faktor-faktor utama kekurangan yang ada pada perkhidmatan mahupun pengurusan pelabuhan tempatan berbanding dengan pelabuhan asing seperti Singapura. Pada masa yang sama tindakan mengenakan levi itu juga perlu diberi perhatian daripada segi mereka yang mengutip atau diberi kuasa mengenakan bayaran tersebut. Seringkali kami mendengar rungutan-rungutan pemilik-pemilik lori mengenai penyalahgunaan kuasa oleh pegawai-pegawai

penguatkuasa termasuk polis seperti memeras ugut pemandu membayar wang kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, misalan pada awal tahun lalu pihak Pan Malaysian Lorry Operators Association mendakwa bahawa sesetengah pegawai polis telah mendirikan sekatan-sekatan jalan untuk mendapat wang daripada lori-lori yang melalui Johor. Wang dibayar kepada pegawai polis di Johor supaya lori-lori boleh melalui sekatan-sekatan tersebut tanpa apa-apa masalah. Lori-lori yang telah membayar tol tidak rasmi ini mempunyai simbol-simbol tertentu dan pegawai yang bertugas disekatan jalan akan membenarkan mereka melalui tanpa apa-apa masalah. Difahamkan bahawa setiap kali sekatan jalan didirikan pengusaha lori terpaksa membayar kira-kira \$100. Ini levi yang kedua. Levi yang pertama itu dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di sini dan levi corak yang kedua itu di luar Dewan. Itulah, saya berharap diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini pernah berlaku 7 tahun lalu dan apabila pihak Persatuan mendedahkan muslihat pegawai polis dengan pengusaha lori, simbol-simbol yang diguna telah ditukarkan. Oleh itu kami juga berharap pihak Kerajaan menumpu perhatian terhadap membanteras penyelewengan serta penyalahgunaan kekuasaan di kalangan kakitangan yang bertanggungjawab bagi mengutip sebarang bayaran yang perlu termasuk levi. Kita adakan levi tetapi dengan adakan levi ini penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa boleh berlaku. Dan pernah berlaku. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak pernah sebutkan cara-cara untuk membanteraskan penyelewengan-penyelewengan seperti ini. Cuma hendak bangkitkan hal-hal yang bukan-bukan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, bagi setiap tahun bermula pada tahun levi dikuatkuasakan apakah jumlah levi yang berjaya dikutip oleh Kerajaan. Dia tidak sebutkan di sini,

hendak kutip lagi. Tetapi yang telah dikutipkannya tidak pernah disebutkan jumlahnya. Sejauh manakah penguatkuasaan dalam bilangan kenderaan barang-barang yang masuk ke Singapura dari Malaysia dan pada masa yang sama pertambahan dalam kegunaan perkhidmatan Pelabuhan Pasir Gudang yang boleh dikesan kembali kepada faedah daripada mengenakan levi ini. Kita melaburkan berpuluh-puluh juta ringgit ke Pasir Gudang dan kenakan levi. Hendak halang lori masuk ke Singapura. Daripada tindakan ini, adakah pertambahan penggunaan pelabuhan Pasir Gudang ini berhubung kait secara langsung dengan pengharaman atau dikenakan levi. Adakah tindakan seperti ini menghasilkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap janganlah kita berlagak seperti tuba habis, ikan tidak dapat. Kita hendak buat sesuatu kita hendak adakan rancangan yang lebih ketat, yang lebih berkesan, janganlah kita melakukan seperti yang lepas termasuk perpisahan dengan gopoh gajah BSKL daripada Bursa Saham Singapura, dan begitu juga dengan Pasir Gudang. Lain kali saya tidak mahu bangkitkan di sini lagi penyelewengan ataupun skandal seperti BSKL yang berlaku di Pasir Gudang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kota Melaka. Selepas ini Timbalan Menteri akan menjawab.

*4.57 ptg.*

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, saya turut hendak mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang yang bernama Akta Levi Kenderaan Barang-barang (Pindaan) 1983.

Di sini saya rasa saya hendak menunjukan dua hujah. Satu, saya berasa amat kesal tentang sikap Kerajaan, tentang levi yang hendak dikenakan terhadap kenderaan-kenderaan lori. Saya



amat kesal, kerana seperti yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat daripada Bukit Bintang bahawa ini adalah levi yang sudah dikenakan pada tahun 1984 ini adalah tidak sah dan haram dari segi undang-undang. Sekurang-kurangnya pihak Kerajaan patut meminta maaf terhadap kesilapan yang dilakukan oleh Kerajaan dengan melakukan sesuatu yang tidak sah, sesuatu yang haram.

Saya merasa kesal dengan sikap ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana ini menunjukkan sikap angkuh. Kerajaan yang sudah biasa dengan kuasa mutlak mereka. Sungguh pun sesuatu perkara yang tidak sah dari segi undang-undang yang haram dari segi undang-undang, pihak Kerajaan tidak meminta maaf langsung pun dan hanya menyatakan bahawa kesalahan ini akan dibetulkan secara restropective. Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, sebuah Kerajaan yang accountable, apa yang Kerajaan patut melakukan selain daripada meminta maaf terhadap kesilapan ini, kami semua manusia. Manusia boleh berbuat sesuatu kesilapan. Tetapi sekurang-kurangnya akuilah kesilapan itu. Kalau tidak, ini sudah ketelanjangan, sungguh pun satu kesalahan dibuat tetapi ini tidak diakui oleh Kerajaan. Dan ini juga adalah satu teladan, satu contoh yang buruk yang diberikan kepada rakyat Malaysia bahawa Kerajaan sepanjang masa ini melakukan sesuatu yang salah, yang haram disisi undang-undang. Dan sekurang-kurangnya untuk menebus balik kesalahan atau boleh ditakrifkan sebagai dosa yang dilakukan oleh Kerajaan. Kerajaan patut membayar balik levi-levi yang dikenakan terhadap kenderaan-kenderaan yang tidak sah ini.

Saya sedar bahawa mungkin untuk membayar balik levi yang dikenakan secara tidak sah bukanlah satu perkara yang senang. Tetapi sekurang-kurangnya satu usaha mesti dibuat supaya pihak Kerajaan dapat menunjukkan bahawa ia adalah sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab. Dan bukan apabila

sesuatu kesalahan yang dibuat yang dibiarkan begitu sepanjang 6 tahun, baharulah pihak Kerajaan balik dan minta kesalahan ini dibetulkan sahaja. Saya rasa itu bukanlah sistem, bukanlah cara sesuatu Kerajaan yang berperlembagaan yang dikatakan mengikut undang-undang patut memerintah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bertanya, apakah tujuan sebenarnya mengenakan levi ini, kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjelaskan dengan secara mendalam sebab-sebab levi ini dikenakan. Saya juga hendak tahu kerana kesalahan sepanjang 6 tahun ini dibiarkan sahaja, siapakah yang sebenarnya silap dalam perkara ini yang gagal mengikuti peraturan-peraturan undang-undang yang ditetapkan, kerana ini adalah satu perkara yang penting. Siapa yang sebenarnya salah, adakah Jabatan Peguam Negara atau adakah kesalahan ini berpunca daripada Kementerian Kewangan. Kalau begitu, apakah tindakan yang diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab ke atas kesalahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengingatkan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Fasal ini yang bertujuan untuk membetulkan sesuatu yang diakui salah oleh pihak Kerajaan bukanlah satu perkara yang tidak serius. Itu adalah satu perkara yang penting. Saya harap bukan sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi pihak Kerajaan boleh memberi perhatian yang serius bagaimana keadaan sebegini boleh wujud, kerana ini akan melahirkan perasaan syak wasangka bahawa kalau Kerajaan boleh melakukan sesuatu yang tidak mengikut undang-undang, mungkin banyak perkara yang lain Kerajaan boleh berbuat begitu. Kerajaan boleh menyalahgunakan kuasa dengan sewenang-wenangnya dan ini bukan satu contoh atau satu perkara yang boleh memberikan keyakinan kepada rakyat bahawa Kerajaan mengikut luns undang-undang. Oleh itu, saya harap bahawa pihak Kerajaan mesti menebus

balik atau membetulkan apa yang mereka telah buat salah supaya dapat meyakinkan bahawa Kerajaan benar-benar menghormati sistem perundangan negara kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dijemput Timbalan Menteri menjawab.

5.04 ptg.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan tadi atas Rang Undang-undang (Pindaan) ini. Teguran-teguran atau pandangan-pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi akan diambil perhatian dengan sepenuhnya dan saya ingin memberi sedikit jawapan atau penjelasan atas beberapa hujah atau perkara yang telah dibangkitkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang tadi bahawa beliau mengatakan melalui Rang Undang-undang ini Kerajaan cuma mengesahkan kutipan-kutipan levi yang hendak dikatakan haram atau kutipan levi yang telah dikenakan pada tempoh 6 tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, soal mengesahkan kutipan levi yang haram itu timbul kerana Akta Levi 1983 yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini membenarkan Kerajaan mengutip levi. Sebenarnya Dewan yang mulia ini pada tahun yang tertentu telah meluluskan Rang Undang-undang atau Akta Levi Kenderaan Barang-barang. Apa yang terjadi adalah seperti saya jelaskan tadi, iaitu amaun levi sebanyak \$100 itu sebenarnya telah diwartakan, tetapi disebabkan oleh sesuatu kesilapan, tidak dapat dibentangkan sahaja dalam Dewan yang mulia ini sebagaimana yang dikehendaki. Ini pada anggapan dan pendapat Kerajaan walaupun ini adalah satu kesilapan, tetapi kesilapan ini adalah satu kesilapan teknik

dan kesilapan procedural sahaja dan bukan satu perkara yang substantive yang menjadikan kutipan levi itu haram. Walau bagaimanapun . . .

**Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ya, Yang Berhormat dari Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengatakan perkara ini diwartakan. Biasanya sebelum diwartakan dan diluluskan dalam Dewan dahulu, kemudian diwartakan dan diwartakan dahulu, kemudian dibawa ke Dewan yang mulia ini untuk diluluskan. Adakah ini maknanya tadi. Kemudian, dia kata itu bukan satu kesalahan yang besar, cuma teknik sahaja, bukan substantial, procedural sahaja. Jadi, kesilapan seperti ini dengan mengutip wang berjuta-juta ringgit bukan boleh dianggap satu kesalahan yang kecil, tetapi ini satu kesalahan yang besar.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya telah bagi pihak Kerajaan mengakui bahawa ini adalah satu kesilapan, tetapi kesilapan ini adalah kesilapan teknik dan kesilapan procedural dan Kerajaan tidak berhasrat untuk memulangkan kesemua kutipan yang telah dibuat pada tempoh 6 tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan bahawa tujuan Kerajaan memperkenalkan levi kenderaan seperti apa yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka adalah untuk menggalakkan penggunaan pelabuhan-pelabuhan tempatan seperti Pelabuhan Kelang, Kuantan, bukan sahaja Pelabuhan Pasir Gudang seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan juga untuk menambahkan hasil Kerajaan. Inilah sebab-sebabnya Kerajaan mengenakan levi atas kenderaan atau lori-lori yang pergi ke Singapura.

Kerajaan telah menjalankan satu kajian selepas Akta Levi 1983 itu dikuatkuasakan. Sebagai contoh, kajian telah menunjukkan bahawa terdapat pertambahan perkhidmatan kapal berjadual dalam pelabuhan-pelabuhan tempatan, khususnya perkhidmatan kontena dan statistik menunjukkan bahawa dalam tempoh 1984 hingga 1988 Lembaga Pelabuhan Johor telah mengalami pada puratanya peningkatan kargo tahunan sebanyak 20%.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap, Kerajaan negara jiran kita itu bersedia untuk berunding dengan Kerajaan kita supaya levi kenderaan ini yang dikenakan atas lori dapat dimusnahkan. Itu telah mencerminkan bahawa Kerajaan negara jiran kita itu pun memikirkan bahawa pengenaan levi atas lori-lori yang keluar ke negara jiran itu telah menjejaskan perkembangan pelabuhan mereka. Dan perkembangan Pelabuhan Pasir Gudang kita ini telah menunjukkan bahawa polisi ini setakat ini adalah munasabah supaya kita menjaga...

**Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat...

**Dato' Loke Yuen Yow:**...supaya kita dapat meningkatkan...

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat...

**Dato' Loke Yuen Yow:**...perkembangan pelabuhan Pasir Gudang negara kita ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kepong, bangun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, dua perkara yang saya minta penjelasan. Yang pertama mengenai pertambahan kapal yang menggunakan pelabuhan di Johor yang bertambah 20%

setahun itu, adakah ini hubungkait dengan kenderaan levi ini ataupun secara langsung ada kena mengena pertambahan atau perkembangan ekonomi sahaja. Itu penting. Keduanya, sama ada hasrat Singapura untuk berunding dengan Malaysia kerana terjejasnya pelabuhan di Singapura. Kalau begitu, mengapa masih ada begitu banyak kenderaan yang pergi ke Singapura untuk menggunakan pelabuhannya?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apa penjelasan bahagian yang kedua itu, sila ulangi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, masih ada banyak kenderaan yang hendak pergi ke Singapura kerana hendak gunakan pelabuhan Singapura. Jadi, saya tidak nampak ada terjejasnya pelabuhan di Singapura dengan adanya levi seperti ini.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, angka yang saya beri tadi ada kaitan dengan pengenaan levi kenderaan yang Kerajaan kenakan itu bukan sahaja oleh kerana perkembangan ekonomi negara kita ini sahaja.

Bahagian kedua mengenai penjelasan yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat, setelah Kerajaan mengenakan levi kenderaan sejak tahun 1983, bilangan lori yang pergi ke Singapura telah kurang dan oleh kerana itulah mengakibatkan perkembangan Pasir Gudang ini bukan satu-satunya alasan tetapi salah satu alasan atau sebab mengapa kita dapat memperkembangkan pelabuhan Pasir Gudang, Johor kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja golongan saya dan saya sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis

bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 6—*

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kepong.

*5.15 ptg.*

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Fasal 4 merujuk kepada kekuasaan Menteri untuk mengarahkan pembayaran balik apa-apa levi yang telah dibayar. Sementara itu Fasal 5 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk memerintahkan bayaran balik apa-apa levi. Jika dia berpuas hati bahawa wang itu terlebih dibayar atau tersalah dibayar dan jika sesuatu tuntutan dibuat dalam masa satu tahun selepas pembayaran dibuat, beberapa persoalan timbul:

- (a) apakah perbezaan di antara kuasa Menteri mengarahkan pembayaran balik apa-apa levi yang telah dibayar dengan kekuasaan yang diberi kepada Ketua Pengarah;
- (b) di bawah keadaan-keadaan bagaimanakah pembayar levi perlu membuat permohonan kepada sama ada Menteri atau Ketua Pengarah untuk mendapat balik wang yang telah dibayar olehnya;
- (c) bagi tuntutan untuk mendapat balik levi daripada pihak Ketua Pengarah had tempoh tuntutan harus dibuat ialah setahun selepas pembayaran dibuat. Akan tetapi jika ada wujudnya kes-kes di mana

levi tidak perlu dikenakan atau terlebih dibayar oleh pembayar semasa perintah mengenakan levi itu terhenti, masihkah pembayar boleh membuat tuntutan atau pertimbangan khas diberi asalkan pembayar mempunyai dokumen-dokumen untuk menyokong permohonannya;

- (d) di bawah keadaan-keadaan bagaimanakah levi boleh terlebih dahulu dibayar ataupun terlebih dibayar atau tersalah dibayar. Bukankah levi dikenakan secara standard iaitu \$100 bagi setiap lori penuh yang menyeberangi Tambak Johor ke Singapura.

Tuan Pengerusi, Fasal 6 menghapuskan keperluan untuk menetapkan melalui pemberitahuan *Warta* pegawai-pegawai yang dikehendaki menguatkuasakan dan memastikan pematuhan wajar Akta ini. Adakah ia bermakna mana-mana pun seorang Pegawai Kastam boleh mengenakan levi ke atas kenderaan barang-barang pada tempat pertama, mengapakah mereka dikehendaki ditetapkan melalui pemberitahuan dalam *Warta*, sebanyak manakah bidang kekuasaan Pegawai-pegawai Kastam ini telah diperluaskan ekoran daripada pindaan ini berbanding dengan masa sebelum pindaan dibuat. Sekian, terima kasih.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Pengerusi, seperti apa yang saya katakan tadi apabila saya membentangkan pindaan Rang Undang-undang ini bahawa Ketua Pengarah Kastam mempunyai kuasa untuk memulangkan levi yang terlebih atau tersalah dibayar dalam tempoh satu tahun sahaja selepas sesuatu pembayaran levi telah dibuat. Dan kalau ada tuntutan-tuntutan yang dibuat atas pembayaran levi selepas tempoh setahun ini maka Menteri Kewangan mempunyai kuasa untuk membuat keputusan.

Jadi, saya tidak nampak timbulnya kekeliruan atas kuasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, atas soal berkenaan dengan timbulnya levi yang telah dibayar terlebih, bukankah ini satu standard levi untuk dikenakan ke atas sebuah lori yang keluar ke Singapura yang kemungkinan bahawa dalam satu tahun atau dalam satu tempoh tuan punya lori yang keluar ke Singapura atau syarikat berkenaan ada kemungkinan membayar terlebih oleh kerana sesuatu alasan yang tertentu yang saya tidak dapat menjelaskan dengan terperinci di sini. Dan jikalau keadaan itu berlaku apabila mereka membuat tuntutan dipulangkan balik, pindaan kepada Rang Undang-undang ini akan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kastam atau Menteri supaya membuat keputusan. Dan juga kemungkinan bahawa sebahagian barang-barang yang dibawa di dalam lori itu keluar ke Singapura adalah dikecualikan oleh levi, for example, the perishable goods, dan jika itu berlaku, apabila mereka boleh membuktikan bahawa mereka telah membuat bayaran yang terlebih dan membuat tuntutan, Kerajaan, atau Ketua Pengarah Kastam atau Menteri boleh membuat keputusan untuk memulangkan balik pembayaran yang terlebih itu.

Berkenaan dengan apa prosedur untuk membuat tuntutan, saya tidak dapat menjelaskan di sini dan pihak-pihak yang berkenaan boleh mendapat maklumat itu daripada stesyen-stesyen Kastam yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya anggap itulah jawapan saya dan apa-apa yang saya tidak jawab, akan dijawab secara bertulis.

*Fasal 1 hingga 6* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG ZON BEBAS

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.24 ptg.

**Dato Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk membuat peruntukan untuk penubuhan zon-zon bebas dalam Malaysia untuk menggalakkan kehidupan ekonomi negara dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya, dibacakan buat kali kedua sekarang.

Zon bebas ialah sesebuah kawasan di mana barang-barang tertentu tidak tertakluk kepada pengenaan cukai kastam, cukai eksais, cukai jualan dan cukai perkhidmatan, sama ada daripada keseluruhan cukai-cukai tersebut ataupun daripada sebahagiannya. Jenis zon bebas yang ada pada masa ini ialah:

- (a) zon perdagangan bebas—iaitu zon bebas untuk pelaksanaan aktiviti-aktiviti pembuatan dan pengeksportan sahaja;
- (b) pelabunan bebas Langkawi dan Labuan—kedua-dua buah pulau ini telah dibebaskan daripada cukai-cukai atas kebanyakan jenis barang-barang dan juga tidak ada sekatan terhadap aktiviti-aktiviti yang dibenarkan di situ. Tujuan pemberian taraf zon bebas ini ialah untuk menggalakkan pembangunan tempat-tempat itu secara keseluruhan, terutamanya daripada segi pelancongan;
- (c) zon bebas bagi maksud pentadbiran pelabuhan-pelabuhan iaitu pelabuhan Pasir Gudang di Johor. Tujuan zon bebas ini ialah untuk memudahkan pelaksanaan urusan import atau eksport dan lain-lain pengendalian barang-barang seperti pecah pukal dan pembungkusan semula; dan
- (d) kawasan bebas cukai di mana perniagaan secara bebas cukai

dibenarkan. Tujuan zon bebas ini ialah untuk mengawal aktiviti penyeludupan yang berleluasa di situ, dan juga untuk menggalak aktiviti perdagangan di situ sebagai satu cara untuk memesatkan pembangunan tempat tersebut.

Dari segi pentadbiran, zon perdagangan bebas bagi maksud pembuatan dan eksport dan zon bebas bagi maksud pentadbiran pelabuhan adalah ditadbir di bawah Akta Zon Perdagangan Bebas 1971. Pelabuhan bebas dan kawasan bebas cukai pula ditadbir di bawah Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 di mana yang berkaitan.

Undang-undang yang ada sekarang khusus untuk mengendalikan pentadbiran zon bebas ialah Akta Zon Perdagangan Bebas 1971. Walau bagaimanapun, skopnya hanyalah terhad untuk zon bebas bagi maksud pembuatan dan pengeksportan sahaja. Akta ini tidak membenarkan pelaksanaan aktiviti perdagangan dalam sesuatu zon bebas yang diwujudkan di bawahnya, yang mana membuat akta ini tidak boleh dipakai bagi mewujudkan dan mentadbir jenis zon-zon bebas yang lain itu.

Berkaitan Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975, skop dan peruntukan-peruntukan akta-akta ini hanyalah untuk mengendali pentadbiran cukai-cukai itu dari segi pengenaan dan pungutannya sahaja. Akta-akta ini tidak mengandungi peruntukan-peruntukan yang boleh digunakan untuk mewujudkan zon bebas tersebut dan untuk mengawalannya.

Dengan itu pada masa ini tidak ada perundangan yang boleh digunakan untuk menubuh zon bebas mengikut konsep di mana kedua-dua aktiviti perdagangan dan pembuatan dibenarkan. Untuk membolehkan pelaksanaan konsep kawasan bebas cukai di mana

aktiviti perdagangan atau aktiviti perdagangan dan pengilangan dibenarkan, suatu akta baru perlulah diwujudkan.

Setelah akta ini berkuatkuasa kelak, semua zon bebas akan diselaraskan dan disatukan di bawah Akta ini. Secara ringkasnya perundangan yang dipanggil Akta Zon Bebas 1990 ini bertujuan untuk memperkenalkan suatu undang-undang baru bagi:

- (a) penubuhan zon-zon bebas di Malaysia bagi maksud industri-industri perdagangan dan pengilangan;
- (b) mengadakan peruntukan-peruntukan undang-undang yang sesuai bagi Malaysia menggunakan sebaik-baik kemampuannya daripada potensi-potensi ekonomi zon-zon bebas cukai bagi tujuan pembangunan perdagangan dan perindustrian termasuk pelancongan; dan
- (c) menggantikan Akta Zon Perdagangan Bebas 1971 yang ada sekarang yang didapati tidak memadai dan tidak berupaya menampung keperluan-keperluan pembangunan ekonomi semasa yang lebih luas.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Bahagian I, bertujuan membuat peruntukan bagi perkara-perkara permulaan. Bahagian ini memberi kuasa kepada Menteri menetapkan tarikh mula berkuatkuasa Akta ini melalui *Warta*.

Di bawah Fasal 3, Menteri juga diberikan kuasa untuk mengisytiharkan melalui *Warta* mana-mana kawasan sebagai suatu zon perdagangan bebas atau zon perindustrian bebas. Fasal ini juga memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik mana-mana Jabatan Persekutuan atau Negeri, pihak berkuasa

berkanun atau syarikat sebagai Pihak Berkuasa untuk mentadbir, menenggara dan mengendalikannya sesuatu zon bebas.

Bahagian II, bertujuan untuk memperuntukkan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan untuk dijalankan dalam suatu zon bebas.

*Fasal 4*, bertujuan membenarkan apa-apa jenis barang dan perkhidmatan dibawa ke dalam, dihasilkan, dikilang atau dibekalkan dalam sesuatu zon bebas tanpa bayaran apa-apa duti kastam, duti eksais, duti jualan dan duti perkhidmatan kecuali barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang dilarang secara tertentu dan mutlak oleh undang-undang.

*Fasal 6*, memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan apa-apa barang dan perkhidmatan daripada peruntukan-peruntukan Fasal 4 Rang Undang-undang ini. Dengan pengecualian ini barang-barang dan perkhidmatan berkenaan akan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta-akta yang berkuatkuasa di kawasan utama Kastam.

*Fasal 7*, bertujuan untuk memperuntukkan bahawa barang-barang yang diambil dari suatu zon bebas dan dibawa ke dalam mana-mana bahagian utama kastam atau sebaliknya, masing-masing hendaklah disifatkan sebagai diimport ke dalam dan dieksport dari Malaysia.

*Fasal 8*, memperuntukkan bahawa barang-barang yang dikilangkan di zon perindustrian bebas hanya boleh dikeluarkan dari zon bagi tujuan eksport. Pemindahan ke suatu zon perdagangan bebas dengan lain dan pemakaian barang perkilangan berkenaan boleh dibuat dengan kelulusan tertentu.

*Fasal 9*, bertujuan untuk memperuntukkan penalti bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan terhadap Rang Undang-undang ini.

*Fasal 10*, bertujuan untuk memperuntukkan jenis-jenis aktiviti dan pengendalian yang boleh dibenarkan

oleh Menteri untuk dijalankan dalam mana-mana zon bebas.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Apakah sebab-sebabnya zon bebas dalam negara ini dipilih hanya Pulau Langkawi, Labuan dan tidak pula dipilih seperti Penang atau Kuala Lumpur sebagai Ibu Negara patut diadakan satu zon bebas sebab walaupun pelancong-pelancong datang daripada mana-mana negara tetapi sudah semestinya mereka menjadi tempat tumpuan di Ibu Negara iaitu di Kuala Lumpur. Kenapakah tidak diadakan satu zon bebas seperti di Ibu Kota Kuala Lumpur ini; satu. Ini saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat

Yang kedua, zon bebas ini kenapakah diberi pertimbangan semata-mata kepada pelancong sahaja, tidak pula diberi pertimbangan kepada rakyat Malaysia sendiri yang sepatutnya jarang-jarang sekali seperti orang di tanah besar Persekutuan ini iaitu di Malaysia ini pergi ke Langkawi misal kata, mereka boleh membeli barang-barang kecil tanpa cukai sebagai menyegarkan, menggembirakan mereka, jarang-jarang sekali apabila melancong ke Pulau Langkawi atau ke Labuan sebagai buah tangan bagi mereka rakyat Malaysia.

Apakah sebab-sebabnya dipertimbangkan kepada pelancong-pelancong sahaja sedangkan kita tidak fikir bagaimana untuk rakyat Malaysia sendiri untuk mereka suka hati, gembira, melancong, misal kata ke Pulau Langkawi atau Labuan, membawa tarikan kepada mereka hendak pergi ke

Pulau-pulau itu dan itu pun mendatangkan hasil kepada Kerajaan. Kenapakah Kerajaan tidak fikir perkara-perkara yang semacam ini, semata-mata difikirkan kepada pelancong-pelancong sahaja. Ini saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ber-banyak-banyak terima kasih. Kalau Ahli Yang Berhormat berkenaan boleh sabar sedikit, saya akan memberi jawapan dalam penggulungan saya apabila masa perbahasan telah selesai. Terima kasih.

*Fasal 11 dan 12*, masing-masing bertujuan untuk memperuntukkan barang-barang yang dibenarkan di dalam satu zon perindustrian bebas dan zon perdagangan bebas.

Bahagian III bertujuan untuk memperuntukkan fungsi-fungsi tertentu bagi pihak berkuasa yang mengurus dan mengendalikan suatu zon bebas.

*Fasal 13* memberi Menteri kuasa untuk menghendaki pihak berkuasa mengadakan dan menyenggarakan kemudahan-kemudahan yang perlu bagi membolehkan suatu zon bebas berfungsi dengan sepatutnya dan cekap. Fasal ini juga memberi kepada Menteri kuasa untuk mengeluarkan arahan-arahan kepada Pihak Berkuasa yang difikirkan perlu bagi membolehkan suatu zon bebas berfungsi dengan sepatutnya dan bagi maksud melindungi hasil. Fasal ini juga mengenakan satu kewajipan ke atas Pihak Berkuasa untuk mengadakan kemudahan-kemudahan kepada pegawai-pegawai kastam bagi pengawasan yang sepatutnya ke atas barang-barang yang dibawa ke dalam atau keluar dari suatu zon bebas dan untuk menyediakan kepungan-keputusan yang mencukupi bagi mengasingkan suatu zon bebas dari kawasan utama kastam bagi perlindungan hasil dan juga mengawal pergerakan orang-orang, kenderaan-kenderaan, vesel dan barang-barang yang masuk dan keluar dari suatu zon bebas.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 16 memberi kuasa kepada pihak berkuasa mengikut budibicaranya memerintah pengecualian atau pemindahan apa-apa barang ataupun pemberhentian apa-apa aktiviti atau pengendalian yang merbahaya atau mudarat kepada kepentingan kesihatan atau keselamatan awam dari satu zon bebas. Fasal ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa perintah yang dibuat oleh Pihak Berkuasa hendaklah berkuatkuasa dengan serta-merta kecuali satu perintah untuk memberhentikan apa-apa pengendalian yang hendak berkuatkuasa hanya selepas Menteri memutuskan rayuan ini, jika ada, memihak kepada Pihak Berkuasa. Fasal ini selanjutnya memperuntukkan bahawa keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak tertakluk kepada kaji semula oleh mana-mana mahkamah.

Bahagian IV meliputi Fasal 16 hingga 41 yang bertujuan memberi peruntukan bagi kesalahan-kesalahan dan penalti-penalti, memberi kuasa kepada mana-mana pegawai kastam berhubung dengan penggelidahan, penyitaan, penangkapan dan peruntukan-peruntukan mengenai perbicaraan dan prosiding di bawah Rang Undang-undang ini.

Bahagian V yang meliputi Fasal 42 hingga 44 memperuntukkan bagi peruntukan-peruntukan pelbagai. Di antaranya ialah Fasal 46 memperuntukkan bahawa satu rayuan hendaklah ditujukan kepada Menteri oleh mana-mana orang yang terkilang oleh keputusan Ketua Pengarah Kastam atau Pihak Berkuasa kecuali dalam hal-hal jika keputusan yang dirayu itu adalah keputusan-keputusan mengikut budibicara mutlak Pihak Berkuasa atau Ketua Pengarah.

*Fasal 47* memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan di bawah Rang Undang-undang ini.

*Fasal 48* memberi kuasa kepada Menteri untuk mewakilkan kuasa-kuasanya di bawah Rang Undang-undang



ini kecuali kuasa-kuasanya di bawah Fasal 10(2) dan kuasa-kuasanya untuk membuat peraturan-peraturan di bawah Fasal 47.

Bahagian 6 membuat peruntukan-peruntukan bagi pindaan-pindaan dan pemansuhan.

*Fasal 49* memperuntukan bagi pemansuhan Akta Zon Perdagangan Bebas 1971 dan pindaan-pindaan yang berbangkit kepada undang-undang bertulis yang disebut dalam Jadual Ketiga.

*Fasal 50* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Zon-zon Perdagangan Bebas yang sedia ada yang diisytiharkan di bawah Akta Zon Perdagangan Bebas 1971 yang dimasukkan hendaklah disifatkan sebagai Zon Perindustrian Bebas di bawah Rang Undang-undang ini.

*Fasal 51* memperuntukkan bahawa Menteri boleh membatalkan mana-mana perintah atau pengisytiharan yang dibuat di bawah undang-undang bertulis yang terdahulu berkaitan dengan Zon-zon Perdagangan Bebas dan di bawah Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang meliputi tiga Jadual iaitu:

- (a) Jadual Pertama, menyenaraikan aktiviti-aktiviti pengilangan yang diluluskan oleh Menteri untuk dijalankan dalam satu Zon Perdagangan Bebas;
- (b) Jadual Kedua menyenaraikan aktiviti-aktiviti yang diluluskan oleh Menteri untuk dijalankan dalam satu Zon Perindustrian Bebas; dan
- (c) Jadual Ketiga menerangkan pindaan-pindaan yang berbangkit dan pemansuhan yang disebut di bawah Fasal 49 Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang Zon Bebas 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Tidak ada perbahasan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 51* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Pertama, Jadual Kedua dan Jadual Ketiga* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

### AKTA DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) 1985— KUATKUASA TEMPOH

5.46 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon

mencadangkan:

Bahawa Majlis ini membuat resolusi menurut subseksyen (4) seksyen 1 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 supaya Akta itu hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh lima tahun lagi mulai dari 15hb Jun, 1990.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam persidangan Dewan ini dalam bulan April, 1985, Dewan yang mulia telah membahaskan satu Rang Undang-undang iaitu Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) yang merupakan satu Akta bagi membuat peruntukan mengenai tahanan pencegahan terhadap orang-orang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan pengedaran dadah atau yang terlibat dengan pengedaran najis dadah. Usul itu telah menarik perhatian ramai Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa itu dan setelah dibahaskan dengan panjang lebar, ianya telah diluluskan.

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 itu telah dikuatkuasakan mulai 15hb Jun 1985 hanya bagi tempoh 5 tahun, dan tempoh itu akan berakhir pada 14hb Jun 1990 yang akan datang. Akta ini telah memperuntukkan kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk mengeluarkan perintah menahan mana-mana orang yang didapati terlibat dalam menjalankan aktiviti pengedaran dadah bagi sesuatu tempoh yang tidak melebihi 2 tahun. Perintah ini boleh diperbaharui bagi tempoh tidak melebihi 2 tahun pada tiap-tiap kali pembaharuan.

Semenjak Akta ini berkuatkuasa mulai bulan Jun 1985 sehingga 15hb Januari tahun ini, Menteri Dalam Negeri telah mengeluarkan sejumlah 1,259 perintah-perintah tahanan. Orang-orang yang dikenakan perintah tahanan ini ditahan di Pusat-pusat Tahanan sama ada di Muar, Pulau Jerejak atau Batu Gajah. Pemilihan tempat tahanan bagi seseorang itu ditentukan berdasarkan kepada betapa

berat dan seriusnya kegiatan-kegiatan yang telah mereka lakukan. Bagi mereka yang telah melakukan kegiatan mengedar secara besar-besaran, mereka ditahan di Pusat Tahanan Muar, sementara yang lain-lain ditahan di Pusat Tahanan Pulau Jerejak atau di Pusat Tahanan Batu Gajah.

Semasa di dalam tahanan, orang-orang tahanan itu dikehendaki menjalani program-program pemulihan sesuai dengan matlamat Kerajaan untuk memulihkan mereka. Program ini mengandungi aktiviti-aktiviti latihan jasmani dan rohani untuk membimbing mereka supaya dapat mempelajari sesuatu kemahiran sepanjang tempoh mereka berada dalam tahanan. Kemajuan dan keberkesanan aktiviti-aktiviti pemulihan terhadap orang-orang tahanan ini diikuti dari semasa ke semasa bagi menilai sejauh mana mereka ini telah dipulihkan bagi tujuan pembebasan mereka. Jika orang-orang tahanan didapati masih belum pulih selepas mengikuti program-program pemulihan dalam masa perintah tahanan selama 2 tahun, Menteri Dalam Negeri mempunyai kuasa di bawah seksyen 11A Akta ini untuk melanjutkan perintah itu.

Orang-orang tahanan yang telah dipulihkan sepenuhnya adalah dibebaskan sama ada tanpa syarat atau diberi pengawasan dengan mengenakan perintah sekatan mengikut seksyen 6(3) dalam Akta tersebut. Tempoh perintah sekatan tidak melebihi 2 tahun.

Sepanjang tempoh ini, subjek diperintah tinggal di sesuatu kawasan dan berada di dalam pengawasan polis. Mereka dibenarkan seperti biasa bekerja dalam tempoh pengawasan ini tetapi mereka dikenakan beberapa syarat untuk menghadkan gerakan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Akta ini telah berkuatkuasa sejak bulan Mei 1985 dan tindakan-tindakan telah diambil mengikut peruntukan-peruntukan di dalamnya, namun bilangan

kes yang diterima sekarang ini tidak berkurangan. Kegiatan-kegiatan pengedaran dadah berbahaya masih wujud dan dipercayai akan berterusan selagi terdapatnya bekalan dari negara pembekal. Gejala penyalahgunaan najis dadah sudah banyak sangat diperkatakan bukan sahaja di negara kita ini tetapi juga di seluruh dunia. Di dalam media-massa seperti di akhbar-akhbar, radio dan televisyen berita-berita mengenai najis dadah tersiar setiap hari dan ianya tetap akan menjadi berita menarik selagi ancumannya tidak dapat dibanteras. Tidak siapa dapat menafikan kesan buruk yang akan menimpa akibat penyalahgunaan ini. Bukan sahaja kepada seseorang penagih itu bahkan kepada keluarganya, masyarakat dan negara. Malahan jika tidak dikawal sindiket-sindiket yang mengedar dadah ini boleh bermaharajalela dan mengancam negara seperti yang terjadi di sebuah negara asing baru-baru ini.

Saya tidak perlu bercakap panjang lebar mengenai ancaman najis dadah ini, mengenai sindiket-sindiket yang mengedar atau mengenai orang-orang atau kumpulan yang menjadi master mind dan finansiernya. Mereka membawa kesan yang buruk kepada kita semua tanpa mengira agama, keturunan, warna kulit dan fahaman politik. Jika tidak dibendung dan dibanteras maka kita semua akan menjadi mangsa. Pihak polis telah berjaya menumpaskan beberapa sindiket pengedaran dadah. Namun demikian kedudukan negara ini yang berhampiran dengan kawasan pengedaran dadah dan keadaan perbatasan darat dan laut negara ini yang panjang dan luas, telah memberi kesempatan yang baik kepada sindiket-sindiket untuk menjalankan kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah di negara ini. Adalah sukar bagi pihak penguatkuasa untuk menangkap ketua-ketua sindiket dan pengedar-pengedar dadah dengan bukti-bukti pemilikan dadah secara fizikal. Oleh itu tindakan menahan dan menyekat mereka terpaksa diambil di bawah Akta ini dengan tujuan kita dapat me-

ngurangkan kegiatan sindiket dadah dan memutuskan bekalan dari pengedar-pengedar kepada penagih.

Usaha-usaha pencegahan oleh Kerajaan ini perlu diteruskan lagi. Oleh itu tempoh kuatkuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 ini perlu diperlanjutkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Kesihatan (Tuan Ng Cheng Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk di bahas. Kuala Nerus.

*5.54 ptg.*

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama membahar Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1985 langkah-langkah pencegahan dadah berbahaya telah diusahakan oleh pihak Kerajaan dengan bermacam-macam cara dan usaha untuk menghapuskan ataupun membasmikan dadah dalam negara ini. Sejak tahun 1985 kalau . . .

**Tuan Zubir bin Embong: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun.

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya hendak minta penjelasan. Sebab Yang Berhormat dari Kuala Nerus dia kata dia membahaskan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) sedangkan yang dibuat oleh Timbalan Menteri kalau tidak silap saya mengikut agenda Mesyuarat ialah membahaskan resolusi untuk melanjutkan tempoh. Yang mana satu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bahas bahagian mana itu? Sedang bahas Rang Undang-undangkah ataupun Usul?

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Saya bahas usul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila teruskan.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Sebagaimana langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan bahawa untuk mencegah ataupun menghapuskan tentang dadah berbahaya ataupun penyalahgunaan dadah dalam negara ini dengan usaha-usaha yang rapi hingga kepada peringkat kita telah mengadakan hukuman-hukuman mati kepada mereka yang telah didapati bersalah tetapi sebagaimana apa Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi hingga di hari ini tidak pula begitu dapat menghapuskan dengan secara memuaskan hati ataupun keadaan perjalanan dadah berbahaya dalam negara kita masih lagi berterusan, tidak juga dapat dilaksanakan dengan sebaiknya, ertinya tidaklah berjaya dengan sepenuh-penuhnya. Tentu sekali ada sesuatu langkah-langkah lain yang dapat diambil agar negara kita ini tidak menjadi sebuah negara terkenal dengan dadah. Kerana sesuatu apa kalau kita usaha dengan bersungguh-sungguh tidak juga berjaya menunjukkan usaha-usaha itu belum lagi kena pada tempatnya kerana dalam sesuatu apa apabila kena pada tempat ataupun kena cara usaha dengan bersungguh-sungguh, ianya akan berjaya. Kalau kita berpandu kepada pesanan atau Sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud: "Siapa yang bersungguh, dapat".

Langkah-langkah yang tidak kena ada pada kita. Pertama sekali kejujuran pegawai-pegawai yang berkenaan yang menjalankan usaha-usahanya untuk menghapuskan dadah. Pertama sekali bagi pihak Kerajaan mestilah mempastikan orang-orang yang bertanggungjawab untuk menghapuskan dadah

mestilah orang-orang yang betul-betul beramanah dan orang yang ada latar belakang agama, bertakwa kepada Allah s.w.t.

Kalau semata-mata kita mengharap-kan kepada kebijaksanaan mereka sahaja, mereka tidak akan menumpu sepenuh-penuhnya dengan amanah melainkan mereka ada merasai amanah, takwa dan tanggungjawab dengan Allah s.w.t. Kalau setakat dia merasa bertanggungjawab dengan manusia ataupun Kerajaan sahaja, mereka akan melakukan sesuatu yang ianya akan menjadi berasuah pula di dalam perkara hal mengenai dadah ini. Misal kata, terdapat dalam negara kita orang-orang, pegawai-pegawai tinggi di dalam polis ataupun askar, terdapat ataupun terdengar sama ada itu betul ataupun tidak, tetapi ada kita terdengar bahawa ada di antara mereka terlibat dan ada di antaranya pula dalam polis ataupun askar berlaku mereka itu di dalamnya sendiri jadi penagih-penagih dadah.

Sepatutnya tidak akan boleh berlaku sebab, misal kata, kakitangan keselamatan adalah orang yang diberi amanah oleh rakyat dengan sepenuh-penuhnya, tempat letak kepercayaan, begitu juga askar-askar. Kalau mereka sendiri terlibat dengan kes ini jadi penagih ataupun pengedar, di manakah tempat kita hendak mempertahankan? Kepada siapakah kita hendak amanahkan lagi kalau mereka ini sendiri boleh terlibat dan ini pula memalukan kita. Maka satu di antara jalan-jalannya sebagaimana apa yang saya sebut tadi ialah unsur-unsur agama mesti diberi kepada mereka.

Kalaulah mereka misalannya tidak beragama Islam sekalipun, beri kepada mereka pengajaran-pengajaran Kristian, seperti orang-orang China dan orang-orang India, misalannya yang beragama Hindu, yang ada berkhidmat di dalam Pasukan Keselamatan. Mereka tidak mahu misalannya dengan pengajaran-pengajaran Islam boleh diberi dengan pengajaran-pengajaran Kristian, kerana

dalam Kristian pun tidak ingin ataupun tidak menggalakkan perkara-perkara seperti dadah dan sebagainya. Pokoknya kembali atau rujukannya kepada sandaran agama sama ada mereka orang Islam, kembali kepada Islamlah dan orang-orang Kristian kembali kepada Kristian, kerana dalam Kristian sendiri dalam kitab Injil begitu juga Taurat bahawa dilarang perkara-perkara seperti ini seperti dadah dan sebagainya.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang kita dalam negara ini iaitu undang-undang hukuman mati kepada mereka yang terlibat membawa dadah beberapa gram yang tertentu, 15 gram atau sebagainya kalau tidak silap saya, dijatuhkan hukuman mati. Jadi memberi erti bahawa kita hari ini sejak daripada tahun 1985 sudah banyak negara kita telah meragut nyawa orang. Walaupun perkara ini kita merasa puas hati, Perdana Menteri puas hati sebagai Menteri Dalam Negeri, Timbalan Menteri Dalam Negeri pun puas hati, tetapi perkara ini adalah perkara yang akan bertanggungjawab besar di hari akhirat akan datang. Ini tidak boleh main-main. Walau macam mana sekalipun dalam mata dunia betul kita merasa megah kerana kitalah satu-satu negara yang sungguh serius dalam perkara mengatasi dadah ini hingga sampai ke peringkat kepada hukuman mati kepada mereka yang terlibat membawa dadah misalan lebih daripada 15gm ataupun sebagainya.

Negara-negara lain pun puji, kita pun rasa megah dengan dipuji oleh negara-negara lain itu, tetapi kita merasa kenapakah negara-negara lain yang puji, tetapi mereka tidak buat sebagaimana kita. Kita kena fikir juga kenapa mereka tidak buat, hanya mereka puji kita sahaja, tetapi dia tidak buat. Ini satu daripada kalau cakap kampung kata dia 'cong' kita, dia ampu kita, tetapi dia tidak buat. Maka kita kena tanya kenapa dia tidak buat? Barangkali setakat ini tidak mencukupi bagi kita, kita tanya agama pula, agama kata apa dalam bab ini?

Sudah semestinya dalam perkara kita mengambil nyawa orang ini, kita bertanggungjawab bab adil. Sebab begini, Tuan Yang di-Pertua, mereka yang membawa 15 gram yang dapat ditangkap itu, bukan mereka sendiri yang ambil daripada tempat yang tertentu, mereka sudah berapa tangan.

Misal kata, kalaulah dadah itu diambilnya daripada Thailand, daripada Thailand tadi dibawa ke Bangkok sampai ke Golok, siapa orangnya, satu di situ, daripada Golok sampai ke Rantau Panjang barangkali tangan lain pula, daripada Rantau Panjang pula sampai misalnya ke Kota Bharu, tangan lain pula. Daripada Kota Bharu sampai ke Besut, maka di situ dapat tangkap oleh kerana pergerakan dadah itu datangnya sudah daripada beberapa tangan sampai kepada si polan yang dapat kita tangkap tadi. Maka kita bunuh dia, keadilan sudah tidak ada, tanggungjawab nyawa yang kita korbankan mereka itu, maka Menteri Dalam Negeri akan di mahkamahkan di Padang Mahsyar akan datang. Di dunia senang . . . .

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

**Tuan Zubir bin Embong:** Saya hendak minta . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Sila.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat dari Kuala Nerus, yang menyebut soal menjatuhkan hukum mati kepada orang yang mengedar dadah dengan beberapa bilangan gram yang telah ditetapkan dalam undang-undang itu sebagai tidak adil.

Saya sebagai seorang yang sedang mendengar dan juga sedang mengkaji kes ini, saya hendak mintalah kalau boleh

Yang Berhormat dari Kuala Nerus, yang saya tahu memang ada pendidikan agama yang tinggi, kalau boleh memberi satu hujah atau suatu dalil nakli berdasarkan kepada ayat al-Quran atau Hadis yang megatakan bahawa kalau dijatuhkan hukuman bunuh itu adalah satu perkara yang ditegah oleh agama berkaitan dengan kesalahan dadah.

Yang kedua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat iaitu apakah kita tidak ambilkira dengan jumlah 15 gram, heroin yang dibawa situ mungkin boleh membunuh, bukannya 10 orang, bukannya 100 orang, mungkin ribuan manusia yang akan terjejas dengan bilangan 15 gram itu. Apakah kita memandang keadilan ini kalau orang yang mengedar atau kita pandang keadilan ini kepada orang yang kena edar, orang yang terjejas akibat edaran dadah itu, mana yang dahulu yang patut ambil pertimbangan masalah masyarakat? Saya minta kalau boleh Yang Berhormat dari Kuala Nerus memberi supaya kita pun hilang keraguan. Penjelasan yang sebegini penting.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas permintaan penjelasan daripada Yang Berhormat Kuala Terengganu tadi.

Allah s.w.t berfirman dalam al-Quran-ul-karim yang bermaksud: "Jangan sekali-kali kamu bunuh manusia-manusia, orang-orang yang telah diharamkan oleh Allah, iaitu diharamkan oleh Allah membunuh semua orang melainkan dengan sesuatu perkara yang benar-benar ianya boleh bunuh". Jadi tidak ada pula suatu ayat yang diturunkan khas ke atas nama drug ataupun dadah ini. Jadi daripada tafsiran ayat tadi ianya luas ditafsirkan segala-galanya, sesuatu apa yang hendak kita bunuh, habiskan nyawa mereka ialah dengan betul-betul, benar betul-betul, jadi kalau benar betul-betul yang tadi ertinya kita boleh bunuh orang tadi, tetapi syaratnya kita kena bunuh belaka hingga tempat mula dia ambil tadi, berapa orang itu

ertinya kalau 10 orang hendak sampai ke Besut, bawa dadah tadi kalau 10 orang, 10 tangan, jadi 10 orang kalau tidak dapat hendak cari 10 orang, maka tidak bolehlah bunuh dia seorang begitu. Itu makna 'bilhaq' dalam tafsiran.

Yang keduanya dalam segi hukum . . . .

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Nombor dua dia jawab dahulu, nanti di belakang bangun, ya, jawab yang nombor-nombor.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tidak habis lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tidak habis lagi.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Yang keduanya dari segi berbahaya, betul sebagaimana apa akal kata, fikiran kata ertinya dengan dadah 15 gram tadi maka boleh memusnahkan beberapa manusia memusnahkan beberapa manusia itu jika disalahgunakan, tetapi dadah ini, tentang diri dadah itu sendiri bukan semata-mata mudarat, sebab di hospital-hospital pun dalam ubat-ubat pun ada dimasukkan juga dadah itu, tetapi secara pertimbangan yang betul mengikut sukatan-sukatannya barangkali. Jadi ertinya dadah itu bukan ianya merbahaya semata-mata yang kita ambil ini ialah kerana salah-guna. Itu salahguna, maka terhadap salahguna itu tadi apabila seorang memegang dadah belum boleh dihukumkan lagi salahguna itu, sebab boleh jadi dia hendak berjual ke hospital (*Ketawa*) itu dalam segi hukum. Barangkali dia sudah berjanji dengan doktor hendak jual ke mana-mana doktor untuk hendak buat ubat, itu bab salahguna, sama juga pistol, pistol kalau setakat pegang sahaja pistol belum dikatakan salahguna, itu dalam line Islamlah saya sebut ini, dalam garisan-garisan ugama, sebab saya sebagaimana Ahli dari Kuala Terengganu kata tadi tahu sedikit-sedikit, jadi saya hendak cakap tahu sedikit-sedikit, ini kewajipan saya, saya kena sebut.

Sebab semua dalam Dewan ini akan balik.

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuala Terengganu bangun pula.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tidak habis lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak habis lagi.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Jadi macam kata pistol, pistol tadi kalau dalam Islam setakat pegang pistol sahaja, tidak boleh lagi hendak kita hukum gantung dia, tetapi hukum gantung apabila dia tembak orang apa, bila melakukan. Jadi, pegang itu sahaja tidak boleh lagi hendak ambil tindakan apa-apa, itu dalam Islam, begitu caranya.

Begitu juga seseorang pegang dadah atau membawanya sahaja tidak boleh hendak hukum mati, tidak boleh. Boleh dihukum seberat-beratnya jel sampai mati, boleh, tetapi hukum gantung tidak boleh. Itu sahaja. Dalam segi ini saya memberi pandangan ini bahawa sebagai pandangan lain agama yang bahawa kita bersama-sama dalam Dewan ini esok, ini perkara tidak boleh tidak bahawa apabila dalam Mahkamah rabul-Jalil esok, Timbalan Menteri Dalam Negeri esok barangkali panggil . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tentang itu jangan sebutlah.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** . . . .panggil juga . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tentang itu biarlah, jangan sebut tentang itu. Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun tadi, dia hendak tanya.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Sila.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun merasa bimbanglah sekali gus bila mendengar hujah Yang

Berhormat dari Kuala Nerus, sebab beliau seorang yang dalam pendapat agama, tetapi hujah saya secara logik biasa di manakah penentuan yang dapat kita katakan bahawa seseorang pesalah itu betul-betul memiliki dadah kecuali setelah kita menyerahkan kepada suatu penghakiman yang dibuat melalui pendakwaan dan ditampilkan pembelaan dan setelah diputuskan oleh Makamah dia sabit bersalah, maka terbuhtilah salah dan salah ini juga adalah akan membawa kesan-kesan yang buruk kepada pendedaran. Soal kata doktor hendak beli itu, saya rasa tidak berbangkitlah. Kalau ada doktor hendak beli, terpaksa nampaknya kena bentang pindaan Akta lainlah, tangkap doktor hendak beli dadah ini.

Satu. Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, soal bagaimana Islam itu hendak mengetahui niat; kita tidak mampu untuk mengetahui niat. Sebagai contoh disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Nerus, kalau seseorang memiliki pistol, bila tertangkap, bukti dibicarakan di Mahkamah dengan pendakwaan, pembelaan dan sebagainya sabit kes, maka kalau undang-undang mengatakan bunuh, kena bunuh. Tetapi yang dipersoalkan niat. Mana kita tahu bila dia bawa pistol, tarikh mana dia hendak tembak, baru jatuh hukum bunuh, tidak boleh. Jadi, saya minta penjelasan bagaimana hendak yakinkan, khususnya saya sendiri untuk mengatasi perkara ini dan apakah Yang Berhormat dari Kuala Nerus tidak yakin kepada pengadilan-pengadilan yang dibuat oleh Mahkamah kita setelah melalui proses-proses yang begitu teliti mengikut kemampuan kita manusia biasa di atas keputusan yang dibuat oleh Mahkamah? Terima kasih.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat Menteri sila kemukakan usul tadi.

## USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN  
URUSAN YANG DIBEBAHKAN  
DARIPADA PERATURAN  
MESYUARAT DAN  
PENANGGUHAN**

**Menteri Kerjaraya (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua sekali urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan, dan sebaik sahaja selepas itu, Dewan hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed)** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang berhormat, Usul yang berbunyi, iaitu mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Mesyuarat Kerajaan dalam Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan, dan sebaik sahaja lepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan, hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua sekali urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan, dan sebaik sahaja selepas itu, Dewan hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

## USUL

**AKTA DADAH BERBAHAYA  
(LANGKAH-LANGKAH  
PENCEGAHAN KHAS)1985**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kuala Nerus, sila jawab,

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap Yang Berhormat.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Hendak beri penjelasan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah, nanti dahulu, tidak jawab lagi, tidak habis lagi. Yang Berhormat ada berhak menjawab.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebut dan penjelasan yang diminta oleh Yang Berhormat dari Tanah Merah tadi, saya ucap terima kasih kerana penjelasan-penjelasan sebagaimana apa yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah dan juga dari Kuala Terengganu adalah suatu yang patut ditanya kerana perkara-perkara ini, penjelasan-penjelasan patut diberi kerana ada kekeliruan kalau sekiranya tidak diberi penjelasan. Dalam perkara niat, yang sebenarnya tidak bergantung kepada niat tadi, sebab saya sendiri tidak pula sebut fasal niat ini, cuma dalam kaedah hukum atau dalam Undang-undang Islam bahawa sesuatu perkara yang ianya berfaedah itu boleh digunakan kepada bermacam-macam perkara, maka ianya apabila sesuatu digunakan kepada salah tempat, barulah boleh dikenakan hukuman. Jadi, masalah pistol tadi, jadi kalau mengikut keadaan apa yang ada sekarang, mereka yang memegang pistol tanpa lesen barangkali hukumnya berat sebagaimana yang ada dalam Undang-undang kita, tetapi dalam Undang-undang Islam, sekadar memegang sahaja, walaupun perkara itu boleh membahayakan, mematikan, sama juga orang pegang api. Api itu kalau dia salah cucuh, boleh lebih daripada pistol lagi. Pistol kalau tembak orang satu das,



satu peluru besar kelingking, sebiji peluru boleh mati seorang, tetapi api sebesar kelingking boleh bakar se-Kuala Lumpur.

Kalau hendak kira salahguna, maka sebab itulah kalau kita pandang dalam Undang-undang Islam, ia menyalahkan kepada salahguna itu, ia tidak pandang kepada apa benda itu. Jadi kalau kita lari daripada line ini, kita mengamalkan di atas benda yang kita pandang tadi, misal kata orang pegang api. Pegang api, sekadar pegang api sahaja kita hendak denda dia, tidak boleh. Begitu juga sekadar pegang pistol, hendak denda dia, tidak boleh. Kalau mengikut dalam Islam, denda boleh, tetapi denda-denda yang berpatutan, hendak hukum mati tidak boleh. Pegang dadah boleh, denda, tetapi hukum mati tidak boleh. Itu sahaja. Ini apa yang saya hendak sebutkan.

Jadi, hari ini kata orang salah bawa dadah, jadi kita kata dia salahguna dadah, kita charge dia salahguna dadah, padahal dia baru bawa. Jadi saya hendak mencadangkan bahawa undang-undang ataupun yang telah kita jalankan sejak selama kita hukum mati secara terus-menerus ini dipertimbang dipinda kepada hukuman jel sampai mati. Serupa juga, mati juga dia pun. Jadi, apakah faedahnya kita hendak ambil darah dia secara 'ek' ataupun bergaya sedangkan mati serupa juga. Duduk dalam jel sampai mati akan mati juga. Serupalah juga, lebih ringan bagi kita semua daripada kita dengar, masuk suratkhbar, radio, TV, dunia tahu, mereka telah digantung. Kita pun rasa megah. Jadi rasa saya, ubah itu sahaja.

**Tuan Zubir bin Embong:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun pula.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Sila.

**Tuan Zubir bin Embong:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kuala Nerus. Saya hendak tanya lagi, fasal makin

banyak dia terangkan, makin banyak terkeliru-saya sendirilah. Saya hendak tanya, yang pertama sekali saya hendak tahu bahawa soal dadah ini pada zaman Nabi tidak ada, yang ada arak sahaja yang disebut. Fasal di masa itu sudah ramai sangat orang minum arak, jadi turunlah ayat al-Quran menerangkan soal arak dan diharamkan arak itu. Diharamkan arak itu ialah kerana ia memabukkan. Hukuman kepada mereka yang minum arak ialah rotan, kalau tidak silap saya 40 kali rotan-kalau tidak betul beritahulah. Jadi, dadah ini merupakan satu perkara baru, fenomena dalam dunia baru, dalam dunia selepas daripada 1000 tahun daripada wafatnya Rasullullah s.a.w.. Jadi, saya hendak tanya, apakah soal dadah ini merupakan "ummul-akhirah" atau "ummul-dunia"

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa dia itu? (*Ketawa*)

**Tuan Zubir bin Embong:** Apakah ini persoalan-persoalan dunia ataupun persoalan-persoalan ukhrawi (akhirat). Itu yang pertama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Faham dah.

**Tuan Zubir bin Embong:** Jadi, kalau ini merupakan persoalan persoalan dunia tentulah ia akan terbuka lebih luas kepada kita, orang-orang yang hidup di zaman ini melihat kegawatan masalah dadah pada masa sekarang. Jadi, usul 'dynamism' di dalam agama itu sendiri membenarkan soal untuk menjatuhkan hukuman kepada mereka yang didapati bukannya menyalahgunakan dadah, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat Kuala Nerus salah sedikit. Saya ingat kalau seorang guna 15 gram dadah ini, saya tidak tahulah berapa ratus, berapa ribu gram yang di bawah masuk ke dalam negara kita. Saya ingat ini bukannya soal menyalahgunakan dadah, soal menyalahgunakan dadah tidak ada pun hukuman bunuh sepanjang yang saya tahu dalam Akta Dadah. Yang Berhormat 'the smart lawyer from Jelutong can confirm this'. (*Ketawa*) Dia geleng, Tuan Yang di-Pertua. "You can confirm it later"

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan kebenaran Yang Berhormat, dengan izin.

**Tuan Zubir bin Embong:** Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya memang hendak sebut “dengan izin” pun. (*Ketawa*) Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat dari Kuala Nerus, soal yang dikenakan hukuman bunuh ialah soal pengedaran, bukan soal penyalahgunaan. Jadi, sebab itu saya bangkitkan, soalan yang pertama tadi, apabila timbul soal salah mengedar ini, boleh membunuh ribuan manusia. Adakah tidak adil kalau kita membunuh seorang yang boleh membinasakan ribuan orang, bukan dia seorang, anak dia pun terkena sama, sebab apabila seseorang itu terkena penyakit dadah, dia rosak, keturunan dia semua kena, bini dia yang tidak berdosa pun kena, dia lebih kurang sama macam “AIDS” juga, habis. Jadi, tidaklah ini dianggap sebagai satu perkara yang patut? Saya ingat kalaulah para Sahabat, para Tabi’i masih hidup sekarang, timbul masalah dadah, jikalau Umar Al-Khatab masih hidup pada masa sekarang, mungkin saya ingat bukan sekadar bunuh, lebih daripada bunuh agaknya, perang akan diisytiharkan terhadap orang-orang yang mengedar dadah ini. Jadi, saya hendak minta penjelasan, sebab kita jangan terlalu “very narrow minded”, dengan izin, jangan terlalu sempit fikiran, sebab agama ini kalau sempit, saya ingat dia tidak ada bersesuaian. Sebab itu “dynamism” yang disebutkan oleh Allahyarham Mohd. Iqbal itu harus diambil pertimbangan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pula hendak memberi pandangan “line” agama itu sempit. Saudara Yang Berhormat dari Kuala Terengganu boleh mengatakan saya sempit, tetapi tidak usah mengatakan huraian agama itu sempit. Sebenarnya, dalam agama ini kalau kita rasa tidak sesuai dengan pendapat kita pun, kita tidak boleh mengatakan ia sempit. Ini agama kata begitu, soal kita hendak terima atau tidak

hendak terima, itu bab lain. Kewajipan saya ialah memberi pandangan apa yang saya tahu.

Dalam perkara ini Saudara Wakil dari Kuala Terengganu mengatakan seolah-olah macam saya ini ingin hal perkara dadah ini supaya lepas percuma sahaja—seolah-olah begitu. Bukan begitu, cuma apa yang saya kata, alihkan daripada hukuman gantung itu kepada hukuman jel sampai mati. Itu bezanya, sedikit sahaja. Kemudian dalam soal perkara, kalaulah Sahabat-sahabat Nabi masih ada, barangkali dia akan bunuh dan sebagainya. Sebenarnya, walaupun Nabi tidak ada, Sahabat pun tidak ada, sebenarnya hukum-hukum Allah yang telah ditinggalkan oleh Nabi s.a.w. sudah cukup, sekalipun mereka tidak ada, seperti dia sudah ada. Allah taala telah berfirman “. . . .” Ayat ini menunjukkan bahawa Allah telah meninggalkan hukum-hukum Allah sudah lengkap. Jadi, ertinya, sama ada Nabi ada atau tidak, itu serupa sahaja.

Oleh yang demikian, kita kembali kepada perkara dadah. Jadi, perkara ini benarlah sebagaimana apa yang Wakil dari Kuala Terengganu kata tadi, kalau umpama kata, dadah boleh membahayakan orang, boleh mematikan orang, macam saya kata tadi, arak begitu juga. Arak ini kalau hendak dikira boleh mematikan juga kalau minum sampai banyak sangat, sampai satu tin, dua tin, saya ingat pun teruk juga kalau salah guna. Tetapi kerana bisa arak itu barangkali kurang bisa daripada dadah, maka sebab itu orang minum arak cuma dia mabuk begitu sahaja. Jika kita gunakan masalah dadah itu kita panggil najis, arak itu kita tidak panggil najis langsung, jadi sudah terbaliklah kepada kita. Kenapa kita tidak buat istilah “najis arak”, sedangkan arak itu memang najis dalam Islam. Dadah hukumnya tidak najis. Dadah ini kalau ditakdirkan dibunuh dalam poket, misal kata, seketul, dia bawa sembahyang, sembahyangnya sah. Tetapi botol arak, masuk dalam poket, bawa sembahyang, tidak sah, fasal itu najis. Itu hukumnya.

Jadi, dalam segi bahaya, semua merbahaya, arak pun bahaya, itu pun bahaya, ini pun bahaya, pistol bahaya, semua bahaya, kalau tidak kena cara gunanya. Itu dia. Maka sebab itu saya rasa ada salahnya atau tidak kena cara pelaksanaan itu, maka sebab itulah kita tidak berjaya daripada tahun 1985, nyawa orang sudah berapa habis, tetapi dadah masih macam itu juga, masih begitu juga, tidak berkurangan sebagaimana apa yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi. Maknanya, masih kita tidak berkurangan, sedangkan orang yang mati sudah ramai kita bunuh, dadah masih begitu juga. Barangkali tidak berkat usaha kita itu. Agak sayalah.

Jadi, kita hendak buat 5 tahun lagi, entah berapa ratus lagi akan mati.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun pula di belakang itu. Hendak beri jalan kepada dia?

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Haji Hassan:** Bangun pula!

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia bangun pula.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya bukanlah hendak berbahas, saya hendak tanya sahaja, sebab saya jahil hendak tanya yang alim. "Bertanya Yang Jahil ini Kepada Yang Alim". Jadi, saya hendak tanya, saya nampak daripada penerangan Yang Berhormat itu, seolah-olah dia memandangkan bahawa sumber undang-undang Islam ini hanya dua sahaja, iaitu al-Quran dan Hadis. Dia tidak pernah pun cuba merujuk kepada 3 lagi sumber yang lain. Kalau tidak ada dalam al-Quran rujuk kepada Hadis, tidak ada dalam Hadis, kata Ulama mesti rujuk kepada Qias, kalau tidak ada pada Qias, rujuk kepada Ijmak-ulamak, ada lagi, Masalah-Musalih pun kena rujuk juga. Jadi, tiga ini tidakkah diambil kira? Saya sebenarnya tidak mahu kalau benda itu dikelirukan. Jadi, tidakkah dikaji dalam tiga ini, soal Qias, soal Ijmak-ulamak,

soal Musalah-musalih, ini patut sama diambilkan sebab hari ini saya nampak jelas daripada apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Nerus, tidak ada dalam al-Quran, tidak ada dalam Hadis, maka sudah tentu dalam 3 ini mesti ada. Sebab itu saya sebut usul "dynamism of Islam", dengan izin, yang disebutkan oleh Ulama Iqbal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, dia sudah duduk.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Dia duduk dah? Tuan Yang di-Pertua, benar, jika sesuatu boleh rujuk kepada Ijmak-ulama, Qias dan sebagainya apabila tidak ada dalam Hadis dan di dalam Al-Quran, tetapi apa yang saya sebut tadi, sebagai alasan atau hujah yang kita dapat ambil, iaitu, sebagai ayat yang telah saya baca tadi, dan dalam Hadis Nabi ada berkata, apa yang telah dicatat oleh Allah hukum yang mengatakan halal, maka halallah, dan kalau sesuatu perkara yang mengatakan haram, haramlah. Tetapi sesuatu apa yang tidak ada sebut apa—halal tidak ada sebut, haram tidak ada sebut, maka hukumnya harus. Apabila hukum harus itu, baharulah kita rujuk kepada ijmak ulama dan sebagainya, apabila hukum telah tetap ada maka tidak bolehlah, maknanya kita hendak kembali lebih daripada ijmak ulama apa yang telah yang ditetapkan dalam Al-Quran dan Hadis.

Jadi, dalam perkara ini sebagaimana apa yang telah ditanya oleh Yang Berhormat tadi iaitu dalam soal dadah ini sama ada perkara keakhiratankah, keduniaankah, ia sebenarnya perkara kaitannya dengan keduniaan dan keakhiratan, ada kaitannya belaka. Jadi, perkara-perkara seumpama ini, walaupun kita merasai pada pendapat kita bahawa apa yang kita buat ini adalah lebih baik daripada yang telah digariskan oleh Allah sendiri, jadi itu terpulung kepada pemikiran kita sendiri. Tetapi bagi mereka yang tahu kenalah menyampaikan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Saya begitu tertarik dengan hujah-hujah Yang Berhormat ini, dan dengan cara beliau menyampaikan hujah-hujah. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat dari Kuala Nerus. Mengikut penterjemahan saya, apa yang telah saya difahamkan daripada ucapan Yang Berhormat dari Kuala Nerus, walaupun beliau mengatakan bahawa Al-Quran dan Hadis itu adalah panduan, tetapi Yang Berhormat juga seolah-olah dalam penjelasannya mengatakan bahawa ijmak ulama dan Qias itupun termasuk juga dalam kita mengdefinisikan matlamat dalam kita melakukan sesuatu. Jadi, adakah Yang Berhormat dalam ulasan tadi kepada Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, secara tidak langsung mengatakan bahawa memang penjelasan Yang Berhormat itu menuju ke arah penggunaan ijmak ulama dan Qias dan juga mungkin musalim masalah?

Yang satu lagi, ialah tidakkah Yang Berhormat bermaksud bahawa Islamic dynamism itu juga digambarkan dalam hujah menekankan yang hukuman sepatutnya dilakukan secara adil, ertinya yang memegang botol arak misalnya tidak sepatutnya dikatakan bahawa mereka itu akan melakukan sesuatu yang tidak baik semata-mata memegang. Dan begitu juga dadah. Adakah Yang Berhormat bertujuan dalam ulasan tadi mengatakan bahawa itu ialah dynamism yang sebenarnya kerana kebanyakan orang kata kalau hukuman itu begitu ketat dapat orang pegang arak terus bunuh ataupun mendapati bahawa orang itu menyimpan dadah terus bunuh? Jadi, adakah Yang Berhormat mengatakan itu dynamism ataupun ulasan Yang Berhormat mengatakan hukum sampai mati itu dynamism dalam Islam? Jadi, itulah . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, sila jawab.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Sebenarnya apa yang saya sebut itu, saya tekankan di atas hukum itu, bukan di atas apa yang kita pegang itu, hukum yang kita laksanakan, hukum terhadap sesuatu tindakan, hukum terhadap seseorang yang memegang itu. Itu dia saya menekankan. Jadi, sebagaimana apa yang saudara tanya tadi, Wakil daripada Simunan tadi, dalam mengenai saya adakah memegang hujah tidak mengambil kira dalam perkara ijmak ulama dan sebagainya, semua kita ambil kira belaka serta ijmak ulama dan sebagainya, tetapi apabila adanya suatu tempat ambilan yang lebih seperti Al-Quran dan Hadis maka ijmak ulama itu dikebejalkankan. Apabila sahaja tidak adanya daripada Al-Quran dan Hadis baharu kita ambil daripada ijmak ulama. Jadi, kita kembali pula kepada matlamat kita tadi iaitu mengenai hukuman-hukuman terhadap penyalahguna dadah ataupun pengedar dan sebagainya.

Saya nampak apa yang telah kita lakukan hari ini iaitu hukuman-hukuman yang telah dikenakan, yang menjadi mangsa, takut-takut terkena kepada orang-orang, peniaga-peniaga kecil sahaja, sedangkan peniaga-peniaga besar tidak dikenakan. Pengedar-pengedar besar yang membawa dadah besar, makna kata berpuluh-puluh kilogram dan sebagainya, mereka itu tidak kena disebabkan mereka bijak, mereka ada duit, mereka boleh sogok ke sana, sogok ke mari, kepintaran mereka dalam segi perniagaan (business) dan sebagainya.

Mereka ini lepas sahaja, yang kena ini ialah orang-orang terdapat 20 gram, terdapat 10 gram dalam poket mereka, yang inilah yang kena hukum gantung. Tetapi kita belum pernah dengar dalam negara kita maknanya yang kena hukum gantung yang membawa masuk dadah, misalan, 5 pikulkah ataupun berapa gunikah, belum pernah dengar itu. Dia sebenarnya yang kecil-kecil ini yang 30

gram, 15 gram, dan 10 gram ini dia ada ibunya - guni-guni itu ada. Misalannya, seramai pengedar dadah ini mereka hanya pergi ambil 15 gram sahaja, tetapi tentu ada yang besar, yang berniaga besar, yang bawa berguni ini dengan kapal atau dengan bot ataupun dengan disorok dalam tong ikan apa semua, ataupun yang besar-besar ini, maka yang ini lepas. Yang dapat ditangkap itulah yang tolong bawa 15 gram atau 10 gram, mereka itu mati. Ini saya kata yang jadi kita tidak adil ini kerana yang besar tidak dapat tangkap. Apabila tidak dapat tangkap yang besar bagaimana yang kecil hendak habis, dia mesti hendak dapat tangkap yang besar dahulu, baharulah habis yang kecil-kecil ini. Begitu juga kalau misal kata, elektrik terbakar, kalau dapat dimatikan ibunya, senang yang lain itu mati semua.

Tetapi kalau dapat kita matikan di mentol ini misalnya, kita dapat perbetulkan ini, tetapi sedangkan yang ibu sana itu tidak mati bagaimana hendak hapus yang kecil-kecil ini. Maka ini saya bimbang, takut, kita menjalankan hukuman mati ini tidak kena, takut kena terzalim, itu dia. Saya tidak hendak kata zalim, takut terzalim. Apa dia terzalim, itulah tadi yang besar tidak dapat, yang kecil dapat, yang itu mati, yang tinggal anak, kita tengok bergelimpangan anak-anak masing-masing, yang mati tetapi yang taukeh besar senyum ketawa sahaja. Ini yang kita bimbangkan. Maka inilah yang menjadikan datangnya tidak adil itu, takut jadi tidak teradil.

Maka inilah saya rasa adalah lebih baik, itupun terpulanglah sebab Kerajaan macam saya ini sebagai Pembangkang barangkali, pendapat saya ini tidakkan boleh dipakai. Tetapi fikirilah sebab walau bagaimanapun sebagai Ahli Dewan apa yang patut saya sampaikan, saya sampaikan. Soal hendak pakai, tidak hendak pakai, itu terserahlah. Habis, lepas tanggungjawab saya. Inilah dia.

Selain daripada itu, agak-agak kita apabila kita luluskan pula pada hari ini hingga sampai 5 tahun lagi agak berapa

lagi nyawa akan terkorban, tetapi kalau sekiranya terkorban itu umpama kata dihukum gantung kepada pengedar-pengedar besar, puas hati juga, takut yang kecil-kecil itu . . . .

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Atas tertib Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua. Saya berpendapat perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Nerus tidak berbangkit kerana perkara yang kita bahaskan hanyalah untuk langkah-langkah pencegahan. Jadi tidak timbul untuk meminda Undang-undang Dadah Berbahaya. Jadi, saya ingat terkeluar daripada perbahasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, terkeluar daripada mauduk langkah-langkah pencegahan khas. Yang Berhormat, bolehkah pendekkan sedikit?

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin itu terkeluar sedikit, tetapi dia masuk pula (*Ketawa*). Sekarang saya hendak masukkan betullah (*Ketawa*) langkah-langkah pencegahannya itu.

Langkah-langkah pencegahannya, satu daripadanya saya mengesyorkan atau suka membuat cadangan supaya pihak Kerajaan memberi tugas kepada semua penghulu-penghulu mukim dalam negara ini untuk bekerjasama, berusaha, nasihat, mengkaji, menyelidik tentang kegiatan-kegiatan anak-anak mukimnya supaya jangan ada di antara anak-anak mukim mereka terlibat dalam perkara-perkara penyalahgunaan dadah ini. Kemudian, kepada penghulu-penghulu ini atau ketua-ketua kampung ini diberi elaun khas yang munasabah, selain daripada gaji ataupun selain daripada elaun kerja penghulu sebagaimana tanggungjawab di hari-hari itu. Ini sebagai satu tugas penghulu dan ketua kampung. Itu satu.

Yang kedua, kepada semua imam-imam masjid, iaitu khatib-khatib hendaklah bagi pihak Kerajaan memberi ataupun membuat pengesyoran kepada semua pejabat-pejabat agama membuat khutbah Jumaat itu menitikberatkan dalam perkara hal dadah ini supaya anak-anak mereka jangan terlibat dengan dadah supaya ibu-bapa mereka mengambil berat kerana ini adalah tanggungjawab mereka kepada Allah, Rasul, pemerintah dan negara, jadi biar titikberat. Jadi, bila sebut 'Itaqullah' itu jangan 'Itaqullah' lembek leher macam yang selalu-selalu itu, biar beri satu penekanan yang bersungguh-sungguh memberi nasihat kepada anak mukim masing-masing mengenai perkara ini. Kemudian, masa itu jangan sekali sahaja. Kadang-kadang sekali datang daripada Pejabat Agama mengenai perkara dadah hanya sekali itu, lepas itu tak ada lagi. Biar mengambil masa, 6 bulan, setahun, biar titikberat betul.

Ketiga, risalah-risalah, iaitu risalah-risalah secara sehelai, dua helai dihantar tiap-tiap rumah diberi oleh penghulu-penghulu supaya ibu-bapa bacakan kepada anak-anak mereka bahaya dadah, hari akhirat akan masuk neraka. Yang ada sekarang ini dalam TV kita tengok 'tali gantung', tali itu nonit, jadi mereka sudah tengok tali gantung cerita koboi pun begitu juga talinya, jadi mereka tak takut itu. Yang kedua, tengok orang-orang yang menghisap dadah itu kadang-kadang suara macam suara, "Aheeee", macam suara anak kucing, kambing bersalin, "Aheeee" (*Ketawa*). Jadi orang menghisap dadah tengok pun ketawa. Jadi dia tak fikir yang dia akan hendak jadi begitu. Penekanan apa yang di TV itu dia kata ini berlakun, dia tak hairan langsung dan dia sendiri pun, penagih-penagih dadah tidak suka tengok TV. Yang tengok TV ialah yang segar-segar ini, yang mabuk-mabuk itu tak ada pula hendak tengok TV pun. Jadi apabila ibunya baca satu-satu risalah, maka didengar oleh anak, maka berkesan sangat.

Selain daripada itu ialah nasihat-nasihat yang berguna macam kita katalah kalau kita orang politik, misal kata, sama ada saya pun bersetuju, walaupun saya daripada Parti Pembangkang, saya bersetuju, makna dalam masa kempen-kempen pilihanraya ataupun kempen-kempen parti kita masukkan bab ini, sama ada daripada pihak UMNO ataupun daripada Semangat 46 atau DAP sendiri dan sebagainya, kita masukkan ini demi kerana negara, parti, parti juga, untuk negara menjadi kewajipan kepada semua orang, tak kira parti.

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun pula, silalah.

**Tuan Hashim bin Safin:** Minta penjelasan. Tadi saya bersetuju benarlah kalau Yang Berhormat dari Kuala Nerus mewakili Semangat 46 kalau bersetuju untuk kempen, sebab kita pihak Kerajaan memang sentiasa membuat soal penerangan anti dadah, najis dadah, soal dari segi untuk memberi keberatan apakah soal najis berbanding dengan arak dan sebagainya, tetapi najis untuk memberi betapa kuatnya, seriusnya kesan dadah. Jadi kita memang mewakili parti Kerajaan mengambil setiap kesempatan di perjumpaan PIBG, di majlis-majlis perasmian. Jadi bilakah Parti Semangat 46 dalam konteks ini untuk menyokong Kerajaan berkempen dan menerangkan bahayanya anti dadah dan menyokong apa yang Kerajaan buat ataupun kawan-kawan baik daripada DAP, Yang Berhormat dari Ipoh atau sebagainya ataupun Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, menerangkan bahaya anti dadah dikempen daripada memakihamun tak tentu fasal—Yang Berhormat dari Pengkalan Chepalah. Yang Berhormat dari Kuala Nerus tak ada, bagus, dia pergi ke tempat saya. Minta penjelasan, bila hendak mula?

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang saya maksudkan tadi ertinya dalam kempen-kempen kita, kita masukkan, tak kira parti mana. Kemudian, apa yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan dalam perkara mem-basmikan dadah, perkara untuk mem-bangunkan negara, tak ada manapun parti Pembangkang yang tak bersetuju, tetapi mereka yang tak bersetuju ialah perkara-perkara yang difikirkan tidak elok. Itu sudah menjadi suatu adat apabila sesuatu teguran itu memang akan diberi teguran, tetapi teguran itu mestilah teguran membina. Maka dalam perkara dadah ini tak ada siapa suka, sama ada Pembangkang ataupun parti Kerajaan, tak ada siapa yang suka, semuanya tak suka.

Apa yang saya maksudkan tadi ertinya di dalam ceramah-ceramah kita, kita masukkan perkara-perkara hal ini. Adapun sebagaimana apa yang saya tahu ialah di dalam ceramah-ceramah, misalannya UMNO Baru dan sebagainya jarang kita terdapat bahawa sebut perkara-perkara ini. Oleh itu, marilah sama-sama kita sebut, sama ada parti mana-mana pun kita sebut perkara ini agar memberi manfaat kepada umum, nasihat kepada orang-orang, rakyat kita supaya menjauhi perkara-perkara dadah ini, kita cuba masukkan.

Adapun apa yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan itu secara khas kepada dadah, tetapi tidak dimasukkan dalam ceramah politik. Yang saya maksudkan kita masukkan dalam ceramah-ceramah politik, itu saya maksudkan.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi, panjanglah saya ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagikah, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tidak ada, sudah habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah habis?

**Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:** Oleh itu, saya sekali lagi ucap ribuan terima kasih.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bolehkah berucap dalam masa Akta nanti, boleh?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Pendek sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pendek sahaja. Jikalau berucap dalam Akta lebih sesuai dengan kerana perkara ini di antara resolusi ini ialah langkah-langkah pencegah sahaja. Jika dalam Akta itu, kesemua tergulung, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Kalau tidak ganggu, pendeklah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, pendek.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pencegah, kemudian hendak dilanjut 5 tahun lagi.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat faham apa yang saya kata itu? Ucapan ini hanya tertumpu kepada langkah-langkah . . .

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Lebih kurang serupa sahabat saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi sebenar dia tidak boleh setelah ditegur di bawah Peraturan Mesyuarat. Nampak dia terkeluar, kemudian dia pemasuk balik. (*Ketawa*) Yang Berhormat jangan terkeluar. Nanti tidak boleh bercakap.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, nanti tegurlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sama petang ini untuk memberi sedikit pandangan dan perhatian kepada Kerajaan mengenai Akta pindaan yang dibentang . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan Akta, yang ini berkenaan dengan dengan resolusi. Itulah saya kata jika hendak beruca, ucaplah dalam Akta. Nanti dahululah. Sekarang kita berucap di atas usul.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya hendak berucap atas usul sama dengan sahabat saya dari Kuala Nerus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bercakap tadi atas Akta.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya boleh tarik balik, saya cakap atas usul. Tuan Yang di-Pertua, saya kira sudah acapkali mengambil peluang dalam Dewan yang mulia ini untuk membahaskan mengenai masalah dadah dan juga langkah-langkah pencegahannya. Saya juga selalu menegur dan memberi berbagai pandangan kepada pihak Kerajaan. Kerajaan sendiri tidak kurang berusaha mengambil langkah-langkah yang positif untuk mencegah bencana najis dadah merbahaya ini dengan meminda Akta-akta dan menambah hukuman-hukuman sehingga sampai ke tahap hukuman bunuh dan merampaskan harta benda mereka yang terlibat. Petang ini sekali lagi Kerajaan membentangkan usul mengenai Dadah Berbahaya (Pindaan) 1990 bagi membolehkan pihak berkuasa megelak kes dadah ini dicabar di mahkamah melalui *habeas corpus* dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bukan membentangkan, (DR. 12/90) itu ialah Akta.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tidak faham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia bersedia untuk Akta . . . .

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya bersedia, kalau silap saya tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Zubir bin Embong:** Dia kena cakap Kelantan baru dia faham.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Sama dengan orang Terengganu, cakap Terengganu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah. Yang Berhormat, jikalau Yang Berhormat menyediakan ucapan untuk Akta, sekejap lagi saya beri Yang Berhormat peluang ucap di bawah Akta itu.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya cuba, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia cuba juga. Cuba, jangan beri silap lah. Silap kedua pula. Yang pertama pun silap.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya pun tidak faham sebab tadi sudah ditegur kepada sahabat saya, tetapi Yang Berhormat jawab dia akan bercakap mengenai usul, maka diberi peluang bercakap sampai habis. Apa yang saya hendak bercakap sama dengan apa yang dicakap . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bukan saya tidak mahu beri Yang Berhormat bercakap . . . .

**Tuan Hashim bin Safin:** Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu masuk sedikit. Dia ini langsung tidak masuk.

**Tuan Zubir bin Embong:** Kuala Nerus.

**Tuan Hashim bin Safin:** Kuala Nerus. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya tidak bercakap lagi macam mana masuk tidak masuk.

**Tuan Hashim bin Safin:** Nampak tadi tidak masuk.



**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, baiklah Yang Berhormat dari Tanah Merah. Teruskan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Kalau saya lari, Tuan Yang di-Pertua, ada hak boleh tegur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah tegur Yang Berhormat. Saya hendak beri Yang Berhormat berucap, saya sudah tegur.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Yang Tuan Yang di-Pertua tegur saya, sudah tarik, saya tidak kata.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ucap tengok.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak mengenyepikan usaha baik pihak yang berkuasa, bahkan saya sanjung tinggi sebagai langkah bijak dan memberi tahniah kepada Kerajaan atas daya usaya yang gigih untuk membanteras gejala-gejala dadah yang sedang menyerang dan melanda negara kita sekarang ini, bahkan membanjiri ke seluruh alam. Tidak betul?

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul. *(Ketawa)*

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan sekali lagi di dalam Dewan ini bahawa tindakan dengan menguatkuasa undang-undang semata-mata tidak akan memberi kesan yang positif dan ia tidak akan dapat menyelesaikan masalah sebagaimana yang kita saksi di hari ini. Kerana penyakit ini adalah penyakit batin dan penyakit rohani manusia. Dulu saya minta Timbalan Menteri Dalam Negeri dan dialah orang yang bertanggungjawab dengan masalah ini supaya mengenalpasti di antara dua golongan yang terlibat iaitu pengedar dan pengguna. Siapakah orang ini dan apa jenis bentuk hidup mereka yang sebenar. Nyatalah bahawa mereka berdua terdiri dari manusia yang rosak akhlak dan runtuh peribadi nya. Mereka tidak beriman, tidak bermoral,

tidak mempunyai nilai-nilai keagamaan yang sebenar. Selain dari mengejar kemewahan, kesukaan dan keselisaan hawa nafsu yang tidak mengenal batas-batas kebenaran.

Tuan Yang di-Pertua, najis dadah ini sudah mula ambil peranan sebagai barang dagangan dunia. Manusia sudah mulai merasa dan mengecap nikmat kekayaan dan kemewahan hidup melalui bencana najis ini. Sedang ianya bukan setakat meracuni tubuh badan masyarakat, bahkan ia lebih parah meracuni rohani dan jiwa manusia itu sendiri. Negara kita sekarang telah dilanda dan dibanjiri oleh berbagai-bagai bencana dan gejala-gejala yang akan merosakkan masyarakat dan generasi-generasi yang akan datang akibat terdedah dan tidak ada kawalan rapi oleh pihak yang berkuasa dalam mengenal sesuatu punca penyakit dan menyediakan ubat-ubat yang serasi dengan penyakit. Kerajaan telah hilang panduan hidup dalam usaha membawa rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama untuk menuju ke sebuah pantai atau pulau yang sebenar-benar berbahagia dan terselamat. Kerajaan telah meletak rakyat Malaysia di tempat yang paling rendah dan hina dan memperalatkan mereka dengan mengumpan dan menyediakan berbagai mata benda dan kesenangan hidup hari ini sehingga rakyat tidak tahu menilai manakah itu kebenaran yang hakiki. Dan ke mana pengkalan yang hendak kita tuju. Rakyat lebih gembira kalau perut kenyang dan hati suka. Begitulah juga sikap Kerajaan, ianya amat berpuas hati bila projek dapat ditabur dan rakyat boleh menikmati. Sedangkan masyarakat hanyut dan rakyat tersesat jauh dalam keadaan gelak ketawa dan suka gembira. Tuan Yang di-Pertua . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apa sangkut dengan dadah *(Ketawa)*. Itu tidak bersangkutan dengan langkah-langkah mencegah dadah.

**Tuan Hashim bin Safin:** Saya pun hendak minta penjelasan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya beri gambaran usaha Kerajaan dalam usaha mencegah dadah, tetapi hakikatnya tidak sampai pada matlamat.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Pengerusi, kalau macam ini membazir masa. Lebih baik kita putus, selesai satu perkara yang dibincangkan, saya nampak boleh dibincangkan dalam Akta nanti. Jadi, sentuhlah kiri, kanan, atas, bawah bolehlah.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua . . .

**Tuan Hashim bin Safin:** Itu pandangan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat. Banyakkah lagi Yang Berhormat?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tidak banyak lagi, pendek. Saya cakap pendek, tetapi susah fasal gangguan banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun ganggu juga sekiranya Yang Berhormat . . . (*Ketawa*)

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Petang kelmarin, Tuan Yang di-Pertua . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi Yang Berhormat tidak bercakap di atas pencegahan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya tidak hendak bercanggah arahan Tuan Yang di-Pertua, tetapi semalam masa Rang Undang-undang dibentang oleh Perdana Menteri, saya sendiri bangun menegur kerana di bawa itu merata-rata, tetapi Tuan Yang di-Pertua, tidak mengganggu dan pihak backbencher tidak berani mengganggu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Tanjung bawa macam itu juga bercakap melewang-lewang.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tetapi bila saya tidak sampak ke mana pun sudah timbul gangguan. Saya cerita saya katakan mencontohi apa yang dibuat oleh Perdana Menteri. Sebab dia sebagai kepimpinan melalui tauladan. Kalau dia keluar, saya keluar, kalau dia masuk, saya masuk. Jadi, saya tidak bercakap, sudah ganggu, patut Tuan Yang di-Pertua larang orang yang tidak berhak mengganggu saya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyelesaikan masalah dadah dan langkah-langkah pencegahannya, saya berharap supaya Kerajaan memandang jauh dan menyediakan langkah-langkah yang paling awal dan mengenalpasti punca-punca penyakit yang dihadapi oleh masyarakat dan berilah rawatan yang serapi-rapinya supaya punca penyakit batin ini dapat ditutup di segenap lubang dan ubat bagi penyakit ini Kerajaan telah sedia ada, bukan akta, bukan enakmen dan bukan pusat-pusat pemulihan yang telah bertaburan wujud dalam negara ini. Tetapi ianya asas pendidikan dan asas pembentukan akhlak dan moral yang unggul yang sesuai dengan sifat fitrah dan sifat semulajadi manusia.

Asas inilah, Tuan Yang di-Pertua, yang dikenali dalam Islam dan ditunjuk oleh Al-Quran dengan nama Iqra' bismi Rabbikallazi khalaq, asas untuk mengenali Hak Pencipta, Hak yang sebenar-benar berkuasa, Hak yang boleh kita tunduk, mesti tunduk dan wajib kita tunduk kepadaNya. Kita boleh bersatu keranaNya, kita boleh berbaik, berpakat keranaNya, kita boleh taat dan patuh kepadaNya, kita boleh selamat dan berbahagia mengikutNya. Untuk ke arah itu, saya menyarankan kepada Kerajaan sebagai langkah awalan bagi mencegah bukan sahaja masalah najis dadah, tetapi seluruh penyakit-penyakit rohani supaya mengambil tindakan dan mengadakan majlis-majlis pembangunan rohani dan pengenalan moral kepada belia-beliau dan beliawanis atau muda-mudi dari semua kaum dan elakkanlah seboleh-boleh dari mendekati amalan-amalan liar dan pengaruh-pengaruh lucah. Khususnya

Kerajaan sendiri jangan menjadi “bapak borek anak rintik atau guru yang kencing berdiri, nanti murid akan kencing berlari”. Dan inilah yang telah berlaku sepanjang zaman di negara kita. Kalau Kerajaan guru judi, guru arak, guru rasuah, guru menyeleweng, guru menipu, guru dadah dan Kerajaan guru segala-galanya, maka bagaimanakah rakyat mahu jadi baik dan sebagainya. “An-nasu ‘ala dini mulukihim—manusia mengikut pimpinan, pemerintah dan Kerajaan”. Kerajaan betul, rakyat betul; Kerajaan sesat, rakyat sesat. Rakyat sebagai anak, akan mengikut teladan bapanya.

Tuan Yang di-Pertua, saranan saya ini sesuai dengan kehendak dan arahan Perdana Menteri meminta semua lulusan sekolah-sekolah tinggi dan lepasan-lepasan universiti supaya mempertingkatkan nilai-nilai moral dan akhlak dan mengikut etika kerja supaya apabila mereka keluar sekolah nanti, memegang jawatan-jawatan tinggi dan berbagai-bagai jawatan, mereka tidak akan melakukan salahguna kuasa, menyeleweng dan sebagainya dan nilai-nilai murni ini sahajalah yang akan membawa manusia ke arah itu dan akan selesaikan banyak masalah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Ucapan Titah Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menekankan ke arah memupuk nilai-nilai kerohanian hidup manusia. Jadi bagi saya, walaupun saya tidak menentang usaha Kerajaan, tetapi saya rasa tidaklah mencukupi, malahan saya serba salah kalau saya hendak menyebut “Islam” misalnya, sebab hari kelmarin Perdana Menteri menyerang kepada kami orang PAS, mengatakan kami “memperalatkan Islam”. Tetapi sekejap tadi, kita telah mendengar Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus telah memberikan sedikit gambaran untuk kita dapat membezakan antara ruh undang-undang Islam dengan ruh undang-undang yang telah diperjuangkan oleh manusia hari ini. Misalnya, kalau saya misalkan balik, Islam tidak boleh membunuh orang yang memegang senjata.....

**Hashim bin Safin:** Tak terkeluar lagikah itu, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terkeluar itu, Yang Berhormat

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya tahu, tetapi saya ulangi apa yang dibangkitkan oleh sahabat saya tadi. Jadi, bagaimana Yang Berhormat itu boleh bercakap, saya tak boleh bercakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahulah, saya fahamlah, tetapi bagaimana jikalau orang lain buat silap, kita pun hendak buat silap juga, tak bolehlah begitu.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya tak tahu itu silap, sebab dia boleh bercakap. Kalau Tuan Yang di-Pertua kata silap, tak mengapalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah, dia silap itu, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Kalau silap, saya tarik balik.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak Menteri berkenaan supaya merenung lebih jauh dalam usaha mencegah bencana dadah ini dan saya yakinlah dengan apa yang diterangkan oleh Timbalan Menteri sekejap tadi, beliau secara terbuka mengakui usaha yang lepas ini tidak berjaya dan tidak dapat mengurangkan orang-orang terlibat dengan dadah. Ini terbukti dengan Akta yang telah diluluskan dalam berbagai-bagai pindaan itu, pihak Kerajaan telah gagal dan untuk mengatasinya mestilah kembali kepada pengenalan awal, apakah ubat yang sebenarnya. Bagi saya ialah Islam dan setakat itulah sahaja, saya ucapkan terima kasih. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan

ribuan terima kasih kepada wakil dari Kuala Nerus dan juga Pengkalan Chepa. Sungguhpun kita tidak dapat benar-benar mengurangkan, namun begitu kita berharap dengan undang-undang yang ada dapat kita membendung keadaan, di mana peratusan penagihan menurun dari semasa ke semasa. Kalaulah tiada langkah-langkah yang ketat, tentu sekali peratusan penagihan ini akan menjulang tinggi. Jadi, dengan adanya Akta-akta ini maka dapat kita membendung.

Saya setuju sangat dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus bahawa kejujuran dan keikhlasan dan taat kepada Allah adalah kunci segala kejayaan kita. Penekanan secara rohani adalah sungguh penting dan alami ulamak sangat-sangatlah diperlukan untuk membantu atas peperangan ini. Bukan sahaja mereka yang terlibat dengan dadah tetapi juga mereka yang melaksanakan undang-undang itu sendiri.

Saya tak mahu komen, Tuan Yang di-Pertua, tentang hukuman mati, sebat dan sebagainya, kerana ini hanya merupakan langkah-langkah pencegahan khas yang mana undang-undang ini tidak termasuk dalam pindaan ini. Jadi, bolehlah saranan ini Yang Berhormat bawa dalam hal-hal yang bersangkutan-paut dengan Akta induk itu sendiri. Dan saya juga setuju bahawa penghulu, ketua kampung, tok imam, termasuk Wakil-wakil Rakyat mengenal-pasti kegiatan anak-anak buahnya dengan kegiatan dadah ini.

Bagi saya, selaku Presiden Pemadam, memang tidak ada sempadan politik dalam menjalankan tugas-tugas kita dalam memerangi dadah ini, kerana Yang Berhormat dari Bukit Bintang sendiri adalah Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pemadam Malaysia dan begitu juga salah seorang daripada orang kuat Semangat 46, Dato' Samad, mohon maaf, juga adalah merupakan orang kuat Jawatankuasa Pemadam Kebangsaan. Pandangan

Ahli dari Pengkalan Ceba pula, sukar saya hendak cedok isi kandungan ucapannya. Namun begitu, terima kasih atas saranan dan cadangan Yang Berhormat. Pihak Kementerian akan mengambil perhatian terutama mengenyalpasti, siapakah pengedar dan siapa yang menjadi penagih. Namun begitu, saya perlu ingatkan bahawa tindakan bersama secara practical harus kita lakukan, bukan setakat hendak bercakap sahaja. Kerana kalau kita lihat Pakistan, sebuah negara Islam, penagih yang berdaftar ialah 400,000. Jadi, walaupun kita tahu Pakistan hampir seratus-peratus rakyatnya Islam, tetapi tindakan yang sewajarnya secara kolektif tidak dilakukan bersungguh-sungguh, sehingga penagih berdaftar sehingga hampir-hampir 400,000, tetapi kita mujurlah baru setakat 140,000 sahaja.

Jadi, itulah sahaja yang dapat saya perkatakan, Tuan Yang di-Pertua, dan saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah berikut bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang berbunyi bahawa Majlis ini membuat resolusi menurut subseksyen (4), seksyen 1 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, Akta itu hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh lima tahun lagi mulai dari 15hb Jun, 1990, dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini membuat resolusi menurut subseksyen (4), seksyen 1 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, Akta itu hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh lima tahun lagi mulai dari 15hb Jun, 1990.

**RANG UNDANG-UNDANG  
DADAH BERBAHAYA  
(LANGKAH-LANGKAH  
PENCEGAHAN KHAS) (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*7.10 mlm.*

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi satu resolusi untuk melanjutkan tempoh kuatkuasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan ini. Kali ini saya bangun pula untuk mencadangkan pindaan-pindaan kecil kepada seksyen-seksyen 6(1), 11B dan 6A kepada Akta tersebut.

Di bawah seksyen 6(1) Akta ini, Menteri Dalam Negeri diberikan kuasa untuk mengeluarkan perintah tahanan kepada orang-orang yang berkenaan bagi tempoh yang tidak melebihi 2 tahun dari tarikh-tarikh perintah itu. Borang perintah tahanan yang digunakan sekarang mengenai ruangan tarikh sesuatu perintah itu mula berkuatkuasa dan satu ruangan lagi diperuntukkan tarikh bila Menteri Dalam Negeri menandatangani perintah itu.

Di dalam amalan sekarang, perkiraan tempoh tahanan selama dua tahun itu dikira bermula daripada tarikh kuatkuasa yang dinyatakan dalam perintah tahanan itu dan bukan dari tarikh perintah itu ditandatangani oleh Menteri Dalam Negeri. Cara perkiraan ini tidak menepati undang-undang. Jadi pindaan kepada seksyen 6(1) ini perlu dibuat untuk membolehkan Menteri membuat suatu perintah tahanan mengarahkan seseorang

itu ditahan dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah tahanan iaitu bermula dari tarikh perintah itu berkuatkuasa.

Pindaan kepada seksyen 11B pula ialah untuk menentukan bahawa Menteri Dalam Negeri mempunyai kuasa mengeluarkan perintah tahanan yang baru di bawah seksyen 11B ini. Dengan adanya pindaan ini yang juga disarankan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang maka kuasa Menteri untuk mengeluarkan perintah tahanan yang baru adalah jelas dan tidak boleh dipertikaikan lagi.

Pindaan kepada seksyen 6A ini hanyalah untuk menomborkannya semula sebagai 6A(1) dan menambah seksyen baru sebagai seksyen 6A(2). Seksyen 6A(2) ini ialah untuk mengesahkan semua tahanan di bawah perintah-perintah tahanan baru yang telah dikeluarkan.

Pindaan-pindaan ini di samping mengemaskinikan Akta ini adalah juga selaras dengan hasrat Kerajaan yang telah berkali-kali memberi pengakuan bahawa Akta ini adalah dikuatkuasakan dengan teliti, adil dan saksama. Setiap tindakan yang diambil dan semua keputusan yang dibuat oleh Kerajaan adalah berasaskan kepada fakta-fakta dan siasatan yang rapi. Ini bertentangan dengan pendapat setengah-setengah pihak yang menuduh Kerajaan sengaja mengambil tindakan sewenang-wenangnya yang bertentangan dengan hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan sindiket pengedar-pengedar dadah ini masih lagi menjadi ancaman kepada keselamatan negara kita walaupun usaha-usaha telah dijalankan dengan giat untuk membanterasnya. Kerajaan telah berjaya menggembeling usaha semua pihak di negara ini dan juga di peringkat antarabangsa bagi memerangi ancaman najis dadah ini. Kejayaan usaha-usaha ini sudah banyak kita lihat. Dalam hubungan

ini sudah tentu Kerajaan tidak mahu melihat segala usaha yang sedang rancak dijalankan itu terhalang oleh tindakan setengah-setengah pihak yang menimbulkan kesalahan-kesalahan kecil dari segi teknikal dan dalam prosedur.

Saya percaya bahawa pihak-pihak yang sentiasa menentang dan mencabar tindakan-tindakan Kerajaan ini sememangnya tahu dan sedar betapa merbahayanya ancaman dadah ini dan mereka juga mengetahui orang-orang yang dikenakan perintah tahanan ini sememangnya terlibat. Namun, oleh kerana dorongan kepentingan mereka sendiri, mereka sanggup berusaha mencari helah sehingga ada perintah-perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Menteri menjadi terbatal.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya kita sama-sama melihat perkara ini dalam perspective, dengan izin, yang betul dengan mengakui pada hakikatnya bahawa orang-orang tahanan ini yang telah melakukan satu jenayah dan kerana itu mereka patut dicegah dari meneruskan kegiatan-kegiatan yang memudaratkan, sepatutnya tidak mencari helah dan menimbulkan kesilapan-kesilapan kecil dalam prosedur dan bertindak sehingga mereka dibebaskan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dibuat ini adalah pindaan yang kecil sahaja seperti berikut.

Sub-seksyen (1) seksyen 6 dalam Akta memberikan kuasa kepada Menteri membuat sesuatu perintah tahanan, mengarahkan seseorang ditahan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh perintah itu. Fasal 2 Rang Undang-undang bertujuan meminda sub-seksyen itu dengan memotong perkataan-perkataan "dari tarikh perintah itu" supaya selaras dengan undang-undang lain yang seumpama dengannya.

Fasal 3 bertujuan memasukkan sub-seksyen baru (2) ke dalam seksyen 6A Akta. Subseksyen baru ini memperuntukkan bahawa jika satu perintah tahanan baru atau perintah sekatan baru

dibuat selepas suatu perintah tahanan atau perintah sekatan terdahulu dibatalkan, maka perintah baru itu adalah sah walaupun tiada laporan telah dikemukakan di bawah sub-seksyen (3) seksyen 3 dan sub-seksyen (4) seksyen 5 Akta atau perintah baru itu dibuat berdasarkan alasan yang sama dengan perintah yang terdahulu.

Fasal 4 Rang Undang-undang bertujuan meminda sub-seksyen (2) seksyen 11B Akta untuk menjadikan jelas bahawa perintah baru yang disebut dalam sub-seksyen itu ialah perintah baru di bawah sub-seksyen (1) atau sub-seksyen (3) seksyen 6 Akta dan bahawa arahan baru yang dibuat dalam sub-seksyen itu ialah arahan baru di bawah sub-seksyen (1) seksyen 11A Akta.

Fasal 5(1) bertujuan mengesahkan apa-apa perintah tahanan yang dibuat dan apa-apa penahanan yang dibuat menurut perintah itu selepas mula berkuatkuasanya Akta tetapi sebelum mula berkuatkuasanya pindaan yang dicadangkan ini jika perintah tahanan itu telah berkuatkuasa dari suatu tarikh yang lain dari tarikh perintah itu dibuat atau jika perintah tahanan itu ialah suatu perintah tahanan baru yang dibuat selepas pembatalan suatu perintah tahanan terdahulu.

Fasal 5(2) bertujuan melarang apa-apa tindakan guaman, pendakwaan atau apa-apa prosiding undang-undang lain diambil, dimulakan atau dikekalkan berkenaan apa-apa perintah tahanan atau penahanan yang disahkan di bawah Fasal 5(1). Larangan ini, bagi manapun, tidak terpakai bagi apa-apa prosiding undang-undang jika mahkamah telah memberikan keputusan muktamadnya sebelum mula berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini atau jika ada rayuan berkenaan dengan keputusan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

7.17 m/m.

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan pindaan atas Akta tersebut. Di antara pindaan-pindaan yang dibuat ialah mengetatkan kesahihan perintah tahanan dadah daripada dicabar di mahkamah akibat pertikaian mengenai perbezaan di antara tarikh Menteri menandatangani perintah dan tarikh perintah berkuatkuasa.

Sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi pindaan ini adalah teknik sahaja dan sangat kecil dan tidak akan berpanjang lebar. Walau bagaimana cara teknik pun, kita dapat beberapa teguran mengenainya.

Pada 22hb Disember tahun lepas, Yang Berhormat Timbalan Menteri menafikan bahawa Akta Dadah Berbahaya ini mempunyai kelonggaran ataupun loopholes dan lebih berupa masalah teknik dalam pelaksanaan Akta iaitu Akta perlu dikemaskinikan formatnya. Yang Berhormat juga menyatakan bahawa pindaan ke atas Akta tersebut tidak perlu dibuat. Hanya formatnya perlu diseragamkan supaya tarikh Menteri menanda tangani perintah secukupnya dengan tarikh mereka, yang mana perintah dikeluarkan, mula ditahankan. Jadi Yang Berhormat sendiri berkata tidak perlulah pindaan ke atas Akta ini pada 22hb Disember tahun lepas. Jadi saya pun hairan jugalah timbulkan masalah di hadapan kita sekarang ini. Akan tetapi sekarang Kerajaan pula mencadangkan pindaan dibuat ke atas Akta kerana kelonggaran itu. Jadi dia setujulah, sekarang ini ada kelonggaran,

ada loophole. Adakah ini yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat pada bulan Disember lalu bila beliau mengatakan perlunya format Akta dikemaskinikan?

Kami bukan mempertikaikan keperluan untuk mengetatkan undang-undang seperti Akta tersebut bila kelonggaran timbul dan membenarkan mereka yang disyaki mengedar dadah terlepas daripada tahanan Kerajaan. Pengedar dadah sememangnya patut ditahan dan dihukum di mahkamah bagi kesengsaraan serta kemudaratan masyarakat, khususnya di kalangan pemuda-pemudi kerana kegiatan mereka yang keji itu.

Sehingga sekarang saya pun tidak dapat memberi bantuan yang banyak kepada keluarga dan orang-orang yang terlibat di dalam dadah ini kerana pusat-pusat yang adapun tidak cukup. Yang masuk ke pusat-pusat pemulihan yang keluarpun kebanyakannya kembali ke najis dadah. Itulah hakikat sekarang. Yang kami mempersoalkan sekarang ialah sama ada pindaan undang-undang dibuat semata-mata bagi melindungi ketidak cekapan di dalam penguatkuasaan undang-undang dan bukan kerana kecacatan kepada perundangan. Jika pindaan dibuat untuk melindungi ketidak cekapan di dalam penguatkuasaan undang-undang, maka betapa ketat sekalipun sesuatu undang-undang itu tidak berguna.

Memang tidak dinafikan bahawa negara kita Malaysia menonjol sekali di rantau ASEAN bagi pelbagai bentuk perundangannya yang dirangka khas bagi membanteras aktiviti pengedaran serta ketagihan dadah. Di samping mengenakan hukuman yang berat terhadap sesiapa yang didapati terlibat dalam aktiviti-aktiviti maut ini, sesungguhnya pun begitu mengikut statistik yang diumumkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri pada awal bulan November tahun lepas bagi sembilan bulan pertama tahun tersebut, jumlah besar dadah termasuk ganja, candu mentah, heroin, pil-pil sikotropik

yang berjaya dirampas telah meningkat dua kali ganda berbanding dengan tempoh masa yang sama, tahun yang lalu iaitu tahun 1988.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan di sini bahawa rampasan ini bertambah, mungkin kerana penguatkuasaan yang lebih efektif ataupun kerana lebih banyak dadah diseludup masuk ke negara atau kedua-duanya. Walau bagaimanapun, sebanyak 643.2 kilogram candu mentah dirampas dalam sembilan badan pertama tahun 1989 berbanding dengan 221.2 kilogram pada tahun 1988. Bagi candu yang telah diproseskan daripada 3.9 kilogram dalam tahun 1988 kepada 8.1 kilogram, heroin daripada 306.9 kilogram kepada 281.1 kilogram, ganja 1,129 kilogram kepada 1,553.2 kilogram dan pil-pil sikotrapik daripada 12,857 biji kepada 145,730 biji.

Tuan Yang di-Pertua, angka-angka seperti ini adalah sangat membimbangkan dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjelaskan langkah-langkah yang dapat diambil ke atas perkara yang dibimbangkan ini. Menurut Pasukan Petugas Anti Dadah, statistik-statistik ini menunjukkan bahawa masalah ketagihan dadah di Malaysia masih sangat tinggi dan membimbangkan dan usaha-usaha penguatkuasaan serta pencegahan perlu dipertingkatkan. Sebentar tadi saya dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa di negara ini hanya terdapat 140,000 penagih sahaja kalau darab lima kali, itu hampir setengah juta dan di Pakistan misalnya, ada 400,000. Kalau kita kira dari segi kependudukan di Malaysia 17 juta, di Pakistan hampir 100 juta, lebih enam kali ganda kependudukan Malaysia. Kalau begitu, kalau kita gunakan kadar bilangan penagih di negara ini mungkin di Pakistan hendaklah sampai ke 800,000. Ini kita kira dari segi bilangan penduduk.

Walaupun bagaimanapun, kami berharap Kerajaan tidak meminda sahaja Undang-undang Pencegahan Dadah semata-mata

bagi melindungi ketidak cekapan pentadbiran serta penguatkuasaan. Sekiranya masalah utama ialah dalam pentadbiran dan penguatkuasaan, maka Kerajaan harus mengenalpastikan di mana letaknya kelemahan-kelemahan itu dan bukan mencari jalan keluar yang senang iaitu menerusi pindaan ke atas undang-undang sahaja. Kerajaan harus sedar dan faham bahawa undang-undang itu bukan sembarangan permainan Kerajaan yang boleh dipinda sesuka hati mereka. Negara kita ialah negara yang mematuhi pemerintahan mengikut undang-undang, undang-undang lain termasuk Perlembagaan negara sering kali dicemari oleh pihak eksekutif untuk sama ada melindungi kepentingan politik atau ketidak cekapannya. Berbanyak-banyak pindaan yang dilakukan ke atas berbagai-bagai bentuk Akta memberi gambaran bahawa Akta-akta tersebut itu seakan- akan cacat, walhal masalah utama ialah dalam pentadbiran serta penguatkuasaan undang-undang tersebut.

Sikap Kerajaan leka menyalahkan kegagalan serta ketidak cekapannya ke atas kelonggaran dalam undang-undang amat dikesali dan mesti diubah supaya undang-undang negara khususnya Perlembagaan Persekutuan dihormati bagi kekukuhannya untuk mengadili kes-kes yang dibawa ke mahkamah dengan adil dan saksama dan bukan sebagai alat permainan Kerajaan Barisan Nasional dengan pindaan di sini dan di sana kerana hendak mengekalkan kekuasaan serta melindungi kepentingan politik mereka semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah penguatkuasaan dapat dipertingkatkan untuk kes-kes dadah, kerana saya sekali lagi tidak mahulah kes ini menjadi lebih serius kerana di negara ini walaupun ada undang-undang yang begitu ketat, walaupun ada hukuman yang begitu serius tetapi masalah dadah belum dapat diselesaikan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuala Terengganu.



7.28 mlm.

**Tuan Zubir Embong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasihlah kerana memberi peluang untuk membahaskan . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjangkah atau tidak atau pendek sahaja?

**Tuan Zubir bin Embong:** Pendek sahaja, dalam setengah jam lebih kurang. (Ketawa) Pendek sahaja. Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua minta pendek, saya pendekkanlah. Saya prepare ini, sebab saya takut DAP attack kuat sangat. Jadi nampaknya, DAP very slow . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia senyum sahaja.

**Tuan Zubir bin Embong:** Ya, dia senyum sahaja, jadi saya pun tidak mahu bercakap banyaklah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pendekkanlah.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana mengambil langkah yang praktikal untuk meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 kerana keadaan yang gawat pada masa sekarang. Saya mendapat faham bahawa pindaan ini dibuat berdasarkan kepada beberapa kes yang telah diputuskan oleh mahkamah yang hanya di atas kesilapan teknikal semata-mata. Jadi adalah wajar kalau undang-undang ini dipinda bagi membetulkan keadaan, kerana mahkamah memang dia tidak mengambil kira sama ada ianya satu perkara yang praktikal ataupun tidak. Ianya memutuskan sebagaimana undang-undang itu ditulis dan undang-undang itu dibuat bukannya difahamkan bahawa ianya boleh mencegah sebagaimana yang diharapkan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, sebagaimana yang disebut oleh mendiang Martin Luther King yang berkata, "law does not change the heart, it just restrains the heartless".

Tuan Yang di-Pertua, saya kira isu pertama yang akan timbul daripada pindaan ini ialah berkenaan soal teknikaliti, kerana ada beberapa kes yang telah diputuskan oleh mahkamah, apabila sahaja kesilapan teknikal berlaku, maka dengan mudah sahaja orang yang ditahan untuk maksud pencegahan itu dilepaskan.

Antara kes yang terbaru ialah Koh Yoke Koon melawan Minister for Home Affairs yang dilaporkan dalam *Malayan Law Journal* 1988, Jilid Pertama, mukasurat 45. Dalam kes Koh Yoke Koon ialah seorang kongsi gelap. Mengikut hasil daripada penyiasatan polis, Koh Yoke Koon ini telah bertanggungjawab menyebabkan kematian 3 orang lelaki Cina di Muar. Dia juga bertanggungjawab memukul dan menyebabkan luka parah seorang pemuda Cina yang enggan menyertai kumpulan kongsi gelap Kok Yok Koon ini. Kok Yok Koon telah ditahan di bawah Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah. Setelah tamat tempoh dalam perintah tahanan yang telah dibuat oleh Majistret di bawah Seksyen 117, Koh telah dilepaskan, tetapi kemudiannya dia ditangkap semula dan ditahan untuk selama tempoh 2 tahun berikutan satu perintah yang telah ditandatangani oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di bawah Seksyen 4 Emergency Ordinance. Kes ini telah dibawa ke mahkamah dengan cara writ of *habeas corpus*. Kalau kita lihat bahawa Koh Yoke Koon ini telah dibebaskan oleh kerana keputusan mahkamah berdasarkan kepada kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan iaitu Andrew son of Thamboosamy v. Superintendent of Pudu Prison di mana di dalam kes itu mahkamah telah berpendapat, saya minta izin, untuk memetik dalam bahasa asalnya:

"...and that if the Government exercises a power conferred on it by Parliament and keeps within the law, then the duty of the court is quite clear; the court should simply apply the law, no matter how harsh it may be on the

immigrant, His remedy is then not judicial but political administrative.”

Tetapi oleh kerana ianya ditahan di bawah Seksyen 4 dan acara penahanan di bawah Seksyen 4 itu telah tidak dipatuhi oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, maka penahanan itu telah dianggap sebagai “is not within the law”. Dengan sebab itu Koh Yoke Koon, walaupun seorang gangster, ia telah dapat dilepas dan dibebaskan oleh mahkamah. Oleh itu logiklah kalau dalam Akta itu soal-soal teknik itu diketepikan.

Isu yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah sama ada keputusan yang dibuat oleh badan Eksekutif ini dapat dipersoalkan di mahkamah atau tidak.

Pindaan ini nampaknya mencadangkan supaya keputusan yang dibuat oleh Badan Eksekutif tidak boleh dipersoalkan di mahkamah. Walaupun peruntukan itu telah jelas, soal penggunaan kuasa budi bicara adalah merupakan satu kemestian dan ianya memang tidak dapat dielakkan. Penggunaan kuasa budi bicara adalah juga untuk menggerakkan jentera pentadbiran negara yang boleh memberi kepentingan kepada orang ramai. Bertolak daripada prinsip ini seperti “judicial review, reasonable expectation, subjective test, objective test, concept of reasonableness, rules of natural justice” dan sebagainya telah mempamerkan bagaimana kuasa budi bicara badan Eksekutif tidak begitu berkesan apabila ianya digunakan kerana ianya dianggap sebagai kuasa sewenang-wenangnya hinggalah keputusan-keputusan yang ada ini kadangkala dipolitikkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab.

Ada beberapa kes, Tuan Yang di-Pertua, yang mempamerkan keputusan mahkamah yang kelihatan bahawa apa yang dibuat oleh badan Eksekutif itu dianggap sebagai keputusan sewenang-wenangnya. Tetapi di kalangan mahkamah pula menunjukkan bahawa ada pendapat yang berbeza di kalangan mereka seperti yang disebut oleh

mendiang Hakim Besar Ong Hock Thai dalam kes Karam Singh melawan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Mahkamah berkata dan saya minta izin untuk memetik dalam bahasa asalnya: “That in the interest of national safety personal inconvenience in individual cases must give way, is explicitly recognised by the framers of the Constitution in Part 11, Article 149-151. “Pendapat yang seperti ini adalah wajar dan ianya disokong oleh mahkamah di dalam kes RE P.E. Long @ Jimmy & Others dalam tahun 1976—2MLJ, mukasurat 133:

“It is, therefore, clear that securing public order covers suppression of crimes which endanger the safety of the people and cause harm to society. It must also be remembered that although the Emergency (P.O.P.C.) Ordinance, 1969 was passed to come into force immediately during the riots of 1969 Parliament which has been in session after that has deemed fit not to repeal it, thereby endorsing the proposition that the powers given under the Emergency Ordinance were still necessary for securing public order in this country. Detention of persons found to be trafficking in drugs is therefore well within the scope of the Ordinance as it is a notorious fact that the trafficking in drugs causes serious harm and destroys the body politic not only nationally but also internationally.”

Saya kira apabila pihak badan Eksekutif mahukan supaya mahkamah tidak boleh mempersoalkan ataupun tindakan badan Eksekutif tidak boleh dipersoalkan di mahkamah ini, ialah berdasarkan kepada facts of experience dan juga the reality of facts yang ada di negara kita sekarang. Sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa penagih dadah sekarang ini ialah lebih kurang 100,000 dan mereka ini merupakan mangsa kepada orang-orang yang menanggung di air keruh iaitu pengedar-pengedar dadah yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir sekali oleh kerana saya tengok pada masa, saya terpaksa kena potong banyak perkara kerana sebab kalau saya hendak kemukakan semua itu mungkin ia memakan masa setengah jam. Tuan Yang di-Pertua, isu yang ketiga ialah apakah pindaan ini wajar kalau ianya berkuatkuasa kebelakangan iaitu with retrospective effect. Perlembagaan Persekutuan dalam Article 7 ada menyebut, saya baca Article 7, sebab saya tengok seorang DAP masuk saya kena baca betul-betul, kalau tidak, dia akan politicise the matter. Article 7 berbunyi:

**“7. Protection against respective criminal laws and repeated trials.**

(1) No person shall be punished for an act or omission which was not punishable by law when it was done or made, and no person shall suffer greater punishment for an offence than was prescribed by law at the time it was committed.”

Melihat kepada peruntukan Perkara 7 ini telah jelas menunjukkan bahawa pindaan yang ada di hadapan kita ini tidak menyentuh soal ‘substantive criminal law’, dengan izin. Apa yang disentuh oleh Rang Undang-undang (Pindaan) yang ada di hadapan kita ialah berkenaan dengan prosedur.

Di dalam satu kes iaitu Loh Kooi Choon melawan Government of Malaysia dalam tahun 1977—IMLJ—mukasurat 187. Dalam kes ini Loh Kooi Choon telah ditangkap dan ditahan dengan warrant of arrest di bawah peruntukan Restricted Residence Enactment. Loh Kooi Choon telah tidak dibawa di hadapan majistret dalam tempoh 24 jam sebagaimana yang dikehendaki oleh peruntukan Article 5(4). Dia telah menuntut gantirugi dan diputuskan oleh Mahkamah Tinggi bahawa tidak ada tindakan yang boleh dibawa di hadapan pegawai yang menjalankan tugas dengan waran yang ada padanya.

Loh Kooi Choon telah membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan, tetapi sebelum daripada rayuan itu didengar oleh Mahkamah Persekutuan, satu Akta iaitu Akta 354/76 telah dibawa ke Parlimen membuat pindaan terhadap peruntukan Artikel 5(4) yang berbunyi:

“Provided that this clause shall not apply to the arrest or detention of any persons under the existing law relating to the Restricted Residence and all the provisions of this clause shall be deemed to have been an integral part of this Article as from Merdeka Day.”

Merdeka Day ditakrifkan di bawah Perlembagaan ialah seperti 31 Ogos, 1957. Maknanya walaupun pindaan ini dibuat dalam tahun 1976 tetapi ia berkuatkuasa daripada tarikh kita mencapai kemerdekaan. Mahkamah telah membuat keputusan ini, yang pada pandangan saya, menggambarkan the positivism of law, dengan izin, dan juga jurisprudential creativity. Sikap mahkamah ini telah digambarkan oleh Yang Amat Arif Hakim Azlan Shah di mana beliau berkata, saya minta izin untuk memetik dalam bahasa asalnya:

“In so far as an Act of Parliament is concerned, the rule of construction is that in order to determine whether it is retrospective in its operation, the language of the Act itself must be looked into, bearing in mind that an Act is not to be construed retrospectively unless it is clear that such was the intention of Parliament. If such was the intention that the Act was to be given retrospective effect even in respect of substantive right or pending proceeding, the Courts have no alternative but to give effect to the Act even though the consequences might appear harsh and unjust.”

Berdasarkan kepada keputusan mahkamah ini, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat apa yang telah diperuntukkan dengan begitu jelas oleh pindaan ini memanglah ianya dapat diterima oleh mahkamah.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik kata-kata yang disebut oleh Q.C. Peter Williams yang telah mengarang Buku 'Judicial Misconduct'. Walaupun ini kalau disebut oleh DAP bahawa dia menyentuh soal kebebasan asasi manusia, Peter Williams mengatakan bahawa, 'Liberty lives in the hearts of men and women and not in Courts and Juristic writing'. Dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Arau.

7.42 mlm.

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Saya hendak bercakap 5 minit sahaja Tuan Yang di-Pertua, sebab . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** 5 minit.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ya, 5 minit.

Yang pertama saya sokong Akta ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pindaan ini sekurang-kurangnya dapat membolehkan pihak Kerajaan tempoh masa yang cukup untuk membuat siasatan supaya mereka yang terlibat menerima hukuman yang sewajarnya.

Saya mendapat makluman bahawa lebih daripada 5,000 pengedar dadah yang masih dalam tahanan—ini tolong betulkan, saya tak pasti sebab ini mengikut angka makluman yang diberikan—yang masih belum dibicarakan dan yang telah dibicarakan berbanding dengan lebih daripada 140,000 penagih-penagih dadah. Jadi sewajarnya Malaysia sebagai negara perintis undang-undang ini supaya meneruskannya, oleh kerana sekarang ini kita bukan sahaja mendapat pengiktirafan dunia, malah kita juga dapat sekurang-kurangnya membanteras dadah.

Saya hendak sebut satu di sini, Timbalan Menteri ini adalah Presiden PEMADAM dan sebagai Presiden PEMADAM dia merupakan orang yang bekerja kuat dalam badan sukarela ini

untuk membanteras dadah. Tetapi ada satu perkara yang Dato' sebagai Presiden PEMADAM, walaupun Dato' dapat berusaha untuk mengutip derma dan sebagainya, saya rasa sumbangan Kerajaan amat penting, pengiktirafan setakat \$100,000 tidak mencukupi dan \$100,000 ini cuma untuk PEMADAM Pusat, PEMADAM Negeri hanya menunggu ikhsan daripada Kerajaan Negeri. Contohnya Perlis, saya Pengerusi PEMADAM Perlis, saya cuma mendapat ikhsan \$4,500 daripada Kerajaan Negeri untuk membanteras penagih dadah, yang rasmi 2,000 orang, yang tidak rasmi saya pasti kalau hendak kali dengan empat itulah jawapannya. Lepas itu terpaksa bertungkus-lumus di antara kami untuk mencari tambahan peruntukan dalam usaha kita bersama-sama Kerajaan untuk membanteras dadah.

Pengiktirafan Kerajaan saya ingat \$100,000 tidak mencukupi. Maka saya pohon sesungguhnya, saya sudah cadang tiap-tiap tahun sudah bercakap perkara ini, saya harap tahun ini supaya mendapat satu sumbangan yang khusus diberikan kepada badan sukarela ini, yang telah sama-sama berganding bahu dengan Kerajaan untuk membanteras dadah.

Saya kadang-kadang puji Arqam tetapi saya hendak beritahu dalam Pertubuhan Arqam tidak ada seorang pun penagih dadah. Mungkin ke hadapan ini boleh kita lihat dalam apa bentuk yang boleh kita selaraskan dengan cara apa yang mereka buat sehinggakan tidak ada penagih dadah.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, sebab diberi 5 minit, negara memerlukan orang yang disiplin, hanya disiplin sahaja yang membolehkan kita menjadi rakyat yang berjaya. Negara-negara yang berdisiplin boleh menggunakan disiplin rakyatnya kepada tujuan kebaikan dan tujuan kemungkar. Hitler peminat saya, menggunakan disiplin. Peminat dari segi kemampuannya memimpin, tetapi cara dia bertindak saya tidak bersetuju, dia mengenakan disiplin yang

ketat kepada rakyatnya sehingga dia dapat memimpin rakyatnya bukan sahaja ke arah kemajuan industri tetapi ke arah kemajuan ketenteraan, tetapi malangnya dia telah menyeleweng dengan membawa rakyatnya ke arah kemungkarannya hingga memulakan Perang Dunia dan sebagainya, tetapi sekarang disiplin sifat rakyat Jerman itu sehingga mereka merupakan manusia yang berjaya. Demikian lagi satu bangsa saya rasa Jepun, mulanya mereka dilatih untuk menjadi manusia yang berdisiplin, akhirnya telah disalahgunakan disiplin mereka itu untuk memulakan peperangan dunia, selepas itu mereka pun tewas, tetapi disiplin yang se lama ini telah dilatih sehingga rakyat mereka menjadi rakyat yang berjaya. Jadi demikian juga di Malaysia, saya ingat usaha yang di buat oleh Kerajaan terutamanya Perdana Menteri kita yang menekankan masalah disiplin, kita dalam Dewan inipun bukan ada disiplin, DAP tidak ada disiplin langsung. Kalau mereka ada disiplin, saya ingat tidak jadi macam ini kalau mereka sama-sama ingin memupuk supaya rakyat jadi betul-betul berdisiplin, maka tidak ada macam ini.

Tadi Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa yang telahpun cabut lari awal menyebutkan soal disiplin, soal rohaniah dan sebagainya. Sebenarnya dia bercakap dia manusia yang tidak ada disiplin, rekodkan kenyataan, kalau ada disiplin dia ada cara lain untuk membentuk sesuatu umat atau sesuatu bangsa. Jadi, bukan dengan cara menegur, mengkritik, menghentam, itu bukan disiplin, tetapi cara disiplin ialah cara yang membina. Dahulu Yang Berhormat dari Bukit Bintang dia ada disiplin menegur, cara yang membina sekarang dia pun dekat pilihanraya sudah jadi kelam-kabut, dia pun sudah terturut-turut dengan kawannya, kalau tidak dia cukup bagus trendnya, tetapi saya rasa dia akan perbetul balik supaya jadi orang yang berdisiplin. Demikian juga Kerajaan, PEMADAM ini . . . .

**Seorang Ahli:** Kepong tidak ada disiplin.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Kepong tidak ada disiplin langsung. Kerajaan ini saya ingat melalui usaha-usaha badan sukarela seperti PEMADAM tujuan kita adalah untuk mendisiplinkan orang. Kita kena ingat bahawa walaupun kita memberi latihan ataupun kita masukkan mereka ke Pusat-pusat Pemulihan Dadah, tetapi saya mendapat maklumat lebih 50% penagih-penagih dadah kembali menagih semula. Saya rasa angka 50% itu lebih tinggi, tetapi saya sebut 50%, kerana apa? Kerana mereka apabila keluar mereka berjumlah kumpulan manusia yang tidak berdisiplin. Jadi, usaha-usaha PEMADAM ialah ke arah mendisiplinkan manusia.

Saya percaya kalau rakyat Malaysia bergerak ke arah tersebut maka kita tidak dapat tidak akan menjadi manusia yang berdisiplin, maka dadah akan berkurangan dan apa yang kita buat sekarang ini, saya rasa kejayaannya sampai ke tahap yang saya rasa boleh dibanggakan sehingga Wakil DAP dan 46 juga masuk dalam PEMADAM, itu sebab kita dalam PEMADAM cukup disiplin. Orang-orang yang tahu menghargai diri, tahu taat kepada negara dan sebagainya, sehingga kita telah dapat mengurangkan penagih dadah. Walaupun Kerajaan mendapat pengiktrifan tetapi PEMADAM sama-sama dengan Kerajaan mendapat pengiktirafan dunia, Kerajaan Amerika belanja berbilion-bilion ringgit, sanggup pergi tangkap seorang Ketua Negara kerana dadah dan sebagainya, maka kita tidak ada pilihan untuk mempertahankan Akta ini. Saya percaya bukan sahaja diminta 50 tahun, 100 tahun pun kita akan bersetuju kerana inilah satu-satunya cara yang boleh untuk kita membanteras dadah.

Jadi, itulah saya minta supaya kita memberi sokongan sepenuhnya kepada badan sukarela dan saya juga diminta oleh badan-badan sukarela, apakah ke hadapan ini Kerajaan tidak mahu memikirkan hukuman juga kepada penagih dadah. Sekarang ini kita membelanjakan penagih dadah ini untuk

menjaga mereka sehingga belanjanya untuk seorang penagih itu lebih belanjanya daripada seorang yang kita hantar untuk belajar ke England untuk jumlah yang sama bagi satu tahun. Jadi seolah-olah untuk memulihkan penagih, lebih mahal daripada kita melatih anak kita untuk mendapat kejayaan akademik yang cemerlang, tetapi kalau kita hendak buat macam itu, susah, tetapi mungkin boleh difikirkan, dahulu ada orang kata mungkin kita boleh letakkan di sebuah pulau dan sebagainya, difikirkan jalan-jalan supaya ibu bapa sekarang ini sama-sama, bukan bercakap sahaja, bersama-sama dengan Kerajaan untuk mencegah dadah, jangan sembunyi anak mereka, jangan bagi Kerajaan sebut kalau angka penagih dadah 140,000 terpaksa dikali dengan empat, maknanya yang tiga lagi itu tidak mahu didedahkan yang mereka terlibat dengan dadah. Ini kita terpaksa, saya hendak cadang di sini supaya sesuatu dibuat untuk hukuman juga dikenakan kepada penagih dadah.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Lima minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, lebih dari lima minit sudah, sudah sepuluh minit.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.52 mlm.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada tiga wakil yang telah bercakap. Yang pertama ialah Ahli dari Kepong. Saya ucapkan terima kasih banyak-banyak kepada wakil dari Kepong kerana inilah merupakan ucapan yang paling

mild, dengan izin, saya pernah dengar daripada Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Pada mulanya Yang Berhormat, saya fikir cukup sahaja format dikemaskinikan, tetapi dikaji dengan teliti, terpaksa dipinda Akta ini supaya mengemaskinikan. Ini bukan untuk hendak Pilihanraya, ini bukan untuk hendak main politik, tidak ada niat langsung, tetapi semata-mata untuk menentukan bahawa rakyat kita, anak-anak muda kita tidak menjadi ancaman dadah ini, dan Kerajaan sungguh serius dalam hal ini. Saya akan memberi jaminan bahawa pegawai-pegawai akan melaksanakan Undang-undang ini dengan adil dan saksama dan memastikan kecekapan pegawai-pegawai yang melaksanakannya.

Tentang tangkapan dan rampasan dadah yang bertambah adalah kerana kecekapan pegawai dan kerjasama daripada orang ramai. Pihak Kerajaan akan dari masa ke masa memperhebatkan kawalan atas kemasukan dadah ini. Saya setuju bahawa penagihan dadah di Malaysia adalah tinggi, itulah sebabnya kita serius dengan masalah ini agar kita janganlah popular kerana penagih-penagih dadah.

Bagi Ahli dari Kuala Terengganu pula, saya sungguh-sungguh mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan serta penjelasan yang terperinci yang mana membuat kita perlunya meminda Akta ini dan daripada pengalaman-pengalaman serta juga pengetahuan yang ada pada wakil tersebut telah memberi contoh-contoh yang mana pindaan ini adalah sangat bersesuaian.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada wakil Arau, bagaimanapun angka tadi sejak tahun 1985 sehingga 1990 yang telahpun kita gunakan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) ini ialah seramai 1,259 orang dan kes-kes yang sudah dan sedang dan akan dibawa ke mahkamah hanya berjumlah 300 sahaja yang mana insya Allah, dengan adanya Akta ini, maka perkara-perkara ini akan tidak timbul.

Berbangkit pula dengan peruntukan kepada PEMADAM—100,000, sukar kerana PEMADAM ialah sebuah badan amal. Kalau sekiranya Kerajaan memberi tambahan kepada PEMADAM, maka badan-badan amal lain juga berhak untuk mendapatkan tambahan. Bagaimanapun, ada cara-cara lain yang kita akan dapat bantuan daripada Kerajaan dan perkara ini sedangpun diperbincangkan dengan pihak-pihak yang tertentu. Tentang saranan Yang Berhormat bahawa penagih juga eloklah dihukum, perkara ini saya fikir eloklah kita tengok dahulu bagaimana kekesan tentang sistem pemulihan dan rawatan yang sedang kita jalankan sehingga dapat kejayaan dari segi penagihan ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih (*Tepek*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 5—*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, beberapa pertanyaan yang singkat. Fasal 2 pindaan ini bererti Kerajaanlah yang akan menentukan tarikh tempoh tahanan bermula. Mengapa pula Kerajaan tidak dapat menyamakan tarikh perintah ditandatangani dengan tarikh perintah berkuatkuasa tanpa apa-apa pindaan kepada Undang-undang. Adakah pembaikan dalam pentadbiran serta kordinasi di antara Menteri dengan pihak penguatkuasa tidak mungkin tercapai tanpa pindaan kepada Undang-undang.

Dengan menghapuskan perkataan-perkataan dari tarikh perintah itu, maka bagaimanakah tarikh bermulanya tempoh tahanan harus ditentukan.

Fasal-fasal 3, 4 dan 5 (1) merujuk kepada perintah tahanan baru, perintah sekatan baru dan mengesahkan perintah tahanan baru sungguhpun perintah tahanan terdahulu dibatalkan tanpa keperluan di pihak Kerajaan untuk mengeluarkan laporan baru atau menghalang daripada mengguna laporan yang lama. Adakah ini bermakna hasrat Kerajaan untuk menahan semula mereka semua yang telah dibebaskan oleh mahkamah kerana kekeliruan di antara tarikh Menteri menandatangani perintah tahanan dengan tarikh perintah mula berkuatkuasa. Mengapakah seharusnya Kerajaan dikecuali daripada mengeluarkan laporan yang baru.

Jika Kerajaan dibenarkan mengguna laporan yang lama, maka ada-lah ini bermakna kes-kes lama mereka yang dituduh terlibat dalam kegiatan dadah tetapi selepas pembicaraan dilepaskan boleh dikemukakan sekali lagi sebagai asas untuk menahan sekali lagi mereka ini. Tetapi menurut pindaan dalam Fasal 5 (2) yang melarang apa-apa tindakan guaman, pendakwaan atau apa-apa prosiding undang-undang lain diambil dimulakan atau dikekalkan berkenaan dengan apa-apa perintah tahanan atau penahanan yang disahkan di bawah Fasal 5(1), tidak terpakai jika mahkamah telah memberi keputusan muktamad sebelum berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini, atau jika ada rayuan berkenaan.

Tuan Pengerusi, maka apakah gunanya Kerajaan mengguna laporan lama jika tidak kerana hendak menangkap semula mereka yang dibebaskan. Selepas pindaan, kemusyikilan mengenai tarikh tahanan yang berbeza tidak akan muncul lagi maka tidak akan berlakunya pembebasan sesiapa yang ditahankan atas alasan ini. Maka di bawah keadaan manakah Kerajaan akan perlu menguatkuasakan subseksyen baru (2) dalam seksyen 6A pindaan oleh Fasal 3, atau

pindaan pada seksyen 11B, Fasal 4 dan Fasal 5(1). Sekian, terima kasih.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, sebagai manusia biasa tentu akan wujud kesilapan. Dengan sebab itu, kalau sekiranya Fasal 2 ini tidak dikemaskinikan, keberkemungkinan akan berlaku perselisihan tarikh daripada tarikh Menteri menandatangani dengan tarikh yang ada dalam perintah. Jadi untuk mengelakkan perkara itu, itulah sebabnya Fasal 2 ini dipinda.

Saya ingat perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat itu tidak wujud oleh kerana larangan ini bagaimanapun tidak terpakai bagi apa-apa prosiding undang-undang jika mahkamah telah memberikan keputusan muktamad sebelum mula berkuatkuasa Rang Undang-undang ini atau jika ada rayuan berkenaan dengan keputusan ini.

*Fasal 1 hingga 5* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Pendahuluan* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menangguhkan mesyuarat, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah memberi kerjasama kepada saya dan juga kepada Timbalan saya untuk menguruskan mesyuarat ini yang telahpun kita selesaikan dalam jadual yang telah ditetapkan.

Ahli-ahli Yang terhormat, berbalik kepada Usul kita tadi, Dewan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan. (*Tepuk*)

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.03 malam.*